



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEMBILAN
PENGKAL KEDUA
MESYUARAT PERTAMA**

KANDUNGAN

USUL-USUL:

Rancangan Malaysia Ketujuh 1996-2000

[Ruangan 1]

Waktu Mesyuarat Dan Urusan Yang Dibebaskan Daripada
Peraturan Mesyuarat

[Ruangan 41]

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI
DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S.,
S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S.
(Kubang Pasu).

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, DATO' SERI
ANWAR BIN IBRAHIM, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K.,
D.M.P.N. (Permatang Pauh).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR. LING LIONG SIK, D.G.S.M.,
S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis).

" Menteri Kerja Raya, DATO' SERI S. SAMY VELLU, S.P.M.P., S.P.M.J.,
D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

" Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR. LIM KENG YAIK, S.P.M.P.,
D.P.C.M. (Beruas).

" Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK,
P.N.B.S. (Kanowit).

" Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH
AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

" Menteri Pertanian, DATUK SERI AMAR DR. HAJI SULAIMAN BIN HAJI
DAUD, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

" Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO'
HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S., S.M.T., P.I.S.
(Kuala Selangor).

" Menteri Pendidikan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI
ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P.,
D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan).

" Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P.,
S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulau).

" Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN
CHIK, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).

" Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T.,
J.P. (Bentong).

" Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN
DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N.
(Kuala Rajang).

" Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK LAW HIENG DING,
P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei).

" Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR. TING CHEW
PEH, D.P.M.P. (Gopeng).

" Menteri Pertahanan, DATO' SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR,
D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi).

" Menteri Pembangunan Luar Bandar, DATO' HAJI ANNUAR BIN HAJI
MUSA, S.I.M.P. (Peringat).

- Yang Berhormat Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas).
- „ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATUK OSU BIN HAJI SUKAM, P.G.D.K. (Papar).
- „ Menteri Belia dan Sukan, TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).
- „ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak).
- „ Menteri Kesihatan, DATUK CHUA JUI MENG, S.M.J., D.I.M.P., P.I.S. (Bakri).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR. HAJI ABDUL HAMID BIN OTHMAN, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- „ Menteri Pembangunan Usahawan, DATO' MUSTAPA BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Jeli).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' DR. SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Paya Besar).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK RAILEY BIN HAJI JAFFREY, P.G.D.K., J.M.N. (Silam).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DR. LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' DR. ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' DR. SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' TENG GAIK KWAN, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).
- „ Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' HAJI TENGGU MAHMUD BIN TENGGU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).
- „ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DATUK DR. FONG CHAN ONN, D.M.S.M. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' CHAN KONG CHOY, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, DATO' K. KUMARAN, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' DR. AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR. IBRAHIM BIN SAAD, D.M.S.M. (Tasek Gelugor).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATO' ABU BAKAR BIN DAUD, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATUK WIRA MOHD. ALI BIN MOHD. RUSTAM, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DR. GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK HAJI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, CIK SITI ZAINAB BINTI ABU BAKAR, S.M.J. (Tebrau).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, TUAN IDRIS BIN JUSOH, P.J.K. (Besut).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATO' M. MAHALINGAM, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' MOHD. NOH BIN RAJAB, D.S.N.S. (Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, DATO' HAJI MUHAMAD BIN ABDULLAH, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN AZMI BIN KHALID, S.M.P., P.J.K. (Padang Besar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, DR. HAJI SHAFIE BIN MOHD. SALLEH, S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' HISHAMUDDIN BIN TUN HUSSEIN, S.P.M.J. (Tenggara).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, DATO' ABU BAKAR BIN TAIB, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, TUAN TAN CHAI HO, K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATUK MOHD. SHAFIE BIN HAJI APDAL, P.G.D.K. (Semporna).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, PUAN SHAHRIZAT BINTI ABDUL JALIL (Lembah Pantai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN G. PALANIVEL, P.J.K. (Hulu Selangor).
- „ TUAN ABDOL MULOK BIN HAJI AWANG DAMIT (Labuan).
- „ TUAN ABDUL AZIZ BIN MOHD. YASSIN (Muar).
- „ TUN ABDUL GHAFAR BIN BABA, S.S.M. (Jasin).
- „ TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAHIN BIN DATO' MOHD. SAID (Kuala Nerus).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN HAJI SULAIMAN, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan).
- „ DATUK ABU SEMAN BIN HAJI YUSOF, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI ABU ZAHAR BIN DATO' NIKA UJANG, A.M.N. (Kuala Pilah).
- „ TUAN AHMAD HUSNI BIN MOHD. HANADZLAH, P.P.T., A.M.P. (Tambun).
- „ TUAN AHMAD KAMARUZAMAN BIN MOHAMED BARIA, P.J.K. (Jerantut).
- „ DATUK AHMAD ZAHID BIN HAMIDI, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok).
- „ PUAN AINON KHARIYAH BINTI DATO' MOHD. ABAS, P.M.P., A.M.P. (Parit).
- „ TUAN AKBARKHAN BIN ABDUL RAHMAN (Libaran).
- „ TUAN AMIHAMZAH BIN AHMAD (Lipis).

Yang Berhormat DATU AMIRKAHAR BIN TUN DATU HAJI MUSTAPHA (Marudu).

- „ TUAN ASMAT NUNGKA (Beluran).
- „ DATO' HAJI BADRUDDIN BIN AMIRULDIN, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan).
- „ TUAN HAJI BADRUL HISHAM BIN ABDUL AZIZ, A.S.A. (Hulu Langat).
- „ TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- „ TUAN HAJI BUNYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- „ TUAN CHANG KON YOU (Ipoh Timor).
- „ CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA, P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN CHIA KWANG CHYE (Bukit Bendera).
- „ TUAN CHIEW CHIU SING (Bintulu).
- „ DATO' JOSEPH CHONG CHEK AH, D.S.P.N. (Batu).
- „ PUAN CHUA SOON BUI (Tawau).
- „ TUN DAIM BIN HAJI ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).
- „ TUAN FU AH KIOW (Mentakab).
- „ TUAN HAMZAH BIN RAMLI (Sri Gading).
- „ DATO' HAJI HANAFI BIN RAMLI, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun).
- „ TUAN HASHIM BIN ISMAIL, P.P.N., P.I.S. (Ledang).
- „ TUAN HENRYNUS AMIN, A.D.K. (Kinabalu).
- „ DATO' HEW SEE TONG, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar).
- „ TUAN HO CHEONG SING, A.M.N. (Ipoh Barat).
- „ DATO' HON CHOON KIM, D.S.N.S. (Seremban).
- „ TUAN HOO SEONG CHANG (Kluang).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- „ TUAN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- „ PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO' HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- „ TUAN JACOB DUNGAU SAGAN, P.P.B. (Baram).
- „ DATO' DR. HAJI JAMALUDDIN BIN DATO' MOHD. JARJIS, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JIMMY LIM @ JIMMY DONALD (Sri Aman).
- „ TUAN JOSEPH MAUH ANAK IKEH (Selangau).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ DATO' DR. KAMAL BIN SALLEH, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju).
- „ TUAN KAMARUDIN BIN AHMAD (Arau).

Yang Berhormat TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).

- „ DR. L. KRISHNAN, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang).
- „ TUAN LAU NGAN SIEW, A.D.K. (Sandakan).
- „ DR. LEE CHONG MENG (Bukit Bintang).
- „ DR. G. LEELAVATHI, A.M.N. (Kapar).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ TUAN VINCENT LIM KUO PHAU (Petaling Jaya Utara).
- „ PUAN LIM LAY HOON, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai).
- „ TUAN LIM SI CHENG, P.I.S. (Senai).
- „ TUAN LIM SIANG CHAI (Petaling Jaya Selatan).
- „ DATO' HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN MANSOR BIN MASIKON (Batu Pahat).
- „ DR. MAXIMUS JOHNNITY ONGKILI, A.S.D.K., J.P. (Bandau).
- „ TUAN MD. ISA BIN SABU (Kangar).
- „ TUAN MICHAEL LISA KAYA, B.B.S. (Bukit Mas).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Kubang Kerian).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ABDULLAH (Pasir Puteh).
- „ TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ DATUK MOHD. SALLEH BIN TUN SAID, P.G.D.K. (Kota Belud).
- „ DATO' HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P. (Larut).
- „ TUAN MOKHTARUDDIN BIN WAN YUSOF (Dungun).
- „ TUAN HAJI MUSTAFA BIN MUDA, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K., J.P. (Hulu Terengganu).
- „ TUAN HAJI NIK MOHD. AMAR BIN HAJI NIK ABDULLAH (Pengkalan Chepa).
- „ TUAN NOH BIN OMAR, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ DR. NUNGSARI BIN AHMAD RADHI (Balik Pulau).
- „ DATUK NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Beaufort).
- „ TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ DATO' OTHMAN BIN ABDUL, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang).
- „ DR. PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN PAUL NOUTIN, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN PHILIP YONG CHEW LIP, A.D.K. (Gaya).

- Yang Berhormat DATO' HAJI QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai).
- „ TUAN RADIN MALLEH (Tenom).
- „ DR. RAMLI BIN TAIB (Kemaman).
- „ MULIA TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).
- „ TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
- „ PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM, P.P.B. (Santubong).
- „ TUAN RUHANIE BIN HAJI AHMAD, P.I.S. (Parit Sulong).
- „ DATO' SALAMON BIN SELAMAT, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam).
- „ DR. SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
- „ PUAN SERIPAH NOLI BINTI SYED HUSSIN (Sepang).
- „ DATUK S'NG CHEE HUA, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau).
- „ DATUK SONG SWEE GUAN, P.G.D.K. (Bandar Kuching).
- „ CIK SUKINAM DOMO (Batang Sadong).
- „ DATO' HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED, D.J.M.K., J.P. (Machang).
- „ DR. TAN CHONG KENG (Bukit Mertajam).
- „ DR. TAN KEE KWONG (Segambut).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Cheras).
- „ DR. TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ DR. TAN YEE KEW (Kelang).
- „ TUAN TIONG THAI KING (Lanang).
- „ TUAN TUE SI @ CHANG SEE TEN, P.I.S. (Gelang Patah).
- „ WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN, B.K.M. (Pokok Sena).
- „ WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR, P.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN HAJI WAN MOHD JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- „ TUAN WONG KAM HOONG, K.M.N. (Bayan Baru).
- „ DATO' YAP PIAN HON, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang).
- „ DR. YAP YIT THONG, A.M.P., A.M.N. (Lumut).
- „ DR. YEE MOH CHAI (Tanjong Aru).
- „ TUAN YEONG CHEE WAH (Batu Gajah).
- „ TUAN YUNOF EDWARD MARINGKING (Tuaran).
- „ TUAN YUNUS BIN RAHMAT (Jelebu).
- „ DR. HAJI YUSOF BIN HAJI YACOB, A.D.K. (Sipitang).
- „ TUAN ZAINAL ABIDIN BIN OSMAN (Mersing).
- „ TUAN HAJI ZAINUDDIN BIN HAJI MOHAMAD NOR, S.M.K. (Pasir Mas).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN MOHD. SAID, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat:	Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali, D.P.M.T., A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.
Ketua Penolong Setiausaha:	Said bin Sidik.
Pmk. Ketua Penolong Setiausaha:	Abdullah bin Abdul Wahab.
Penolong Setiausaha Kanan:	Zamani bin Haji Sulaiman.

CAWANGAN DOKUMENTASI

Pegawai Penerbitan:	Azhari bin Hamzah.
Pelapor Perbahasan Parlimen:	Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N. Haji Suhor bin Husin. Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop. Hajah Supiah binti Dewak. Mohamed bin Osman. Hajah Norishah binti Mohd. Thani. Zaharah binti Naim. Norwahidah binti Azizi. Jainah binti Sakimin. Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop. Shamsina binti Janor.

CAWANGAN BENTARA

Bentara Mesyuarat:	Lt. Kol. (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Motalib. Mejar (B) Zakaria bin Salleh.
--------------------	---

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Rabu, 15 Mei, 1996

Mesyuarat dimulakan pada pukul
2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

USUL

Rancangan Malaysia Ketujuh
1996-2000

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan atas Usul dibuat oleh Perdana Menteri dan Masalah dicadangkan:

Bahawa Dewan ini,

menyedari pertumbuhan pesat ekonomi negara dan kemajuan ketara dalam pencapaian matlamat sosio-ekonomi negara dalam tempoh pelaksanaan Rancangan Malaysia Keenam;

menyokong kerajaan meneruskan pelaksanaan Dasar Pembangunan Nasional dan usaha-usaha untuk mencapai objektif yang terkandung dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua melalui proses Rancangan Pembangunan Lima Tahun;

melulus dan merestui Rancangan Malaysia Ketujuh yang telah dirangka untuk melaksanakan strategi dan program serta menyediakan peruntukan untuk merealisasikan

objektif dan komitmen Dasar Pembangunan Nasional seperti yang dibentangkan dalam Kertas Perintah Bil. CMD 8 Tahun 1996;

Bahawa dalam meluluskan Rancangan Malaysia Ketujuh, Dewan ini menyeru semua rakyat Malaysia mempergiatkan usaha dan komitmen mereka ke arah matlamat mewujudkan masyarakat yang bersatu padu, adil, progresif, berdaya saing dan berdaya tahan, selaras dengan aspirasi negara untuk mencapai status negara maju seperti yang dihasratkan di bawah Wawasan 2020. (14hb Mei 1996)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Seremban.

2.34 ptg.

Dato' Hon Choon Kim (Seremban): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya telah menunggu empat hari dan hari ini baru dapat peluang, saya mengucapkan berbanyak terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, saya dengan sukacita melihat dalam Rancangan Malaysia Keenam negara kita telah mencapai banyak kejayaan dalam pelbagai bidang. Pertumbuhan ekonomi berkembang sebanyak 8.7% setahun dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam. Saya cukup amat berbangga kadar pertumbuhan ini dicapai tanpa masalah inflasi kerana kadar inflasi adalah rendah, iaitu hanya 4% sahaja manakala kadar pengangguran telah dikurangkan kepada 2.8% dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai rakyat biasa atau 'man in the street', dengan izin, angka-angka dan jangkaan-jangkaan yang disebut dalam Rancangan Malaysia Ketujuh tidak membawa apa-apa makna. Apa yang penting bagi rakyat jelata ialah Rancangan Malaysia Ketujuh boleh

membawa kesenangan hidup untuk mereka dan anak-anaknya.

Untuk meningkatkan kualiti hidup rakyat Malaysia, kerajaan telah merancang dalam Rancangan Malaysia Ketujuh untuk menyediakan sebanyak 800,000 unit rumah bagi memenuhi permintaan yang meningkat. Pihak swasta dijangkakan akan membina sebanyak 71% daripada jumlah bilangan rumah ini. Sebahagian besar rumah akan dibina adalah merupakan rumah kos rendah. Saya amat gembira kerana kerajaan begitu peka terhadap masalah perumahan ini dan perumahan boleh dianggap sebagai keperluan asas bagi rakyat dan harus diberikan perhatian yang serius.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sejak beberapa tahun yang sudah telah melaksanakan banyak projek perumahan untuk membina rumah rakyat atau rumah kos rendah untuk rakyat yang berpendapatan rendah. Rumah ini diberikan kepada rakyat secara sewa beli. Dengan cara ini kerajaan telah membantu ramai rakyat memiliki rumah kediaman. Dalam Rancangan Malaysia Keenam, kerajaan juga telah merancang untuk membina sebanyak 126,800 unit rumah, malangnya cuma sebanyak 46,491 unit telah dibina yang merupakan 36.7% sahaja daripada sasaran. Saya tidak tahu sebabnya tetapi kerajaan perlu mengkaji semula perkara ini dan memastikan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh apa yang dirancangan itu dapat dilaksanakan dengan berjaya. Kerajaan negeri harus dinasihatkan supaya dapat menentukan tanah yang sesuai untuk projek perumahan kos rendah dalam Rancangan Malaysia Ketujuh.

Tuan Yang di-Pertua, jumlah unit rumah yang dijangkakan dibina oleh pihak swasta adalah sebanyak 560,000 unit. Pihak pemaju swasta telah mencapai prestasi yang agak baik dalam Rancangan Malaysia Keenam. Sebenarnya pemaju

swasta telah membina jumlah unit rumah yang melebihi sasarannya. Oleh yang demikian, saya yakin dan percaya bahawa jumlah unit rumah yang dirancang untuk dibina oleh swasta dalam Rancangan Malaysia Ketujuh akan dicapai, akan tetapi kerajaan harus.....

Tuan Yunus bin Rahmat: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Jelevu bangun.

Dato' Hon Choon Kim: Sila.

Tuan Yunus bin Rahmat: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya cukup tertarik dengan saranan yang telah diberikan oleh Ahli Yang Berhormat dari Seremban. Cuma saya ingin bertanya, adakah Yang Berhormat sedar bahawa kadang-kadang itu rasa hendak membina rumah ini memang begitu mendesak di kalangan kontraktor yang telah diberikan kepercayaan, tetapi oleh kerana masalah pengurusan tanah di peringkat daerah dan juga kerajaan negeri sehinggakan kontraktor itu terpaksa menanggung masa yang begitu lama untuk projek-projek tersebut dijalankan, kadang-kadang sampai satu setengah tahun masih lagi belum boleh dilaksanakan projek perumahan yang telah diputuskan oleh kerajaan negeri. Jadi, saya ingin bertanya adakah Yang Berhormat sedar dan apakah cadangan Yang Berhormat agaknya untuk menyelesaikan masalah ini?

Dato' Hon Choon Kim: Terima kasih, Yang Berhormat telah mengingatkan beberapa perkara yang perlu kita timbangkan. Sebenarnya saya akan sampai kepada perkara yang disebutkan oleh Yang Berhormat. Akan tetapi, kerajaan harus mengambil beberapa langkah untuk memastikan kejayaannya iaitu yang pertama, seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Jelevu, kerajaan haruslah memper-

cepatkan kelulusan permohonan penukaran syarat tanah untuk pembinaan projek perumahan kos rendah.

Yang kedua, memberikan kemudahan kewangan dalam bentuk pinjaman wang bagi pemaju perumahan dan pembeli. Salah satu masalah yang dihadapi oleh pemaju dan pembeli rumah kos rendah ialah sukar mendapatkan pinjaman dari institusi kewangan. Oleh kerana itu, Bank Negara harus memastikan bank-bank dan lain-lain institut kewangan supaya memberikan sebahagian pinjaman untuk membina dan membeli rumah kos rendah.

Mereka biasanya diberikan banyak "terms and conditions", dengan izin, sebelum sesuatu permohonan diluluskan. Ini memang merupakan satu perkara yang rumit. Biasanya, bank mempunyai banyak syarat dan meminta bermacam-macam perkara daripada pembeli sebelum kelulusan dibuat dan bank menganggap kelulusan diberikan kepada pembeli untuk membeli rumah kos rendah sebagai pinjaman dengan pulangan yang tidak begitu lumayan. Oleh kerana itu, kebanyakan bank tidak berminat untuk meminjamkan wang kepada pembeli untuk membeli rumah kos rendah.

Yang ketiga, memastikan tenaga manusia dan bahan-bahan pembinaan khususnya simen adalah mencukupi untuk melaksanakan projek perumahan dalam tempoh masa yang dirancang. Buat masa sekarang, sektor pembinaan masih mengalami kekurangan pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya perkara-perkara yang saya sebutkan tadi, dapat dikawal dan di atasi, saya yakin dan percaya kerajaan akan mencapai matlamat yang ditetapkan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh ini.

Tuan Yang di-Pertua, dari aspek pengagihan perumahan kos rendah, saya juga merasa kecewa kerana dapat melihat pada hari ini banyak perumahan kos rendah tidak sampai kepada sasarannya.

Jadi, ini adalah satu perkara yang perlu kita memberikan perhatian dan kita nampak hari ini, banyak yang tidak layak juga dapat rumah kos rendah. Ini boleh dilihat dari segi bentuk dan jenis pengubahsuaian yang telah dilakukan sampai kehilangan ciri-ciri bentuk rumah kos rendah.

Saya bercadang satu sistem pendaftaran berpusat harus diwujudkan dengan segera supaya seseorang itu tidak membeli melebihi daripada satu unit rumah kos rendah.

Kedua, nama pemohon hendaklah dipamerkan bagi satu tempoh masa yang mencukupi untuk orang ramai membuat bantahan.

Yang ketiga, pemohon yang memberikan butiran yang tidak benar dalam borang permohonan hendaklah didenda dan disenaraihitamkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana usaha yang diberikan untuk menyelesaikan banyak projek perumahan yang terbengkalai. Dalam usaha untuk menyiapkan projek perumahan yang terbengkalai, kerajaan telah menyediakan satu tabung untuk membantu pemaju dan pembeli. Saya ingin tahu jumlah wang yang telah digunakan dan jumlah unit rumah yang telah diselesaikan. Bagi projek-projek perumahan yang masih terbengkalai, apa cadangan atau apa langkah akan diambil supaya projek-projek perumahan yang masih terbengkalai, yang masih dianggap tidak viable itu dapat dibina dengan secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita menyebut projek perumahan, kita boleh nampak pada hari ini banyak taman-taman perumahan telah didirikan dan ini akan membebaskan tanggungjawab kerajaan tempatan. Oleh itu, saya berharap kerajaan perlu mengkaji sama ada pihak berkuasa tempatan mempunyai cukup tenaga,

pekerja dan cukup kewangan untuk menjalankan tugas dengan sempurna.

Tuan Yang di-Pertua, saya berasa tidak senang hati tentang prestasi kerajaan tempatan yang sedia ada. Kalau mengikut jawapan yang telah diberikan dalam Dewan yang mulia ini, cuma sebanyak 79 buah pihak berkuasa tempatan mempunyai keadaan kewangan yang cukup yang boleh melaksanakan projek-projek atau menjalankan tanggungjawab untuk memberikan perkhidmatan yang baik kepada penduduk-penduduk yang tinggal di dalam kawasan jagaan kerajaan tempatan, yang lain itu masih berhutang dengan begitu banyak wang dengan Kerajaan Pusat. Oleh kerana itu, saya berharap kerajaan mesti mengkaji sama ada kerajaan tempatan cukup kewangan untuk melaksanakan tanggungjawab ataupun perkhidmatan yang diberikan.

Kalau Tuan Yang di-Pertua melawat kawasan-kawasan yang dijaga oleh kerajaan tempatan, saya rasa Tuan Yang di-Pertua mesti akan melihat banyak jalan yang berlubang-lubang dan banyak longkang yang pecah dan banyak keadaan dan banyak tempat tidak sampai tahap dari segi kebersihan dan sebagainya, banyak rakyat "complaint" tentang prestasi, tentang perkhidmatan yang diberikan oleh pihak berkuasa tempatan.

Oleh kerana itu, saya berharap kerajaan haruslah mengkaji semula tentang akta kerajaan tempatan sama ada akta kerajaan tempatan cukup kuasa atau cukup kemudahan untuk mereka mengendalikan tugas-tugas dengan baik dan sempurna.

Tuan Yang di-Pertua, ada satu perkara yang berkaitan dengan kerajaan tempatan ialah tempat pelupusan sampah. Tempat pelupusan sampah seperti yang telah dibangkitkan sama ada di dalam Dewan atau di luar Dewan oleh rakyat, memang tidak dapat dinafikan sistem pelupusan sampah ini mempunyai banyak masalah. Sistem pelupusan sampah yang ada

sekarang ialah kebanyakannya merupakan "open dumping" iaitu buang secara terbuka sahaja. Tetapi, pada pandangan saya sistem ini tidak sesuai lagi sebab kebanyakan tempat-tempat pelupusan sampah adalah berhampiran dengan taman-taman perumahan. Jadi, apa yang berlaku sekarang adalah kita dapat melihat banyak tempat pelupusan sampah telah terbakar dan menimbulkan banyak masalah dan akan menjejaskan kesihatan rakyat yang tinggal berhampiran.

Saya ingin menyebutkan satu contoh, di Kampung Baru Sikamat di kawasan saya, di kawasan itu mempunyai satu tempat pelupusan sampah yang berhampiran dan kawasan pelupusan sampah itu memang sering berlaku kebakaran sampai rakyat yang tinggal di kampung baru itu datang beramai-ramai untuk menunjukkan perasaan. Jadi, itulah satu perkara yang perlu kita mengambil perhatian dan tindakan supaya perkara itu dapat kita selesaikan.

Tuan Yang di-Pertua, apabila bilangan taman perumahan baru kian bertambah, satu masalah yang timbul lagi ialah kesesakan lalu lintas atau traffic jam di bandar atau di pekan. Kesesakan lalu lintas ini telah menjadi satu masalah yang serius. Di bandar Seremban umpamanya, walaupun semua jalan di bandar itu telah ditukar kepada jalan sehalu 'one way traffic', dengan izin, tetapi masalah kesesakan trafik masih bertambah serius. Satu sistem 'ring road', dengan izin, yang telah dirancang begitu lama harus dilaksanakan dengan secepat mungkin. Saya juga bercadang sebatang jalan berbentuk flyover harus dibina di simpang Jalan Sungai Ujong dan Jalan Rahang supaya kenderaan yang menuju ke kawasan Rahang dan Rasah tidak perlu masuk ke bandar.

Tuan Yang di-Pertua, syabas saya ucapkan kepada kerajaan kerana memberikan banyak keutamaan kepada pendidikan dan latihan kemahiran.

Beberapa perubahan besar akan diperkenalkan dalam sistem pendidikan untuk pendidikan rendah dan juga menengah.

Kerajaan juga bercadang untuk mencantum sekolah kecil yang mempunyai kurang daripada 150 orang murid dan menempatkan ke kompleks-kompleks sekolah yang baru. Dalam soal ini, kerajaan mesti berunding terlebih dahulu dengan pihak PIBG serta lembaga sekolah sebelum tindakan itu dilaksanakan. Bagi taman-taman perumahan baru, saya bercadang supaya pembinaan sekolah-sekolah baru termasuk SRJK(C) dan SRJK(T) atau sekolah wawasan. Banyak taman-taman perumahan baru masih belum disediakan sekolah.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian juga bercadang untuk melaksanakan sistem di mana jikalau terdapat murid Darjah 3 yang berprestasi yang agak baik boleh melanjutkan pelajaran mereka terus ke Darjah 5. Sistem ini akan dilaksanakan pada tahun 1997. Pelajar di Darjah 3 akan menduduki satu peperiksaan pada bulan September tahun ini untuk menentukan kelayakan untuk melompat ke Darjah 5. Sistem ini adalah baik supaya membolehkan pelajar yang baik mengurangkan masa satu tahun di sekolah rendah.

Oleh kerana sistem ini adalah baru, ramai ibu bapa termasuk pihak sekolah masih belum tahu bagaimana ia akan dilaksanakan dan implikasinya. Oleh itu kementerian harus menjelaskan tentang hal ini supaya mengurangkan kekeliruan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga dapat lihat dalam Rancangan Malaysia Ketujuh mengenai prestasi di sekolah luar bandar dan sekolah di bandar. Memang begitu jelas prestasi sekolah di luar bandar kurang baik daripada sekolah-sekolah yang terdapat di bandar. Jadi, satu

tindakan harus diambil supaya dapat membantu murid-murid di luar bandar itu. Dengan cara bantuan daripada pihak kerajaan prestasi mereka dapat ditingkatkan di masa-masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pendidikan menengah, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada kerajaan yang telah meluluskan permohonan Lembaga Pengurus Sekolah, Sekolah Menengah Chan Hwa di Seremban untuk membuka satu cawangan baru di Seremban kerana sekolah itu yang sedia ada begitu sesak. Kini pihak Lembaga Pengurus sedang merancang projek pembinaan yang dijangka akan menelan kos sebanyak RM6 juta untuk membina 90 bilik darjah dalam tempoh lima tahun. Saya berharap kerajaan akan memberi peruntukan untuk membantu supaya impian Lembaga Pengurus akan menjadi kenyataan.

Pendidikan tinggi telah diberikan juga perhatian dan saya nampak aroma bagi pendidikan tinggi bertambah dari 11,000 pada tahun 1990 kepada 17,000 pada tahun 1995. Oleh kerana kapasiti institusi tempatan awam adalah terhad, maka hanya kira-kira 50% pemohon diterima masuk. Oleh kerana itu saya berharap Kolej TAR, Kolej TAFE dan lain-lain kolej yang memang telah memainkan peranan yang begitu penting untuk memberikan lebih banyak tempat kepada pelajar tempatan. Oleh kerana itu saya berharap kolej-kolej ini harus digalakkan untuk membuka lebih banyak cawangan di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang selalu disebut ialah disiplin di kalangan pelajar. Saya memang bercadang supaya menggunakan rotan semula. Jangan biarkan rotan itu sahaja kerana apa yang kita hendak ialah disiplin di kalangan pelajar. Kita memang lihat sekarang ini disiplin di sekolah-sekolah telah merosot, jadi itulah satu perkara yang saya anggap boleh menjadi satu

masalah sosial kalau kita tidak kawal selia dengan baik. Oleh kerana itu saya cadangkan cuma melalui rotan sahaja, tetapi kita bukan cadang rotan sampai pelajar itu mati, bukan cadangan saya. Gunakan rotan sebaik-baiknya supaya disiplin akan ditanam kepada mereka dan meningkatkan disiplin di sekolah itu. Saya rasa tidak ada cara lain lagi untuk meningkatkan disiplin di kalangan pelajar di sekolah ini.

Tuan Yang di-Pertua, projek rawatan sisa toksid di Bukit Nenas akan beroperasi pada tahun 1998 yang mana akan mengendalikan sebanyak 400,000 tan metrik sisa toksid, merupakan 90% pelupusan aktiviti perindustrian. Apabila projek ini diumumkan, rakyat di kawasan Bukit Nenas memang begitu berdukacita, memang begitu risau dan mereka takut kerana kalau projek ini dilaksanakan, mungkin akan mendatangkan kesan-kesan buruk kepada mereka. Oleh kerana itu, apabila projek itu diumumkan akan dibina di kawasan Bukit Nenas, rakyat di kawasan itu membuat bantahan begitu kuat dan wakil rakyat dan Menteri Besar dimarah dan saya pun lihat memang perasaan untuk membuat bantahan itu memang benar, memang genuine, bukan sesuatu yang dibuat untuk menunjuk-nunjuk sahaja, memang mereka takut apabila projek itu dibina atau dibuat, kesan-kesan buruk akan datang pada mereka. Mereka takut apa jadi kalau sisa toksid itu terkeluar daripada kawasan rawatan itu dan masuk ke tanah dan punca air akan tercemar. Oleh itu, saya berharap kerajaan akan berhati-hati supaya projek yang baik itu akan dilaksanakan tanpa apa-apa gangguan dan kesan buruk kepada rakyat di kawasan Bukit Nenas.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin beralih kepada isu usaha sama kaum Melayu - Cina dalam perniagaan. Saya merasa gembira kerana usaha yang dijalankan oleh kerajaan untuk meningkatkan usaha sama kaum Melayu

- Cina dalam perniagaan. Meningkatkan usaha sama ini akan memperbaiki trend dahulu di mana perniagaan kaum Melayu dan kaum bukan Melayu dijalankan secara berasingan dan mewujudkan duo-economy yang tidak diinginkan seperti yang dinyatakan dalam ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam Kongress Ekonomi Bumiputera Ketiga. Untuk mempertingkatkan usaha sama kaum Melayu - Cina, saya mencadangkan supaya kerajaan memperkenalkan beberapa garis panduan di antaranya:

- (i) usaha sama hendaklah praktikal dari segi viability ekonomi dan keuntungan yang berpatutan;
- (ii) peratusan ekuiti untuk usaha sama sedemikian tidak patut ditetapkan. Ini kerana ia akan berubah mengikut keadaan;
- (iii) penyertaan semua kaum yang saksama dalam sumber tenaga pengurusan dan kakitangan hendaklah berdasarkan kecemerlangan dan keperluan;
- (iv) ia hendaklah memanfaatkan kesemua pihak.

Tuan Yang di-Pertua, konsep dan idea kerjasama antara berbilang kaum ini juga diperkenalkan ke dalam badan-badan berkanun yang memainkan peranan penting untuk melaksanakan dasar-dasar kerajaan dalam bidang ekonomi. Dalam hubungan ini, mengikut satu bincian secara rambang ke atas 71 buah perbadanan berkanun di bawah semua kementerian, saya mendapati penyertaan kaum bukan bumiputera di peringkat lembaga pengarah adalah cuma 20% sahaja. Saya berharap penyertaan kaum bukan bumiputera boleh dipertingkatkan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Rancangan Malaysia Ketujuh kadar pertumbuhan bagi penduduk yang berumur 60 tahun ke atas adalah sebanyak 3.4% setahun. Kadar ini adalah tertinggi

sekali dalam struktur umur yang lain. Jumlah bilangan golongan ini adalah hampir 1 juta orang. Mereka merupakan orang yang bersara dan tidak ada pendapatan tetap. Mereka kadangkala diabaikan oleh anaknya. Saya tidak ada statistik untuk perkara ini tetapi kes anak mengabaikan ibu bapanya banyak kita dengar dan lihat dalam masyarakat kita. Saya didatangi oleh orang yang meminta bantuan untuk menghantar ibu bapanya ke rumah kebajikan kerana ibunya sudah tua dan kurang sihat. Mereka memberi alasan tidak mampu atau tidak ada masa untuk menjaga ibu bapanya. Saya berharap supaya kerajaan atau Kementerian Kebajikan akan merangkakan satu strategi atau satu polisi warga tua untuk menangani masalah ini. Saya juga mencadangkan supaya kerajaan menggubal satu undang-undang supaya anak diwajibkan untuk menjaga ibu bapa mereka. Hari ini kita mendengar masalah remaja lepak, kalau warga tua itu tidak dijaga dengan baik suatu hari nanti, kita mungkin menghadapi masalah warga tua lepak.

Pada keseluruhannya Rancangan Malaysia Ketujuh adalah satu rancangan yang baik. Ia dirangka dengan andaian bahawa ekonomi negara ini akan terus berkembang dan pelaburan asing akan terus datang dan sektor perindustrian akan dipertingkatkan. Oleh kerana itu, Rancangan Malaysia Ketujuh tidak memberi cukup penekanan kepada sektor pertanian. Saya ingin tahu tentang strategi dan polisi pertanian khususnya tanaman makanan. Saya perhatikan pengeluaran tanaman makanan semakin kurang walaupun bilangan penduduk semakin bertambah. Keadaan ini adalah tidak sihat.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat negara Korea Utara pada masa sekarang mereka menghadapi masalah kekurangan makanan. Saya berharap Kerajaan Pusat serta kerajaan negeri bersama-sama.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat.

Dato' Hon Choon Kim:akan memberi perhatian.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Sila gulung, Yang Berhormat.

Dato' Hon Choon Kim: Okay,.....kepada perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang disebutkan dalam puisi yang dibacakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tempoh hari, "Perjuangan Belum Selesai", jadi masih banyak masalah, masih banyak cabaran yang kita hadapi. *(Tepuk)* Oleh kerana itu, saya berharap bersama-samalah termasuk kawan-kawan di sebelah sana, sama-sama masuk sebagai satu pasukan untuk teruskan perjuangan demi kepentingan rakyat Malaysia. Baik, terima kasih. *(Tepuk)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Tenom.

3.00 ptg.

Tuan Radin Malleh (Tenom): Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Memang menunggu untuk berucap adalah suatu penyiksaan. Apa lagi kalau menunggu giliran menjawat jawatan Ketua Menteri ataupun Menteri Besar.

Kini genap 30 tahun perancangan Malaysia yang dilaksanakan berperingkat-peringkat dalam jangka masa lima tahun-lima tahun. Sekarang kita sudah sampai ke Rancangan Malaysia Ketujuh. Tidak dinafikan perancangan serupa ini memang baik, terutama sekali di dalam sesebuah negara yang sedang membangun seperti Malaysia. Begitu juga untuk membiayai perancangan pembangunan, maka sudah tentu kerajaan berkehendakkan peruntukan yang lebih banyak dari tempoh Rancangan Malaysia Pertama ke tempoh-tempoh yang akan mendatang. Sungguhpun demikian, oleh kerana pertumbuhan ekonomi yang begitu pesat

di negara kita Malaysia, maka nampaknya kerajaan berkemampuan untuk meneruskan program pembangunan seperti yang dibuktikan oleh Rancangan-rancangan Malaysia yang lalu.

Namun demikian, Tuan Yang di-Pertua, apabila kita imbas kembali daripada tahun pertama Rancangan Malaysia dilancarkan, iaitu pada tahun 1966 sehingga sekarang ini jelas ketara kita saksikan ada dua kelemahan yang menonjol, iaitu pertama, ketidakseimbangan terhadap pengagihan peruntukan bagi negeri-negeri ataupun wilayah. Kedua, pelaksanaan program pembangunan tidak memuaskan.

Tuan Yang di-Pertua, kita berpendapat adalah lebih wajar dan patut bahawa peruntukan diagihkan lebih kepada negeri-negeri ataupun wilayah-wilayah yang keperluan dan kesesuaiannya lebih mendesak. Dalam erti kata yang lain, peruntukan yang lebih mestilah diberi kepada negeri-negeri ataupun wilayah-wilayah yang lebih mundur di segi pembangunan dalam semua aspek.

Di dalam konteks ini, negeri Sabah adalah termasuk dalam kategori yang masih mundur ke belakang. Kita faham bahawa matlamat kerajaan ialah untuk mewujudkan rakyat yang bersatu padu dan maju, memandangkan dasar pembangunan negara mengandungi satu unjuran yang optimis tentang mengurangkan kadar kemiskinan berikutan dengan pertumbuhan ekonomi dan tahap guna tenaga yang lebih tinggi di negara ini. Perlu ditekankan sekali lagi bahawa kerajaan mestilah mempertingkatkan usahanya untuk mengurangkan ketidakseimbangan antara wilayah dan negeri di samping mengambil tindakan ke atas masalah kemiskinan relatif yang semakin ketara sebagai sebahagian penting daripada strategi untuk terus memperbaiki pengagihan pendapatan di negara ini.

Kita harus ingat bahawa kita masih belum sampai ke peringkat pembangunan di mana ketidakseimbangan antara kaum tidak lagi wujud. Oleh itu, adalah penting diteruskan pelaksanaan strategi penyusunan semula masyarakat terutamanya ke arah mencapai matlamat mempertingkatkan penglibatan masyarakat bumiputera dalam sektor moden ekonomi negara. Dalam usaha ini, kerajaan mestilah mengambil kira kelemahan pendekatan yang lalu, dan juga kemajuan yang telah dicapai. Di dalam strategi penyusunan semula masyarakat, bukanlah setakat pencapaian matlamat kuantitatif yang khusus, tetapi yang lebih penting ialah bagi meningkatkan keupayaan bumiputera untuk mewujudkan kekayaan dan menguruskannya.

Tuan Yang di-Pertua, kita memang berbangga tentang kejayaan negara mencapai pertumbuhan ekonomi yang tinggi dan kepesatan program pembangunannya. Namun, kerajaan mestilah peka dan prihatin tentang untung nasib rakyat kampung dan luar bandar seperti yang diutarakan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Yan dua hari yang lalu. Kita cukup percaya bahawa apa yang berlaku di kampung-kampung dan luar bandar negeri Sabah masih juga berlaku di sesetengah kampung dan luar bandar di Semenanjung, seperti keadaan penduduk-penduduk di luar bandar yang tinggal di kampung-kampung terpencil di kawasan saya, Tenom, ramai lagi yang masih tinggal di dalam belenggu kemiskinan.

Dalam konteks ini, kita sarankan supaya Jabatan Pembangunan Persekutuan Sabah (JPPS) mestilah bukan sahaja bekerjasama dengan kerajaan negeri dan jabatan-jabatan serta agensi-agensi kerajaan Sabah, tetapi juga memastikan bahawa pelaksanaan program pembangunan itu betul-betul sampai ke kumpulan sasar. Apa yang berlaku

sekarang terdapat pelaksanaan program pembangunan dibuat di sesuatu kawasan, tetapi pihak JPPS tidak menghubungi pihak kerajaan negeri. Kadang-kadang kerajaan negeri ataupun jabatan-jabatan kerajaan negeri tidak tahu langsung apa yang berlaku di sekeliling mereka. Dan ini menimbulkan tiga kesan negatif yang ketara. Pertama, pelaksanaan program itu tidak sampai ke kumpulan sasar yang wajar dan patut menerimanya. Kedua, pelaksanaan program pembangunan kurang berkesan kerana tiada koordinasi. Ketiga, pembaziran peruntukan berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, semasa pembentangan Rancangan Malaysia Keenam, kita telah mencadangkan supaya menubuhkan jawatankuasa khas untuk bukan sahaja mengawal selia pelaksanaan program pembangunan, tetapi juga memastikan bahawa pembangunan yang dirangka-rancangkan itu betul-betul dilaksanakan secara fizikal dan tangible. Berpandukan dengan kelemahan lalu, maka wajarlah peranan tersebut diambil kira supaya memberi manfaat kepada rakyat jelata. Kalau kerajaan tidak mengambil berat tentang pengawalseliaan pelaksanaan program pembangunan itu kelak, maka bukan sahaja rakyat yang rugi, tetapi kerajaan pun akan mengalami kerugian kerana peruntukan yang dibelanjakan tanpa kawalan dan program pembangunan tidak terlaksana dengan sempurna. Jawatankuasa ini juga bolehlah dianggotai oleh pegawai-pegawai JPPS dan pegawai-pegawai jabatan kerajaan negeri dengan memberi 'terms of reference.'

Tuan Yang di-Pertua, kita pergi kepada tiga perkara khusus. Pertama, tentang apa yang sedang berlaku di Hospital Tenom, di mana kita menerima sungutan dan rungutan daripada penduduk tempatan bahawa Pengarah Hospital Daerah Tenom dikatakan pilih kasih, tidak memberi rawatan yang baik kepada penduduk-penduduk tempatan.

Sebaliknya, pendatang-pendatang asing tanpa izin telah diberi rawatan yang lebih baik. Begitu juga Pengarah Hospital Tenom dikatakan memberi rawatan yang teliti dan teratur kepada pekerja-pekerja di kedua ladang, iaitu Melalap dan Sapong yang terdiri daripada kebanyakan mereka pendatang-pendatang asing tanpa izin.

Kita juga menerima laporan bahawa Pengarah Hospital berkenaan selalu ponteng kerja dan keluar daripada daerah Tenom. Kita juga menerima rasa tidak puashati di kalangan pegawai-pegawai, ketua-ketua aktiviti dan kakitangan Hospital Daerah Tenom yang menyatakan bahawa Pengarah Hospital bersikap sombong dan angkuh, menakut-nakutkan kakitangan hospital dengan penggunaan ISA dan Akta Hasutan. Ini terdapat di dalam suratnya, rujukan (95) dlm. PPTNM (SB)(H 199/2) bertarikh 5hb Mac 1996, yang bertajuk "Amalan Tidak Sihak di Hospital Tenom Terhadap Pengarah." Oleh itu, kita minta jasa baik Menteri Kesihatan untuk menyiasat dan mengambil tindakan sewajarnya terhadap apa yang berlaku di Hospital Tenom seperti yang didakwakan.

Kedua, berhubung dengan pendidikan di daerah Tenom. Kita telah berkali-kali membawa ke dalam Dewan yang mulia ini tentang penubuhan sekolah menengah berasrama penuh, dan kita telah mendapat jawapan bahawa ianya akan didirikan pada Rancangan Malaysia Ketujuh yang terletak di Kampung Cinta Mata dalam kawasan Kemabong yang menelan belanja lebih daripada RM12 juta. Kita harap ini akan dilaksanakan secepat mungkin. Kita berharap juga sekolah ini dapat dibinakan untuk kepentingan anak-anak tempatan, terutama sekali mereka yang datangnya daripada luar bandar yang tinggal nun jauh di kampung.

Dalam hubungan ini juga, kita berseru kepada Menteri Pendidikan supaya melarang guru-guru daripada melibat diri

dalam politik kerana tumpuan mereka akan berbelah bagi, dan akan menjejaskan prestasi murid-murid di dalam pembelajaran mereka. Begitu juga kita meminta Menteri Pendidikan supaya membenarkan murid-murid ataupun pelajar-pelajar persendirian menggunakan resit kad pengenalan sementara apabila mendaftar bagi peperiksaan SPM ataupun STPM. Tidak membenarkan mereka menggunakan resit kad pengenalan sementara untuk menduduki peperiksaan tersebut, bermakna menafikan mereka daripada pelajaran. Sedangkan untuk mendapatkan kad pengenalan memakan masa bertahun-tahun. Kita harap Menteri Pendidikan dapat menimbang perkara ini untuk kepentingan dan kebaikan anak-anak kita semua di seluruh negara.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, kita merasa keciwa terhadap polis di daerah Tenom yang kurang peka dan prihatin tentang apa yang berlaku di daerah Tenom baru-baru ini di segi jenayah. Ada beberapa orang telah menyamar diri sebagai pegawai-pegawai kerajaan dan pegawai-pegawai polis masuk ke kampung-kampung seperti di Kampung Mandalum, Kampung Naluyan, Kampung Simpangan dan beberapa buah kampung di kawasan Kemabong telah menipu penduduk-penduduk kampung supaya terpaksa berpisah daripada harta benda dan wang ringgit mereka. Namun, apabila orang-orang kampung ini datang melapor di balai polis, pihak polis mempersendakan pula orang-orang kampung tadi tanpa mengambil laporan tersebut, apatah lagi mahu membuat siasatan, memang jauh sekali. Ini menunjukkan pihak Polis mungkin lupa ataupun enggan menerima tugas dan tanggungjawab mereka seperti yang termaktub di bawah Seksyen 3 Akta Polis.

Dalam hubungan ini juga kita meminta pihak Polis, Imigresen, Jabatan Pendaftaran Negara dan Jabatan

Penerangan supaya menjalankan operasi bersepadu mengesan dan mengambil tindakan undang-undang terhadap pendatang-pendatang asing tanpa izin yang berleluasa di daerah Tenom dan juga Keningau. Mereka ini sudah pun menyusup di kampung-kampung dan membuat perkampungan secara haram. Jika tidak dibendung awal-awal lagi, maka sudah tentu mereka tidak dapat dikawal lagi, begitu juga pekerja-pekerja asing di Syarikat Aokam Perdana Sdn. Bhd., di Keningau. Kita difahamkan bahawa mereka ini melebihi 90% daripada keseluruhan pekerja di syarikat tersebut dan mereka telah secara angkuh menyatakan bahawa mereka sudah pun memperolehi kad pengenalan.

Kita meminta kerajaan supaya membuat pemeriksaan kepada semua pekerja di Syarikat Aokam Perdana ini untuk memastikan bagaimana mereka mendapat kad pengenalan. Dalam hubungan ini, Tuan Yang di-Pertua, kita menyarankan kepada kerajaan supaya membina beberapa buah pusat tahanan bagi pendatang-pendatang asing tanpa izin seperti yang terdapat di Semenanjung, misalnya di Semenyih, Kerayong dan lain-lain tempat bertujuan untuk bukan sahaja mengawal kemasukan mereka, tetapi juga jangan membiarkan mereka berbuat apa sahaja yang mereka suka di dalam negara kita, seperti mendapatkan kad pengenalan, menjadi pengundi dan menduduki tanah-tanah kerajaan secara haram dan lain-lain aktiviti yang tidak diingini.

Kita teringat pada bulan lalu Yang Berhormat dari Sipitang telah bercadang supaya membina tembok seperti yang dibuat di Perlis, tetapi beliau mendapat jawapan bahawa membina tembok tidak praktikal, memandangkan persisiran pantai yang begitu panjang sekali. Dengan mengurung mereka di dalam pusat-pusat tahanan dan seterusnya menghantar mereka ke negeri asal tidak akan

menggalakkan mereka lagi datang ke negeri Sabah. Bukan seperti sekarang pendatang-pendatang asing tanpa izin ini berkeliaran sesuka hati dan ada pula yang berlagak seolah-olah mereka ini anak jati negeri Sabah.

Kita berharap kerajaan akan terus mengambil kira dan seterusnya mengambil tindakan sewajarnya terhadap apa juga yang kita sampaikan. Sekian, saya mohon menyokong.

Tuan Yunus bin Rahmat: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Saya nampak ada orang bangun tadi hendak mencelah atau hendak minta laluan.

Tuan Raden Malleh: Sudah habis.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, tidak sempat. Sungai Petani.

Seorang Ahli: Saya fikir Serian!

Seorang Ahli: Bukan.

3.16 ptg.

Che Ibrahim bin Mustafa (Sungai Petani): Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Ketujuh dibentangkan dalam senario ekonomi sosio-politik negara yang memuncak maju, aman, stabil dan sedang memacu laju untuk mencecah abad yang ke-21.

Rakyat hidup aman dan damai mencari rezeki, pembangunan pesat berlaku di mana-mana, kompleks-komplek perniagaan, taman-taman perumahan, kawasan-kawasan industri tumbuh mercup macam cendawan selepas hujan. Bangunan-bangunan tinggi mencecah awan, lebuh raya bersimpang-siur dan deretan kenderaan berpusu-pusu siang dan malam, sekali gus menggambarkan kemakmuran negara.

Rakyat desa tidak pernah bercakap tentang fakta dan angka, tetapi mereka sendiri tahu bahawa di bawah kerajaan yang ada sekarang, kemajuan negara sememangnya tidak dapat digalang lagi. Semua orang kampung dan rakyat jelata faham realiti, cuma yang masih tidak mahu faham-faham macam parti-parti pembangkang sahaja yang tidak silu-silu untuk menafikannya.

Anak-anak kampung ramai yang sudah menjadi pegawai tinggi, bekerja makan gaji, menetap di Bukit Damansara dengan pendapatan ribuan ringgit sebulan. Ramai juga yang sudah berhenti jadi pegawai kerajaan sanggup bergelut dalam dunia niaga yang penuh mencabar dan ramai juga yang berjaya, mampu memandu Mercedes Benz yang menjalar lebar pulang ke desa tercinta bertemu ayah bonda. Ini adalah kisah dan citra kejayaan anak-anak desa di pedalaman. Mereka berjaya dalam hidup, berjaya menjadi manusia ternama dan mempunyai gelar yang besar-besar kerana dasar-dasar kerajaan. Dasar ekonomi dan pendidikan banyak membantu menukarkan belang asal anak-anak desa yang dahulunya comot-momot menjadi manusia urban dan global yang kadangkalanya amat elitis pula sifatnya.

Orang-orang kampung saya pula berbuih mulut bercakap tentang kejayaan dasar-dasar ekonomi kerajaan. Kini semua orang kampung termasuk ibu-ibu yang berumur empat puluhan juga mempunyai pekerjaan. Ada van dan bas kilang mengambil mereka di kampung-kampung. Mereka punya pekerjaan dan punya pendapatan, anak-anak juga punya pekerjaan dan pendapatan, taraf hidup semakin tinggi, hidup menjadi lebih selesa. Selesa untuk berbelanja, selesa untuk tinggal di rumah yang lebih baik daripada dahulu dan juga selesa melakukan kegiatan-kegiatan sosial yang lain. Mereka ini orang desa, mereka tidak ada angka dan data untuk membuktikan

apa yang dikata, namun jauh dibenak mereka, mereka cukup terasa nikmat daripada hasil pembangunan yang dirancang dengan baik itu.

Tuan Yang di-Pertua, kita bersyukur kerana program-program pembangunan ini berlangsung tanpa menghadapi masalah dalaman yang besar, malah sejak Rancangan Malaysia Pertama hingga Rancangan Malaysia Keenam, kesinambungan rancangan pembangunan Malaysia adalah suatu yang amat mengagumkan. Sejak tiga orang Perdana Menteri dan bila mula melangkah dengan DEB, disusuli dengan Dasar Pembangunan Nasional dalam konteks Rancangan Jangka Panjang Kedua (RRJP 2) dan kini RMK-7, negara terus memacu pesat ke depan untuk menjengah abad ke-21. Lantaran itu RMK-7 sebenarnya bukan sekadar program ekonomi dan pembangunan negara, malah jauh melewati batasan tersebut. Ia tentulah mencakupi perancangan besar ke arah mengubah pemikiran rakyat jelata daripada hidup dalam sebuah negara membangun kepada cara hidup negara yang lebih maju.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu aspek yang diberi perhatian ialah betapa kualiti hidup rakyat dijamin akan menikmati kualiti hidup yang lebih selesa. Di samping kemajuan ekonomi yang bakal dinikmati, misalnya pendapatan per kapita dijangka meningkat kepada RM14,788 menjelang tahun 2000. Rakyat juga inginkan suasana persekitaran, budaya dan corak masyarakat yang ceria. Matlamat sosial yang didasarkan dalam RMK-7 bukanlah terlalu ideal untuk capai.

Hipotesis popular sering mengandaikan bahawa apabila bertambah pesat pembangunan sesebuah negara, akan tercetus pula kegawatan sosial sampingan lain yang masih boleh dipertikaikan. Kolerasi antara kepesatan pembangunan dengan moral manusia

sebenarnya lebih cenderung untuk membenarkan natijah bahawasanya kepesatan pembangunan akan mempercepatkan keruntuhan moral.

Kita terpaksa membayar kos sosial yang tinggi untuk harga pembangunan yang diraih. Bahang gejala sosial kini sudah terasa habanya, pelanggaran disiplin oleh para pelajar, gejala buang bayi di mana nilai-nilai kemanusiaan sudah jauh terhakis, kebobrokan institusi keluarga, ketidakpekaan nilai kualiti hidup dan sebagainya. Ini adalah cabaran-cabaran yang wajar ditangani untuk memacu negara di ambang kejayaan.

Kita berharap isu-isu keruntuhan moral, kegawatan sosial dan penurunan taraf disiplin di kalangan pelajar serta para remaja lain wajar ditangani sebaik mungkin. Aspek-aspek lain yang boleh menyumbang ke arah keruntuhan moral misalnya pusat-pusat hiburan, pusat-pusat perjudian, disko dan pusat-pusat permainan video yang kini bercambah dengan hebat perlu dibendung. Pengeluaran lesen-lesen dan permit-permit untuk pusat-pusat permainan video perlu disekat dan diteliti, permainan ini bukan sahaja berleluasa di bandar-bandar utama, tetapi juga kini jauh menjalar ke bandar-bandar kecil sehingga ke kawasan-kawasan taman perumahan.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya merayu agar kerajaan membekukan sebarang proses pengambilan tanah yang sedang berlaku di seluruh negara dan juga di kawasan saya khususnya di Sungai Petani, sehinggalah Rang Undang-undang meminda Akta Pengambilan Tanah 1960 dibentang dan diluluskan oleh Dewan yang mulia ini. Rakyat sentiasa resah dan gelisah memikirkan tanah mereka yang sentiasa tidak selamat. Rakyat sering tertanya-tanya bilakah kerajaan akan merealisasikan niat asalnya untuk meminda akta tersebut. Pindaan akta 1990 itu menjanjikan keadilan yang lebih sempurna kepada pemilik tanah yang kehilangan tanahnya.

Beberapa aspek daripada undang-undang ini wajar diteliti. Di bawah perenggan (2)(a) Jadual Pertama Akta Pengambilan Tanah adalah disebutkan bahawa:

“Ketika membuat penilaian tanah berasaskan nilai pasaran, kesan mana-mana syarat nyata atau mana-mana syarat tersirat tanah berkenaan hendaklah diambil kira oleh kerana tanah beri milik terbahagi kepada tiga kategori, pertanian, bangunan dan industri, sudah pastilah nilai pasaran bagi setiap satu kategori ini tidak sama dengan yang lain.”

Di bawah perenggan 3(e) Jadual yang sama.....

Tuan Lim Kit Siang: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Tanjong bangun.

Che Ibrahim bin Mustafa: Nanti. Tidak ada masa Yang Berhormat dari Tanjong.

Tuan Lim Kit Siang: Nanti ya!

Che Ibrahim bin Mustafa: Di bawah perenggan 3(e) Jadual yang sama ada disebutkan bahawa:

“Jika tanah yang diambil itu mengikut nilainya disebabkan kerja-kerja pembangunan yang dijalankan ke atasnya, perkara ini tidak boleh diambil kira.”

Ramai pemilik tanah mengeluh dan merasai diri mereka benar-benar terpedaya. Tanah mereka diambil tanpa izin ataupun dengan notis yang cukup singkat yang membuatkan mereka terpinga-pinga. Keizinan dan perbincangan sebelum tanah diambil jarang dibuat. Jika dibuatkan, dalam situasi yang mencelarukan dan kucar-kacir. Atas nama pembangunan, dalam sekelip mata tanah mereka sudah bertukar

milik kepada pemaju-pemaju rakus dengan harga yang berlipat ganda. Janji-janji manis sering ditaburkan sebelum tanah diambil. Rakyat menolak pembangunan jenis ini. Rakyat tidak sanggup menyaksikan bangunan-bangunan komersil didirikan di atas tanah-tanah warisan nenek moyang mereka. Bangunan kota raya yang tegak megah mencecah awan menggantikan bangunan-bangunan usang. Namun rakyat tidak sanggup hutan batu-bata ini dipancangkan dengan air mata, titisan keringat dan darah mereka. Semoga kerajaan akan segera membentangkan pindaan ini demi untuk melegakan keresahan rakyat yang terlibat.

Tuan Yang di-Pertua, kualiti sumber manusia.....

Tuan Lim Kit Siang: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat. Yang Berhormat.....

Che Ibrahim bin Mustafa:..... merupakan aset dan penyumbang terbesar kepada pembangunan negara.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, Tanjong bangun. Hendak beri jalan?

Che Ibrahim bin Mustafa: Tidak mahu. Saya hendak baca ini.

Tuan Lim Kit Siang: (*Menyampuk*)

Tuan Che Ibrahim bin Mustafa: Kualiti sumber manusia merupakan aset dan penyumbang terbesar kepada pembangunan negara. Sebuah negara akan maju dan dihormati dunia bukan kerana sumber alam semula jadinya atau bilangan penduduknya yang ramai, namun secara total bergantung kepada kualiti rakyatnya.

Menyedari hakikat inilah Kementerian Pendidikan diberi peruntukan yang cukup

lumayan. Saya berharap agar kementerian dapat memberikan keutamaan untuk menyelesaikan masalah dan isu-isu yang berkaitan dengan infrastruktur pendidikan di kota-kota utama dan di bandar-bandar yang pembangunannya cukup pesat seperti Kuala Lumpur, Sungai Petani dan sebagainya. Keperluan kepada infrastruktur pendidikan amat dirasakan. Ribuan taman-taman perumahan muncul saban tahun. Puluhan ribu penghuni baru muncul, namun sekolahnya tetap sama, bilik darjahnya tetap banyak itu juga.

Bagaimana dapat dipertingkatkan prestasi jika guru terpaksa mengajar 52 orang murid dalam satu kelas? Bagaimana kecemerlangan dapat diraih jika guru besar terpaksa mentadbir antara 1,500 hingga 2,200 orang murid dalam sebuah sekolah rendah? Ini tidak termasuk lagi prasarana lain yang wajar diberi perhatian. Bila murid berasak-asak dalam satu kelas macam ayam dalam raga, bila murid-murid terkepung dalam pagar sekolah yang penuh sesak, tercetuslah berbagai-bagai masalah yang kita namakan sebagai masalah disiplin yang kini diberi konotasi yang berbagai-bagai.

Guru dijadikan punca kesalahan. Guru menjadi sumber alasan segala kecelaruan dalam masyarakat. Guru adalah segala-galanya, tanpa pistol dan senjata guru diharapkan untuk melakukan keajaiban. Sebagai pengganti ibu bapa di rumah, sebagai kaunselor, sebagai pendidik ibarat lilin yang membakar dirinya sendiri sepanjang masa, sebagai penyampai ilmu dan maklumat terkini, sebagai kerani, sebagai perekod malah sebagai pegawai kebajikan masyarakat di sekolahnya. Dengan berbagai masalah dan halangan, bilangan murid yang sesak di dalam kelas dan bilangan masa yang amat terhad, kurang lebih enam jam bersama murid, guru adalah diharap untuk melakukan segala-galanya. Sebagai insan, siapakah kita sebenarnya tanpa insan yang bergelar guru?

Saya adalah antara penyokong yang berpendapat bahawa guru wajar diberikan kuasa untuk merotan murid-murid tetapi dengan diberikan garis panduan dan syarat-syarat yang jelas. Mestilah berdasarkan garis panduan serta yang bertujuan untuk mengajar. Kementerian Pendidikan perlu mengkaji semula tatacara pengendalian disiplin di sekolah sebagai langkah memperbaiki tahap disiplin pelajar.

Tindakan kementerian mengarahkan pihak sekolah mengguna pakai Buku Panduan Tatacara Disiplin Sekolah untuk guru besar dan guru menyebabkan guru juga takut bertindak walaupun mendapati pelajar berkenaan melanggar peraturan dan melakukan kesalahan disiplin. Malah aspek dendaan ini wajar menjadi tanggungjawab semua guru yang terlibat bukan sahaja terpicul di bahu guru besar dan guru disiplin sahaja. Yang lebih penting dan wajar diinsafi ialah merotan bukanlah jalan penyelesaian mutlak untuk mengatasi masalah disiplin pelajar. Ini hanyalah kaedah jangka pendek yang wajar difikirkan sebelum kita memikirkan kaedah-kaedah jangka panjang yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Bayan Baru.

3.27 ptg.

Tuan Wong Kam Hoong (Bayan Baru): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu ingin saya ucapkan tahniah kepada kerajaan atas kejayaan Rancangan Malaysia Keenam dan juga pembentangan Rancangan Malaysia Ketujuh.

Setiap rancangan lima tahun yang bermula dari tahun 1965 telah mencapai matlamat dan kadang-kadang melebihi matlamat yang ditetapkan. Misalnya,

Rancangan Malaysia Keenam menjangkakan pertumbuhan ekonomi dengan kadar 7.5% setahun dalam tempoh tahun 1991 hingga 1995. Pada hakikatnya, kadar purata pertumbuhan pada tahun-tahun yang berkenaan jauh melebihi 8.5%. Banyak faktor telah menyumbang kepada pencapaian yang begitu cemerlang. Keadaan global yang baik, pelaburan langsung yang banyak daripada negara lain, prasarana yang lengkap dan tenaga pekerja yang rajin, semuanya merupakan faktor-faktor yang membawa kepada pencapaian yang cemerlang ini.

Ekoran daripada pertumbuhan ini, kita tidak dapat menafikan bahawa taraf hidup semua keluarga di tanah air kita rata-rata telah meningkat dalam tahun-tahun yang berkenaan. Di bandar seperti Kuala Lumpur dan Pulau Pinang adalah lumrah untuk sebuah keluarga memiliki dua atau tiga buah kereta pada masa kini. Kawasan luar bandar juga tidak ketinggalan dalam pembinaan jalan baru, pembekalan air dan elektrik.

Ekonomi kita telah mengalami perubahan besar. Pada tahun 1965, getah dan timah adalah tulang ekonomi kita dan merupakan lebih daripada separuh pengeksporan kita. Kini ekonomi kita mempunyai asas yang luas. Sektor perkhidmatan juga merupakan penyumbang utama kepada pertumbuhan ekonomi negara. Walaupun eksport hasil utama kita masih penting, namun kepentingan semakin menurun. Kita telah menyaksikan kemajuan yang pesat, baik di bidang ekonomi mahupun di bidang sosial di negara kita.

Rancangan Malaysia Ketujuh yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan dilancarkan atas asas kukuh yang telah kita bina sekian lama. Rancangan Malaysia Ketujuh bersejarah dalam erti kata bahawa rancangan ini melambangkan rancangan

pembangunan yang terakhir untuk abad ke-20 dan kejayaannya akan menjadi titik tolak untuk kita menjejak era baru dalam kurun ke-21. Dari sudut pandangan lain, rancangan ini boleh dianggap sebagai batu loncatan untuk mencapai matlamat Wawasan 2020 demi menjelmakan negara kita sebagai negara maju.

Semasa kita meninggalkan kurun ke-20 dan berada di ambang kurun ke-21, saya ingin menyentuh beberapa isu yang akan dihadapi oleh negara kita dan juga Rancangan Malaysia Ketujuh. Penduduk kita dan komposisinya yang mengalami perubahan pesat itu telah mendatangkan cabaran-cabaran baru. Ketika kita baru mencapai kemerdekaan tahun 1957, penduduk kita hanya 7.5 juta sahaja tetapi kini telah meningkat kepada lebih daripada 20 juta. Pada masa ini penduduk kita kebanyakannya muda tetapi lama kelamaan kita akan mendapati penduduk kita kian berubah. Walaupun keadaan ini tidak begitu ketara sekarang, namun keadaan sedemikian pasti tidak dapat dielakkan. Keperluan untuk kerajaan memberikan perkhidmatan kepada penduduk yang semakin bertambah dan berubah ini amat mendesak, namun begitu ianya adalah cabaran yang mesti dihadapi oleh kerajaan dan negara sekiranya kita benar-benar hendak menjadi negara maju menjelang tahun 2020.

Tuan Yang di-Pertua, izinkanlah saya menghuraikan beberapa keperluan ini. Yang pertama ialah perumahan. Industri pembinaan telah berkembang dengan pesat beberapa tahun kebelakangan ini dan hal ini terbukti dengan wujudnya kawasan perumahan yang agak banyak, blok pejabat dan projek prasarana di merata-rata tempat di negara kita. Rumah kos rendah merupakan keperluan mendesak bagi rakyat yang kurang bernasib baik dan berpendapatan rendah. Menurut kenyataan kerajaan baru-baru ini, di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh pemaju swasta akan

bertanggungjawab membina rumah kos rendah. Kerajaan negeri yang hanya dapat memenuhi 20% rumah kos rendah yang dirancang di bawah Rancangan Malaysia Keenam tidak dikehendaki membina rumah kos rendah lagi. Walaupun saya akur bahawa lebih banyak rumah kos rendah diperuntukkan kepada pemaju swasta untuk dibina di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh, namun saya berpendapat kerajaan negeri harus meneruskan pembinaan rumah tersebut.

Sekiranya kerajaan negeri tidak lagi membina rumah kos rendah, kerajaan negeri akan kelihatan telah membelakangkan tanggungjawabnya untuk membekalkan rakyat yang berpendapatan rendah dengan rumah kos rendah untuk perlindungan atau kediaman. Hal ini bertentangan dengan dasar ekonomi negara. Meskipun kerajaan negeri gagal dalam membina bilangan rumah kos rendah yang diperuntukkan, tetapi tidak wajar dan adil untuk kita menyerahkan tanggungjawab ini bulat-bulat kepada pemaju swasta. Adalah juga tidak munasabah untuk mengharapkan golongan yang berpendapatan sederhana secara subsidi timbal balik, dengan izin, 'cross subsidy' untuk membiayai lebihan kos tinggi pembinaan rumah kos rendah melalui harga rumah bukan kos rendah yang dibelinya. Kerajaan sepatutnya bertanggungjawab memberikan subsidi untuk pembinaan rumah kos rendah.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian saya ingin mengemukakan syor-syor berikut:

- (a) kerajaan negeri patut memikul tanggungjawab untuk membina rumah kos rendah walaupun bilangan sasarannya terpaksa diturunkan;
- (b) kerajaan negeri akan didenda oleh kerajaan persekutuan dengan mengurangkan projek pembangunan di negeri berkenaan

sekiranya bilangan rumah kos rendah yang kurang itu tidak dipenuhi;

- (c) kerajaan negeri dikehendaki menjelaskan kepada Kerajaan Persekutuan tentang sebab mereka mampu berbelanja untuk membina padang golf dan projek-projek mewah lain tetapi tidak membina rumah kos rendah untuk golongan miskin; dan
- (d) kerajaan negeri hendaklah memberikan subsidi untuk pembinaan rumah kos rendah dan bukan berpeluk tubuh tanpa berbuat apa-apa.

Berlanjutan kepada syor terakhir ini, kerajaan negeri dapat membantu sektor swasta membina rumah kos rendah yang lebih banyak dengan membekalkan tanah dengan kos yang munasabah dan mencepatkan proses kelulusan untuk tujuan ini.

Selain dari itu, keperluan warga tua perlu diberi perhatian. Sebagaimana saya katakan, kategori warga tua dalam penduduk kita semakin meningkat pada tahun-tahun akan datang. Warga tua atau pesara mempunyai keperluan khas dalam perumahan, rawatan perubatan, rekreasi dan lain-lain. Apabila penduduk muda kita semakin mobile atau mudah bergerak, amatlah sukar untuk tiga atau dua generasi tinggal di bawah satu bumbung, lama kelamaan yang tua terpaksa tinggal bersendirian. Oleh yang demikian, ternyatalah semakin mendesak keperluan untuk rumah, prasarana dan perkhidmatan perubatan serta rekreasi yang murah dan mudah diperolehi. Barangkali sudah tiba masanya untuk kerajaan menumpukan perhatiannya atas perkara dan merangka rancangan yang menyeluruh untuk menjaga keperluan warga tua.

Tuan Yang di-Pertua, pada hari ini saya nampak di dalam Rancangan

Malaysia Ketujuh hanya dua perenggan sahaja yang menyentuh kepada masalah-masalah yang dihadapi oleh warga tua. Ini merupakan kerajaan tidak begitu mengambil berat tentang masalah-masalah ini. Rancangan ini boleh mengandungi insentif untuk sektor swasta membina dan menyelenggarakan rumah, prasarana dan perkhidmatan perubatan serta rekreasi untuk warga tua.

Tempo pembangunan dan pertumbuhan ekonomi yang panjang di negara kita meninggalkan kesan atas alam sekitar. Kita rata-rata bersetuju bahawa mutu alam sekitar kita merosot sejak kebelakangan ini, seperti yang terbukti dalam kemerosotan mutu udara dan air, kesesakan lalu lintas dalam bandar utama dan pencemaran sungai dan pantai. Kita tidak dapat mengelakkan semua ini, namun kita dapat memperbaiki mutu alam sekitar sekiranya kita bersungguh-sungguh hendak berikhtiar. Kita tidak dapat menjangka bahawa masalah ini dapat diselesaikan dengan sekelip mata sahaja, tetapi saya bimbang keadaan ini akan terus merosot selagi usaha pemulihan tidak dijalankan. Penyelesaian jangka panjang adalah melalui pendidikan. Kita hendaklah mendidik rakyat kita supaya mereka menyedari kepentingan alam sekitar. Pendidikan sedemikian hendaklah dimulakan di bangku sekolah, keluarga dan tempat bekerja.

Kita juga hendaklah mendidik diri sendiri dan anak-anak kita tentang pentingnya 'the 3 R' dengan izin, iaitu pengitaran semula, that is recycling, penggunaan semula (reused) dan mengurangkan penggunaan barang-barang yang tidak diperlukan, that is reduced, menanam lebih banyak pokok dan menggunakan kemudahan awam seperti tandas, telefon awam dan perhentian bas dengan cara betul. Walaupun semuanya ini kelihatan remeh-temeh, namun secara keseluruhannya, semuanya ini memberikan kesan yang mendalam.

Tuan Yang di-Pertua, majikan dan korporat kita harus memainkan peranan dalam memperbaiki alam sekitar. Setengah-setengah kegiatan seperti perlombongan dan pembinaan, memang mempunyai unsur-unsur pencemaran. Namun begitu, pengusaha perlu bertanggungjawab kepada masyarakat dan tidak harus melakukan kecurangan untuk mengaut keuntungan yang setinggi mungkin.

Tindakan sebegini memang dapat membawa keuntungan tambahan kepada pengusaha tetapi orang lain terpaksa menanggung kesan buruk dalam pencemaran udara, air dan bunyi yang semakin serius. Malaysia pada umumnya mempunyai kelebihan dalam upah yang agak rendah untuk menarik pelaburan dalam negeri dan luar negeri. Tetapi, negara kita tidak dapat bergantung semata-mata kepada upah rendah untuk menarik pelaburan kerana negara jiran yang mempunyai sumber tenaga, pekerja yang berlebihan akan mengikut jejak langkah kita untuk mengadakan jenis industri yang sedia ada di negara kita. Lama-kelamaan kita akan mengalah kepada negara jiran kita. Kita berasa lega kerana kerajaan kita menyedari cabaran ini dan sedang berusaha mempertingkatkan negara kita kepada taraf teknologi dan perusahaan yang lebih tinggi. Dalam hal ini, pendidikan memainkan peranan yang amat penting. Kita perlu mempertingkatkan kemahiran tenaga pekerja kita untuk menjalankan kerja yang lebih sukar dan rumit. Dengan ini, mereka akan menikmati pendapatan yang lebih lumayan dan taraf hidup yang lebih baik.

Pendidikan negara kita pada umumnya diarahkan untuk memenuhi keperluan ekonomi negara kita. Penswastaan pendidikan merupakan langkah positif untuk mencapai matlamat ini. Ini kerana pengusaha swasta tidak akan menubuhkan kolej yang menawarkan kursus yang tiada kena-mengena dengan pasaran tenaga manusia.

Kita perlu berhati-hati tentang yuran yang dikenakan oleh institusi swasta. Sambutan untuk program kembar dan program pendidikan lain yang membolehkan penuntut melakukan sebahagian pengajian di sini tidak harus menjadi alasan untuk institusi swasta ini menaikkan yuran sewenang-wenangnya. Kita hendaklah sedar bahawa kebanyakan pelajar yang mengikuti program kembar itu berasal dari keluarga yang bukan kaya. Kita perlu berwaspada supaya tidak membenarkan universiti dan kolej swasta berkembang menjadi institusi kursus untuk keluarga yang kaya dan berpengaruh sebagaimana yang berlaku di Amerika Syarikat dan Jepun. Negara kita perlu membangunkan sistem pendidikan yang mampu untuk semua rakyat dan menyumbang kepada matlamat Wawasan 2020. Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Balik Pulau.

3.45 ptg.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Usul yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri iaitu Usul Rancangan Malaysia Ketujuh.

Sebelum saya pergi kepada perbincangan tentang Rancangan Malaysia Ketujuh, saya ingin mengambil perhatian Dewan tentang masalah yang sedang dihadapi di Pulau Pinang dan sekarang ini sudah mula merebak ke negeri-negeri lain di sebelah utara Semenanjung Malaysia.

Saya ingin mengambil perhatian Dewan pada masalah yang mungkin telah diketahui umum iaitu masalah kes taun yang bermula lima enam hari yang lepas dan pada ketika ini hampir 100 orang telah pun dikenal pasti membawa kuman penyakit tersebut di negeri Pulau Pinang.

Ini adalah satu masalah yang serius dan saya telah biasa membangkitkan perkara yang mungkin berkaitan dan boleh mencetuskan masalah ini. Telah dikenal pasti bahawa satu punca kenapa terjadinya wabak cholera ini ialah kerana persiapan makanan dan minuman yang tidak sihat terutamanya pembikinan ais yang digunakan di kedai-kedai dan juga di semua tempat makanan. Saya ingin melahirkan rasa kesal saya bahawa perkara seperti ini boleh berlaku dalam keadaan kita sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menimbulkan beberapa perkara tentang potensi pencetus wabak yang seperti ini ekoran daripada laporan terakhir yang saya ketahui dari kawasan saya dan juga di negeri Pulau Pinang. Keadaannya masih belum boleh dikatakan terkawal. Ini bermakna ianya akan merebak lagi dalam dua, tiga hari ini dan diharap akan mencapai kepada satu plateau yang kemudiannya akan berkurangan.

Kita harus sedar bahawa kita tahu punca-punca yang menyebabkan keadaan ini seperti penyediaan makanan yang kurang sihat. Kita ada undang-undang dan peraturan untuk mengawal selia perkara-perkara seperti ini. Tetapi perkara-perkara seperti ini masih terjadi juga. Jadi, saya ingin meminta penjelasan daripada ketiga-tiga Kementerian Kesihatan dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan juga Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang saya kira terlibat secara langsung untuk memastikan bahawa pengawalseliaan tentang penyediaan makanan, lokasi tempat-tempat yang menyediakan makanan ini dan segala undang-undang yang berkaitan dengannya dikuatkuasakan dengan betul dan dengan bersungguh-sungguh.

Berkaitan dengan perkara ini, saya juga ingin membangkitkan satu perkara yang pernah juga saya bangkitkan iaitu fenomena pemakanan gerai dan juga

fenomena pasar malam di negara kita ini. Saya pernah menimbulkan pertanyaan apakah konsep jangka panjang pasar malam ini sebagai satu sub bidang dalam perniagaan runcit. Apakah konsep, apakah jenis evolusi pasar malam ini yang kita hendak jadikan?

Akhirnya, apakah kita hendak beri jadi kepada pasar malam ini? Adakah kita sekadar membiar bila ada tempat, bila ada permintaan dan penawaran, kita biarkan pasar malam wujud dengan begitu banyak. Pasar malam telah wujud bagai cendawan di merata-rata tempat dan ianya menimbulkan pelbagai masalah yang saya rasa memerlukan satu pemikiran yang khusus tentang bagaimana kita hendak kawal perkara ini. Sudahlah itu, terdapat sekarang ini di mana fenomena setengah-setengah pasar malam yang antara lainnyanya terlibat dalam penjualan makanan juga, dalam perusahaan makanan mentah dan juga makanan yang dimasak yang melibatkan sebahagian besar, saya ada beberapa pasar malam yang besar-besar dalam kawasan saya, yang telah mula dikuasai oleh pendatang asing yang agaknya mempunyai kedudukan yang haram.

Jadi, kita telah sampai ke satu tingkat di mana perkara ini telah jadi out of hand, out of control. Jadi, kita kena fikir pada jangka panjangnya apakah jenis pengawalan, apakah konsep pasar malam yang kita hendak wujudkan dalam negara kita pada masa jangka panjang? Ini adalah perlu, kerana selain daripada perancangannya, ianya perlu dari segi pengawalannya. Bila kita hendak memastikan bahawa fenomena seperti pencetusan wabak taun ini tidak berlaku di masa-masa akan datang kerana kita tahu dalam keadaan yang kotor, tidak hygenic sebegini, penyakit sebegini boleh merebak dengan cepat. Kita mengucapkan syabas kepada Kementerian Kesihatan yang telah mengambil tindakan yang cepat tetapi ini merupakan satu tindakan reactive dan kita selalu kata kita hendak usaha yang lebih bersifat proactive.

Perkara kedua yang bersangkutan dengan penyebaran wabak penyakit ini telah dibangkitkan juga oleh rakan saya dari Lumut kelmarin tentang kehadiran pendatang asing yang begitu ramai, yang haram dan yang tidak haram dan potensi mereka ini untuk menyebarkan penyakit-penyakit tropika yang mana kita telah pun lupuskan di dalam negara kita ini. Ini adalah satu potensi yang cukup merbahaya dan saya berharap benarlah kita mempunyai mekanisme untuk mengawal selia perkara ini.

Kita sedar bahawa, mungkin untuk generasi saya penyakit macam TB kita telah mendapat perlindungan 'immunisation' tetapi mungkin apabila penyakit-penyakit yang kita kira telah pun dilupuskan dan apabila dilupuskan, ia tidak lagi masuk dalam rancangan immunisation untuk anak-anak kita dan mereka tidak ada immunisation terhadap penyakit-penyakit itu dan masuk pula pendatang-pendatang asing ini yang membawa penyakit itu, maka tersebarlah ia. Ahli Yang Berhormat dari Kemaman, dia doktor ubat, dia gelak dekat saya. (Ketawa)

Jadi, apabila penyakit ini masuk, maka anak-anak kita yang tidak mendapat immunisation terhadap penyakit-penyakit tersebut akan terdedah begitu sahaja. Mungkin generasi seperti kita ini telah mendapat immunisation dan dapat bertahan dengan penyakit tersebut. Jadi, ini adalah dua perkara, dari segi makanan dan dari segi pendatang asing ini dalam konteks penyebaran penyakit yang merbahaya yang perlu kita beri perhatian yang cukup serius. Janganlah sampai kita menghadapi satu wabak yang besar dan mengakibatkan kematian yang ramai, baru kita hendak kelam-kabut mengambil tindakan.

Izinkan saya pergi kepada perbahasan tentang Rancangan Malaysia Ketujuh. Saya mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan kepada Jabatan Perdana Menteri kerana

menyediakan dokumen Rancangan Malaysia Ketujuh yang kita kira adalah satu dokumen yang komprehensif dan dari segi pengamatan saya dan pembacaannya dan perbandingan dengan rancangan-rancangan Malaysia yang terdahulu daripada ini daripada Rancangan Malaysia Pertama hingga Keenam, ini merupakan, walaupun dari sudut teknikalnya, merupakan satu dokumen yang memaksa kita memberi tahniah kepada kerajaan kerana ianya menunjukkan peningkatan daripada rancangan-rancangan Malaysia yang terdahulu daripada ini.

Saya tertarik dengan perhatian yang diberikan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh untuk mengekalkan pertumbuhan pada kadar yang agak tinggi melalui peningkatan produktiviti dan juga peningkatan kecekapan. Bukannya daripada peningkatan input ataupun pelaburan tetapi melalui peningkatan total factor productivity dalam ekonomi kita ini. Usaha meningkatkan total factor productivity ini bermakna kita tidak hendak menambahkan input tetapi hendak meningkatkan kecekapan menggunakan input yang sama. Ini sekaligus akan menyelesaikan banyak masalah khususnya masalah kekurangan dan kekangan di pasaran buruh. Ianya juga secara tidak langsung akan menyelesaikan masalah keperluan modal yang begitu tinggi. Apabila kita bercakap tentang usaha meningkatkan total factor productivity ini, ianya bergantung, antara lain kepada tingkat kemahiran tenaga buruh.

Kita juga bercakap tentang peningkatan usaha mencetuskan banyak lagi penemuan-penemuan melalui usaha penyelidikan (R&D). Ini bermakna bahawa kita akan memasuki satu era seperti yang telah dikatakan berkali-kali, satu ekonomi yang berteraskan kepada pengetahuan dan bukannya kepada faktor pengeluaran yang asas.

Satu daripada ciri yang kita kena terima dalam satu ekonomi yang bergerak ke arah itu, bergerak kepada satu knowledge-based economy, ialah pulangan kepada mereka yang mempunyai kemahiran dan pulangan kepada mereka yang tidak punya kemahiran akan menjadi bertambah luas. Bermakna setiap tahun seseorang itu melaburkan di dalam proses peningkatan kemahirannya dan juga pendidikannya akan mendatangkan pulangan yang semakin tinggi di pasaran buruh.

Ini membawa implikasi bahawa jika sebilangan besar daripada penduduk kita tidak meningkatkan kemahiran mereka, mereka akan juga menikmati peningkatan mutlak dalam pendapatan mereka tetapi secara relatifnya, mereka sebenarnya berada lebih jauh daripada golongan yang mempunyai kemahiran. Jadi, akan wujud satu pemisahan, satu jurang kuasa beli relatif yang semakin lama semakin besar di antara mereka yang tidak mempunyai kecekapan atau mempunyai kecekapan yang marginal berbanding dengan mereka yang mempunyai kecekapan pada tingkat yang munasabah. Jadi ini menimbulkan satu senario di mana kalau kita tidak jaga perkara ini, ianya akan menyebabkan agihan kekayaan dan juga pendapatan dalam negara kita ini akan menjadi lebih buruk.

Kita dapat lihat dalam lima tahun yang lepas apabila kita mengalami kadar pertumbuhan yang tinggi, menghampiri 9% pada puratanya, agihan pendapatan sebenarnya telah menjadi lebih buruk. Ini adalah akibat daripada apabila kita mula bergerak kepada ekonomi yang sejenis ini, maka pulangannya terjadi seperti yang saya katakan dan akhirnya taburan pendapatan dan kekayaan yang kita dapati akan jadi lebih memusat kepada pendapatan yang lebih tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, ini menimbulkan masalah kerana kita takut berdepan dengan satu keadaan di mana sebilangan besar daripada rakyat kita akan terkeluar

daripada arus utama pembangunan. Apa yang berlaku kepada mereka ini boleh kita katakan sebagai economic alienation daripada main stream process. Kesan daripada ini mereka akan terkeluar dan mereka akan menjadi golongan yang terpinggir. Kita juga harus tanya walaupun dalam keadaan kita sekarang ini, berapa ramaiakah rakyat Malaysia di luar daripada Dewan ini yang sebenarnya memberi perhatian kepada perbincangan yang sedang kita jalankan untuk Rancangan Malaysia Ketujuh ini? Berapa ramaiakah rakyat Malaysia yang di luar dari Dewan ini sebenar-benarnya ambil tahu bahawa sekarang ini di Dewan Rakyat kita sedang membincangkan Rancangan Malaysia Ketujuh? Berapa relevankah perbincangan kita tentang perkara ini di luar dari Dewan ini? Berapa orang yang sebenarnya ambil tahu tentang perkara ini? Ini adalah satu dokumen yang akan mencorakkan jenis pertumbuhan dan pembangunan ekonomi kita di masa depan tetapi kita harus tanya apakah ianya relevan di dalam perbincangan umum di kalangan rakyat jelata?

Saya ingin menyarankan kepada Kementerian Penerangan supaya pada masa-masa depan melakukan bancian tentang perkara ini supaya kita mendapat feedback daripada rakyat umum, apakah mereka memberi perhatian kepada perkara yang sedang kita bincangkan ini. Jika kita lihat daripada petunjuk-petunjuk yang dapat kita lihat, misalnya liputan dalam media massa dan sebagainya, ini jelas menunjukkan bahawa perkara ini tidak sebenarnya mendapat perhatian rakyat. Sama ada ini berpunca daripada ignorance ataupun berpunca daripada satu sikap tidak hendak ambil tahu ataupun ianya merupakan satu perkara yang tidak relevan kepada kebanyakan orang.

Jadi, fenomena pengasingan ekonomi ini adalah satu yang merbahaya. Mungkin sebagai orang politik, inilah perkara yang kita hendak jaga kerana sebahagian besar

daripada mereka yang membuat keputusan yang membolehkan kita duduk di sini berada dalam keadaan yang sebenarnya. Saya khuatir keadaan tidak memungkinkan mereka untuk meningkatkan diri untuk bersedia dan berdepan dengan keadaan ini.

Jadi, apakah penyelesaiannya? Penyelesaiannya telah diperkatakan oleh kebanyakan rakan-rakan kita di sebelah sini mahupun di sebelah sana ialah kepada soal peningkatan pendidikan dan juga latihan. Satu daripada caranya kita hendak betul-betul mengendalikan masalah ini ialah memastikan bahawa proses pendidikan dan latihan berada pada satu tahap yang cukup tinggi.

Dalam konteks ini saya ingin menyatakan bahawa sebenarnya proses pendidikan ini adalah satu proses yang berterusan. Seperti yang kita tahu, ia bermula dari rumah kemudian di prasekolah, sekolah rendah, sekolah menengah dan seterusnya ke peringkat institut pengajian tinggi.

Jadi, kesemua tahap ini adalah penting. Saya ingin menyatakan di sini bahawa dalam pada kita menggubal polisi dan juga strategi untuk mengendalikan masalah pendidikan ini, saya rasa kita tak perlulah menjadi terlalu kreatif yang amat sangat dan melakukan berbagai-bagai innovation, tetapi kita hanya tumpu kepada soal-soal yang asas. Soal yang asas ialah penyediaan infrastruktur pendidikan yang bercukupan. Ini termasuk kemudahan fizikalnya dan juga kemudahan-kemudahan dalam bentuk guru-guru.

Di kawasan saya misalnya, satu kawasan yang sedang menghadapi pertumbuhan yang begitu mendadak. Sebahagiannya sudah pun menjadi bandar, sebahagian lagi masih luar bandar. Saya mendapati, misalnya tidak sampai 40% pun daripada mereka yang menduduki peperiksaan UPSR yang lulus

di dalam peperiksaan tersebut. Dan kadar keciciran di antara PMR dan tingkatan 4, adalah pada kadar 30%. Saya tak tahu berapa peratusnya daripada mereka yang tamat pengajian SPM melanjutkan pelajaran dalam apa bentuk sekalipun sebelum mereka memasuki kepada pasaran buruh. Ini adalah satu keadaan yang cukup berat, kerana mereka berada di satu tempat yang memerlukan mereka meningkatkan kemahiran mereka untuk terus tinggal di dalam kawasan ini.

Pengundi-pengundi saya berada di dalam tahap persediaan yang cukup rendah. Apabila kita melihat kembali prasarana-prasarana pendidikan ini, kita lihat sebenarnya, saya terpaksa mengatakan bahawa tidak ada pembekalan bilik darjah, facilities untuk pendidikan daripada sekolah rendah lagi hingga ke sekolah menengah yang mencukupi. Saya ingin bertanya kepada Kementerian Pendidikan bagaimanakah Kementerian Pendidikan sebenarnya merancang keperluan bilik-bilik darjah, keperluan sekolah dan sebagainya di seluruh negara. Saya dapati sekolah-sekolah yang sepatutnya menampung 600 orang, menampung 1,200 orang dan sebagainya dalam kawasan saya. Saya difahamkan akan diwujudkan 3 buah sekolah rendah lagi dalam kawasan saya dalam Rancangan Malaysia Ketujuh ini, tetapi ianya tidak mencukupi. Jadi, saya ingin bertanya tentang proses perancangan yang digunakan oleh Kementerian Pendidikan kerana saya merasakan ianya tidak mencukupi.

Saya rasa sebagai sebuah negara kita tidak patut berkompromi langsung dari segi perbelanjaan untuk kita menyediakan kemudahan-kemudahan yang asas ini. Saya juga dapati bahawa seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Sungai Petani, kita rasa mempunyai pengalaman yang sama, iaitu kita memberi penekanan kepada pembangunan-pembangunan perumahan,

industri dan sebagainya dengan priority yang tinggi dari segi pengambilan semula tanah untuk dibuat berbagai-bagai jenis benda. Tetapi apabila sampai kepada soal penyediaan tanah untuk sekolah dan sebagainya, kita agak slow sedikit. Saya takut jika kita tidak melakukan sesuatu yang drastik untuk menyelesaikan masalah asas ini, maka di masa-masa depan kita akan membayar harga yang cukup tinggi, mahu pun dari segi ekonominya ataupun dari segi politiknya.

Perkara yang kedua, tentang pendidikan ini ialah kita memberi penekanan kepada proses penyelidikan dan mengharapkan bahawa kita dapat mencetuskan teknologi kita yang sendiri. Kita dapati dalam Rancangan Malaysia Ketujuh kerajaan misalnya hendak meningkatkan peratusan enrolmen di dalam IPT di peringkat lepasan siswazah hampir tiga kali ganda dalam masa lima tahun ini dan hendak ditambahkan hampir seganda daripada jumlah tersebut yang terlibat dalam bidang sains dan teknologi. Saya mengalu-alukan langkah ini kerana kalau tidak kita tingkatkan keupayaan kita untuk menjana teknologi sendiri, kita tidak akan ke mana dalam proses ini. Kerana kalau kita lihat secara ikhlasnya, dan kalau kita lihat nombor-nombor di dalam ekonomi kita sekarang ini, penjana atau peningkatan pendapatan yang kita nikmati dalam empat lima tahun yang lepas sebenarnya adalah berdasarkan kepada pelaburan yang datang daripada luar.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):
Minta gulung, Yang Berhormat.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi:
Banyak lagi. Jadi, saya ingin menekankan di sini tentang soal ini. Saya ingin menekankan bahawa kita hendaklah memberi penekanan kepada proses pendidikan di peringkat yang paling tinggi walaupun kita kena menyelesaikan

peringkat pendidikan yang di peringkat rendah, tetapi kalau kita benar-benar berharap untuk mendapat menjana teknologi baru, kita kena memberi penekanan kepada pengajian post-graduate di universiti.

Masalah di universiti, sebagai seorang yang pernah berkhidmat di universiti, masalah yang dihadapi di universiti adalah satu masalah yang cukup berat. Saya tidak tahu sejauh mana Kementerian Pendidikan mengetahui masalah yang dihadapi di universiti. Tetapi ianya satu masalah yang sangat rumit untuk kita selesaikan, kerana sebuah universiti itu bukanlah seperti kilang. Ia mempunyai 'gestation period' yang panjang sebelum ianya dapat benar-benar berjalan dengan baik dan mengeluarkan graduan di semua peringkat kepada tahap yang kita perlukan.

Jadi, universiti yang berumur 10 tahun pun tidak mempunyai keupayaan sebenarnya untuk meningkat dengan tiga kali ganda intake untuk pengajian siswazah dan post-siswazah. Ini merupakan satu masalah yang penyelesaiannya sendiri saya masih lagi tidak dapat kemukakan di sini, melainkan kita memasukkan pensyarah-pensyarah yang berkelayakan daripada luar negeri. Kerana kita fikir, kalau kita ambil pensyarah yang ada masters pun, gestation period untuk dapat Ph.D pun empat lima tahun. Saya pun hairan macam mana dalam masa lima tahun kita hendak tiga kali gandakan pengeluaran mereka yang berada di dalam pengajian post-siswazah.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi iaitu perkara yang terakhir bersangkutan dengan perkara yang telah saya cakapkan tentang economic alienation ialah tentang political alienation yang mungkin tercetus daripada economic alienation ini. Dalam konteks itu, saya ingin bercakap tentang Parlimen ini sendiri. Tuan Yang di-Pertua, ini merupakan satu institusi perundangan yang tertinggi di dalam negara ini. Tetapi

saya tidak merasakan bahawa ianya mendapat perhatian yang sepatutnya. Ianya tidak mendapat liputan yang sepatutnya. Kita meluluskan perkara-perkara seperti Rancangan Malaysia Ketujuh yang akan mencorakkan masa depan negara. Kita meluluskan undang-undang yang begitu banyak. Kalau tak silap saya, sebelum RMK-7 ini ada 12 atau 13.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, masa sudah lebih.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Jadi, saya ingin menyarankan di sini sekurang-kurangnya berikanlah sedikit kehormatan yang patut ada pada Parlimen. Saya ingin menyatakan bahawa — saya baru ini hendak mendapatkan rekod perbahasan yang saya ambil bahagian. Saya minta Votes and Proceedings, satu perkara yang sepatutnya dikeluarkan oleh Setiausaha Dewan Rakyat ini tiap-tiap hari, ianya merupakan minit mesyuarat. Itu pun tidak disediakan. Saya adalah seorang yang selalu pergi ke perpustakaan di Parlimen ini, kita dapati ianya distaffkan oleh mereka yang begitu komited, tetapi resources yang ada kepada mereka untuk mengendalikan tanggungjawab mereka adalah menyedihkan sekali. Kita dapati bahawa kita ada *Hansard Straits Settlement Council*, kita ada *Hansard Federal Legislative Council*. Kita mungkin ada undang-undang di situ yang tidak disimpan di tempat-tempat lain yang tersimpan di situ. Tetapi keadaan ianya disimpan adalah sungguh menyedihkan. Jadi, saya harap sama-sama Ahli Dewan Rakyat ini benar-benar memberi perhatian kepada perkara ini dan meminta supaya perhatian yang lebih jelas diberi kepada pengurusan Parlimen ini sesuai dengan kedudukannya sebagai badan perundangan yang tertinggi.

Saya juga ingin menyarankan bahawa oleh kerana Rancangan Malaysia Ketujuh ini

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, masa sudah habis.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi.....adalah lima tahun sekali. Lima tahun sekali, Tuan Yang di-Pertua, orang macam saya lagi sekali tahun 2000 kalau saya tidak jadi Ahli Dewan Rakyat, saya tidak berkesempatan untuk berbahas dalam perkara ini. Lima tahun sekali, kita tidak sepatutnya mengguna kekangan masa untuk menghalang Ahli-ahli daripada mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang seperti ini. Jadi, kalau tidak ada kesempatan kepada rakan-rakan saya yang lain untuk bercakap tentang perkara ini, saya mengesyorkan bahawa kita panjangkanlah tempoh perbahasan untuk perkara seperti ini. *(Tepuk)*Ini lima tahun sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya dapat 20 minit.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Saya minta semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin mengambil bahagian untuk berdiri di tempat masing-masing supaya kita boleh atur perbahasan. Setiausaha minta kira. *(Setiausaha mengira Ahli)*

Kita beri wanita dahulu, Tawau. Tawau bangun hendak berucap atau Batang Sadong? Batang Sadong. Bagi wanita dahulu.

4.10 ptg.

Cik Sukinam Domo (Batang Sadong): Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk menyertai perbahasan Rancangan Malaysia Ketujuh ini. Oleh kerana masa tidak mengizinkan, saya hanya akan menyentuh dua atau tiga perkara sahaja.

Pertama, saya ingin menyentuh bidang pendidikan dan latihan. Terlebih dahulu

saya mengucapkan tahniah dan sebanyak terima kasih kepada kerajaan dan Kementerian Pendidikan kerana memberi penekanan kepada bidang pendidikan dan latihan dalam RMT ini sehinggakan RM10.1 bilion diperuntukkan untuk bidang ini iaitu pertambahan RM2 bilion dari RMK-6. Selain dari itu berbagai langkah telah diutarakan dalam buku RMT untuk memastikan Malaysia mempunyai tenaga mahir yang mencukupi dan berkualiti pada tahun 2000 dan untuk menangani masalah pendidikan di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita berbicara tentang pendidikan berkualiti dan hendak memberikan pendidikan berkualiti pada anak-anak kita, adakah kita berbicara untuk memberikan pendidikan berkualiti kepada semua, bukan hanya segelintir anak yang cerdas yang dalam lingkungan 10%, yang berada di sekolah khas dan sekolah-sekolah established, dengan izin. Misalnya saya dapati MRSM mendapat peruntukan yang amat besar RM360 juta bagi 25,900 orang pelajar, berbanding RM1,781.9 juta di sekolah menengah kerajaan atau bantuan bagi 1,972,900 orang pelajar. Ini bermakna secara kasar peruntukan pembangunan untuk setiap pelajar di MRSM adalah RM14,000 berbanding RM1,000 bagi pelajar SMK, SMV. Jadi, bagaimanakah kita hendak menaikkan kualiti pelajar-pelajar kita yang sebilangan besarnya di SMK biasa, khususnya di luar bandar.

Adakah kita juga berhasrat untuk memberikan pendidikan berkualiti kepada anak-anak di luar bandar dan pedalaman? Adakah kita berhasrat untuk membawa anak dan masyarakat luar bandar ke dalam arus pembangunan dan kemajuan ekonomi yang begitu pesat seperti di bandar? Sedarkah kita betapa sukarnya kehidupan masyarakat luar bandar, betapa susahnya mereka untuk menyekolahkan anak-anak? Betapa daifnya keadaan fizikal dan kemudahan-kemudahan pendidikan sekolah-sekolah di luar

bandar, pedalaman bahkan di pinggiran bandar di Sarawak. Sedarkah kita betapa susahnyalah kehidupan guru dan staf sokongan yang bertugas di luar bandar dan pedalaman di Sarawak? Mungkin rakan-rakan kita yang pergi ke Bakun dahulu dapat merasakan kesukaran yang saya maksudkan. Sedarkah kita yang anak-anak kita di luar bandar dan anak-anak dari keluarga miskin mengalami malnutrition, dengan izin? Sedarkah pegawai-pegawai kewangan dan pihak yang bertanggungjawab bahawa prosedur kewangan yang begitu ketat menyebabkan Program Rancangan Makanan Tambahan (PRMT) tidak mencapai objektifnya sehinggakan guru hanya memesan mee segera sahaja setiap hari? Sedarkah kita yang guru-guru sekolah biasa demoralised, dengan izin, apabila keputusan peperiksaan awam sekolah mereka dibandingkan dengan keputusan sekolah-sekolah istimewa seperti sekolah asrama penuh dan MRSM dan akibatnya mereka dikecam tidak dedicated, tidak profesional, kerana prestasi sekolah mereka sudah semestinya tidak akan dapat mengatasi dan menyaingi prestasi sekolah istimewa tersebut? Sedarkah kita bahawa langkah memusatkan sekolah kecil tidak akan dapat mengatasi masalah keciciran bahkan akan menambahkan lagi bilangan keciciran di Sarawak?

Tuan Yang di-Pertua, Sarawak mempunyai 1,118 buah sekolah rendah di luar bandar dan pedalaman. Dengan 635 buah daripadanya adalah sekolah kecil dengan enrolment di bawah 149 dan sekolah ini bertaburan di pelosok Sarawak. Kalau mereka disatukan kemungkinan besar ibu bapa tidak akan menghantar anak-anak ke sekolah. Jadi, kita minta kementerian berhati-hati dalam program memusatkan sekolah-sekolah kecil. Jumlah sekolah rendah di Sarawak 1,245 buah.

Tuan Yang di-Pertua, banyak lagi persoalan yang boleh ditimbulkan berkenaan dengan pendidikan. Sebenarnya saya bimbang dan merasa

ragu-ragu kalau-kalau tindakan-tindakan dan strategi yang diutarakan dalam buku RMT ini akan tinggal dalam buku ini sahaja tanpa dilaksanakan.

Kekhuatiran saya ini telah nampak apabila Sarawak cuma diperuntukkan RM427 juta anggarannya dalam RMT ini, sedangkan permohonan adalah RM1.9 bilion. Daripada jumlah itu RM230 juta untuk membiayai projek-projek RMK-6 yang belum siap. Ini bermakna RMK-7 ini, Sarawak cuma diperuntukkan kira-kira RM196 juta yang sudah tentu tidak mencukupi untuk membina kemudahan-kemudahan yang telah saya sebutkan seperti 4,000 buah bilik darjah, 11,000 unit rumah guru, lebih 600 unit asrama, sekolah-sekolah baru dan lain-lain lagi.

Tuan Yang di-Pertua, kami di Sarawak khususnya masyarakat luar bandar benar-benar berharap Kerajaan Pusat dan pegawai-pegawai pelaksana ada sifat 'empathy' terhadap kami bukan hanya simpati. Kalau prosedur kewangan atau birokrasi pentadbiran atau kerana individu menjadi kekangan, carilah jalan menghapuskan semua itu.

Jentera perkhidmatan awam sudah banyak mengalami dan melalui perubahan dengan TQM dan sebagainya, tetapi prosedur kewangan misalnya, masih ketat dan centralised, dengan izin. Birokrasi pentadbiran masih wujud. Kalau kekangan-kekangan yang "man-made", dengan izin, masih ada, selagi itulah pendidikan di Sarawak khususnya di luar bandar tidak akan dapat bersaing dengan negeri-negeri lain di Semenanjung.

Langkah-langkah lebih praktikal dan profesional perlu diambil seperti membenarkan agensi lain membina bangunan sekolah bukan hanya bergantung kepada JKR agar proses pembinaan dapat dipercepatkan, membenarkan PIBG terlibat dalam kerja pembaikan untuk menjimat perbelanjaan yang memangnya sentiasa sedikit sahaja diagihkan. Mengkaji semula sistem kuota

guru bagi sekolah kecil yang sekarang ini membebaskan guru besar kerana guru besar termasuk dalam kuota guru, mengajar sepenuh masa. Selain menjalankan tugas-tugas guru besar, menjadi pelayan pejabat, menjadi kerani dan sebagainya. Mengkaji semula sistem centralised tender, dengan izin, mengeluarkan guru matematik atau sains dari kuota sekolah kecil agar mereka dapat memberi tumpuan sepenuhnya kepada mata pelajaran tersebut yang memang prestasinya amat rendah di luar bandar. Mengkaji semula sistem naik pangkat, mengkaji sistem penilaian dan pergerakan gaji, mengkaji kursus ijazah di UNIMAS agar memberi peluang guru-guru bukan siswazah di Sarawak meningkatkan kelayakan dan pengetahuan mereka ke peringkat ijazah dan dengan cara begini, kekurangan guru siswazah di Sarawak dapat diatasi dan banyak lagi langkah-langkah lain yang saya tidak berkesempatan menyebut di sini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua yang saya ingin sentuh ialah tentang wanita dalam pembangunan. Dalam buku RMT telah diuraikan rancangan kerajaan untuk melibatkan wanita dalam pembangunan negara dengan meningkatkan penyertaan wanita dalam tenaga buruh, tetapi dari apa yang saya baca dan faham semua dirancang tertumpu kepada wanita berpendidikan dan berpelajaran dan di bandar. Hampir tiada apa yang dirancang untuk membangun wanita luar bandar atau meningkatkan kualiti hidup wanita luar bandar, sedangkan bilangan wanita luar bandar jauh mengatasi bilangan wanita di bandar yang sebahagian besarnya sudah melibatkan diri dalam tenaga buruh.

Bilangan wanita luar bandar yang tidak berpelajaran dan tidak bersekolah juga besar. Misalnya di Sarawak mengikut banci penduduk dan perumahan Malaysia 1991, bilangan penduduk amnya iaitu wanita dan lelaki yang tidak pernah bersekolah di antara umur 15 hingga 54

tahun adalah 180,332 orang, kira-kira 10.4% dari jumlah penduduk Sarawak dan bilangan yang di dalam umur 0 hingga 75 tahun lebih ialah 551,677 orang dan jumlah wanita bumiputera luar bandar yang terlibat dalam bidang pertanian tanpa apa-apa pulangan dari segi kewangan adalah 23,781 orang dan mereka ini tinggal di seluruh pelosok negeri Sarawak, mereka bekerja di sawah padi.

Apakah rancangan kerajaan untuk membantu wanita-wanita ini? Mereka tidak dapat dibawa berhijrah ke bandar yang ada industri atau kilang kerana sudah berumahtangga. Adakah rancangan kerajaan untuk membuka lebih banyak Pusat Giat MARA yang saya perhatikan amat bermanfaat kepada penduduk luar bandar yang tidak berpelajaran dan tidak ada kelayakan untuk memasuki pusat belia, IKM, politeknik, sekolah vokasional dan sebagainya. Mereka juga boleh belajar secara sambilan. Adakah kerajaan bercadang untuk membuka lebih banyak kelas literasi fungsian agar penduduk yang buta huruf boleh dicelik-hurufkan? Saya difahamkan kelas literasi fungsian kurang berkesan kerana kurikulumnya kurang kemas dan guru-gurunya tidak begitu dedicated, dengan izin. Kebanyakan kelas ini tidak berfungsi. Diharap kementerian yang berkenaan dapat meneliti masalah ini.

Seterusnya saya ingin menyentuh tentang pembangunan luar bandar. Tuan Yang di-Pertua, orang bandar bercakap tentang Internet, bangunan mencakar langit seperti Menara Petronas, KLCC, KLIA, bermain saham, jalan raya sesak, jalan raya merbahaya, tol, korporat-korporat yang berjaya, syarikat-syarikat mega dan sebagainya. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita telah berjaya membawa Malaysia ke dalam peta dunia, Malaysia dikenali dunia dan dihormati, kita pun turut merasa bangga. Kita melaung-laungkan peningkatan KDNK kita, kestabilan ekonomi, kadar inflasi menurun, kadar kemiskinan

menurun, tetapi sayangnya, Tuan Yang di-Pertua, semua ini tidak dirasakan oleh masyarakat luar bandar dari pedalaman seperti di Sarawak. Semua ini terlalu asing bagi mereka. Mereka tidak dapat melihat apatah lagi merasa kerana tiada bekalan elektrik untuk membolehkan mereka menonton televisyen, tiada surat khabar untuk dibaca bagi yang pandai membaca kerana kesukaran sistem pengangkutan dan kemiskinan yang tiada memungkinkan mereka membeli peti tv, radio atau surat khabar. Hakikatnya, mereka terasa terasing dan tersingkir. Di sekeliling mereka terasa kehimpitan hidup dan kemiskinan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam buku Rancangan Malaysia Ketujuh ini telah diuraikan langkah-langkah yang akan diambil oleh kerajaan untuk menangani isu-isu itu. Saya berharap dan memohon agar lebih banyak peruntukan diberikan kepada Sarawak untuk program RES, bekalan air, jalan kampung, PPRT, Kemas dan sebagainya. Pengagihan hendaklah adil dan berlandaskan realiti keadaan sesebuah negeri. Peruntukan MRP Wakil Rakyat tidak cukup untuk semua keperluan atau permohonan rakyat tetapi itulah yang mereka minta, tangki air, generator api, jalan kampung, bantuan kebajikan, bantuan membina rumah dan sebagainya. Saya cadangkan juga agar lebih banyak rural growth centre, dengan izin, dibuka dan dipercepatkan pembukaannya.

Akhirnya, saya ingin menyentuh tentang kesihatan. Saya tidak setuju dengan langkah kerajaan untuk menswastakan hospital kerajaan kerana ianya akan membawa padah dan kesan tidak sihat. Kerajaan tidak akan dapat mengawal kos perubatan hospital itu nanti seperti yang berlaku sekarang, dengan bilangan yang kecil pun tidak terkawal kos perubatan dan perkhidmatan. Pusat perubatan swasta mengenakan kos perubatan dan perkhidmatan yang di luar kemampuan rakyat. SeHINGAKAN kalau

doktor itu hanya menjenguk muka masuk bilik pesakit sudah dikenakan RM150. Walaupun rakyat yang bergaji RM3,000 sebulan pun tidak akan mampu pergi ke hospital swasta apatah lagi rakyat biasa yang berpendapatan rendah. Kerajaan perlu mengekalkan social obligation ini, dengan izin.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat menyambut Hari Guru kepada pendidik kita yang jatuhnya pada hari esok, 16hb Mei. Sekian dan saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kapar. (*Diganggu*) Sabar ya!

4.24 ptg.

Dr. G. Leelavathi (Kapar): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Kerajaan Barisan Nasional di atas pembentangan Rancangan Malaysia Ketujuh di Dewan yang mulia ini pada 6hb Mei 1996. Rancangan Malaysia Ketujuh menunjukkan bahawa kerajaan amat komited dalam membawa rakyat Malaysia ke arah merealisasikan Wawasan 2020. Rancangan Malaysia Ketujuh dipandang sebagai wadah menghadapi cabaran abad ke-21 yang bersifat lebih berteknologi dan informatif serta tidak meninggalkan aspek moral dan pembangunan insan terutamanya bagi membentuk bangsa Malaysia yang tulen.

Diteliti pelbagai aspek Rancangan Malaysia Ketujuh memang menyediakan kemantapan kepada rakyat dan pembangunan berimbang di samping menyediakan pelbagai infrastruktur terutama dalam sektor ekonomi bagi meningkatkan taraf hidup rakyat. Tumpuan kerajaan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh ialah untuk memastikan pertumbuhan ekonomi negara serta

mengurangkan kadar inflasi dan hal ini akan dapat dicapai dengan meningkatkan produktiviti dalam pelbagai bidang termasuk meningkatkan taraf pendidikan rakyat bagi memperkukuhkan daya saing negara di kalangan negara membangun.

Seperti yang kita sedia maklum, sektor pembuatan, perkhidmatan dan pembinaan adalah menjadi penyumbang utama untuk mencapai matlamat Rancangan Malaysia Ketujuh dan perikanan adalah untuk meningkatkan kemahiran, menambah modal dan meneroka teknologi moden.

Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Ketujuh menetapkan sekurang-kurangnya lima matlamat baru iaitu perubahan daripada produktiviti input kepada produktiviti faktor keseluruhan, meningkatkan persaingan dalam bidang-bidang ekonomi dalam sektor industri, meningkatkan sumber daya manusia, meningkatkan penggunaan sains dan teknologi maklumat dan mencari sektor pertumbuhan baru termasuk mengemaskini semula sektor pertanian.

Matlamat Rancangan Malaysia Ketujuh adalah juga untuk membasmi kemiskinan dan kadar kemiskinan di Malaysia telah menurun daripada 16.5% pada tahun 1970 kepada 8.9% pada tahun 1995 dan bilangan isi rumah miskin telah berjaya dikurangkan daripada 574,000 kepada 370,200 orang. Tuan Yang di-Pertua, hal ini dapat dicapai untuk memberi keselesaan kepada rakyat bagi meningkatkan taraf hidup mereka ini melalui pertumbuhan ekonomi termasuk menyediakan peluang pekerjaan kepada rakyat.

Pembasmian kemiskinan di luar bandar paling diberi perhatian. Ini termasuk melaksanakan Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADP), penyediaan infrastruktur pertanian, tanaman semula, penyatuan dan pemulihan tanah serta khidmat sokongan. Bagi penduduk di bandar pula kadar kemiskinan

berkurangan daripada 7.1% kepada 3.7% dalam tempoh antara 1990 hingga 1995. Sementara isi rumah miskin bertambah kepada 84,000 daripada 82,000 orang.

Tuan Yang di-Pertua, dalam rangka Rancangan Malaysia Ketujuh, aspek yang perlu ditekankan untuk meningkatkan pembangunan sosial rakyat negara ini ialah masalah sosial remaja, alam sekitar, perumahan dan pengangkutan. Masalah remaja harus dikaji kerana ia mungkin disebabkan oleh kehidupan di rumah yang tidak selesa serta pergolakan jiwa akibat suasana hidup di kota. Untuk itu, masalah perumahan di kalangan yang berpendapatan rendah yang tidak pernah mencapai sasarannya sejak 20 tahun lalu perlu diatasi.

Penyerahan kepada sektor swasta untuk menyediakan rumah kos rendah tidak memungkinkan masalah perumahan di kalangan berpendapatan rendah ini diatasi dengan segera. Masalah yang sekali lagi ingin saya tekankan ialah tentang kemunduran yang masih berlaku di ladang-ladang atau estet. Setelah mereka bersara dari bekerja di estet wajar sekali mereka diberi peluang untuk mendapatkan kemudahan rumah kos rendah. Ini kerana desakan hidup yang berlaku boleh mengakibatkan mereka mendiami rumah setinggan yang akhirnya boleh mencetuskan pelbagai masalah gejala sosial.

Tuan Yang di-Pertua, memang tidak dapat dinafikan bahawa penswastaan telah membolehkan kerajaan menjimatkan peruntukan belanjawan dan pembayaran gaji kakitangan tetapi apa yang dikesalkan ialah ada segelintir para profesional seperti doktor yang mengambil peluang mengaut keuntungan tanpa mengira golongan bawahan. Ada di antara hospital yang mengenakan bayaran perkhidmatan kesihatan atau perubatan yang terlalu tinggi sehingga bayaran sebanyak RM200 untuk tempoh hanya sepuluh minit bagi mendapatkan nasihat perubatan atau kesihatan.

Ada juga yang mengenakan bayaran sehingga RM1,500 bagi bayaran perubatan tanpa meneliti bayaran tersebut membebaskan pesakit dari golongan bawahan. Untuk itu, saya merayu dan amat berharap supaya satu bentuk subsidi untuk golongan miskin mendapatkan kemudahan rawatan seperti yang dinyatakan oleh Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad sewaktu membentangkan RMK-7 tempoh hari dipercepatkan. Ini kerana perkara ini amat membebaskan terutamanya mereka yang tidak mampu untuk mendapat perlindungan insurans kesihatan ataupun majikan yang tidak mampu membayar perbelanjaan rawatan. Para pekerja di estet misalnya, mereka memang terdedah kepada pelbagai perkara yang memungkinkan kesihatan mereka terjejas.

Seperkara lagi yang perlu juga ditekankan ialah tentang kurangnya peningkatan ekuiti yang dipegang oleh kaum India sepertimana yang telah dinyatakan iaitu hanya meningkat dari 1.1% pada tahun 1990 kepada 1.5% pada tahun 1995. Untuk itu dicadangkan supaya proses penyusunan semula dasar komuniti disegerakan bagi memberi peluang kepada kaum India turut sama menyumbang kepada pembangunan negara.

Misalnya, memberi peluang atau menarik minat masyarakat India di Malaysia menceburi bidang perniagaan. Dicadangkan supaya diadakan program kerjasama dengan masyarakat bumiputera atau Cina dalam menjalankan sesuatu perniagaan. Dewan-dewan perniagaan Melayu atau Cina diharapkan dapat membantu dan membimbing mereka.

Tuan Yang di-Pertua, sejak tahun 1991 kadar pertumbuhan ekonomi negara mengikut rentak pertumbuhan dua tahun sebelum itu apabila berjaya mengekalkannya melebihi kadar 8%. Pada tahun 1991 pertumbuhan ekonomi negara berada pada kadar 8.8% diikuti 8.7%

pada tahun 1992, 8.5% pada tahun 1995 dan 8.7% pada tahun 1994 dan menguncup kepada 9.5% pada tahun lalu.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi yang menarik perhatian iaitu tentang masalah sekolah-sekolah jenis kebangsaan Tamil di kawasan saya iaitu Kapar. Sumber yang diperolehi didapati bahawa keadaan sekolah tersebut amat daif dan terlalu sesak dengan murid. Nisbah guru dengan murid juga tidak seimbang. Perkara ini sedikit sebanyak mempengaruhi jiwa dan minda para pelajar. Hasilnya, daripada keputusan-keputusan peperiksaan yang telah diumumkan didapati peratusan kelulusan amat mendukacitakan. Ini ditambah pula dengan kedaifan keluarga murid-murid tersebut yang tidak mampu memberikan kemudahan-kemudahan asas yang baik seperti makanan yang seimbang ataupun memberi peluang kepada mereka menghadiri kelas-kelas tuition.

Oleh itu, perkara ini juga akhirnya menyebabkan pelajar gagal dan keciciran dan menghasilkan satu generasi muda yang rendah moralnya seperti terlibat dengan gangsterism, penagihan dadah dan sebagainya. Untuk itu, diharapkan lebih ramai lagi guru dapat dihantar ke kawasan-kawasan terlibat untuk membimbing dan mendidik anak-anak yang malang itu supaya mereka juga boleh menjadi insan yang berguna satu hari nanti.

Tumpuan RMK-7 boleh disimpulkan kepada tumpuan bagi pengurangan kemiskinan, penyusunan semula masyarakat dan pengagihan pendapatan, kependudukan guna tenaga dan pembangunan manusia, pembangunan wilayah, program sektor awam dan pembiayaannya, program penswastaan, penggunaan pertanian, penggunaan perindustrian, pendidikan dan latihan, infrastruktur dan kemudahan awam, tenaga, sains dan teknologi, teknologi maklumat, kewangan, pelancongan dan

perdagangan, pengedaran, perumahan dan perkhidmatan sosial yang lain, alam sekitar dan pengurusan mampan, sumber asli, wanita dan pembangunan belia dan pembangunan menerusi kerjasama antarabangsa dan pembaharuan pentadbiran.

Bila dirumus secara keseluruhan juga menunjukkan bahawa RMK-7 mampu menyediakan agenda kepada rakyat bagi meningkatkan kualiti hidup di samping mengekalkan kestabilan sosial dan politik kerana RMK-7 adalah projek sosial, ekonomi dan pembangunan terakhir pada abad ke-20. Saya mohon menyokong RMK-7. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Seputeh.

4.38 ptg.

Tuan Liew Ah Kim (Seputeh): Tuan Yang di-Pertua, program perumahan kepada golongan berpendapatan rendah sepatutnya tidak ditumpukan dengan pembinaan hingga 800,000 unit rumah yang meliputi 740,000 ataupun 92.5% pembinaan bagi memenuhi permintaan dan 60,000 unit untuk menggantikan rumah usang tetapi memberi jaminan bahawa pembeli-pembeli berkenaan telah berhadapan dengan masalah keseimbangan sama ada dari segi perundangan, kewangan mahupun kerana birokrasi di kalangan jabatan-jabatan terbabit.

Isu perumahan adalah membabitkan pejabat tanah, majlis tempatan atau majlis perbandaran dan pemaju perumahan. Pembeli-pembeli rumah seringkali terjebak apabila tiga pihak ini bermain tarik tali menyebabkan mereka mengalami kerugian wang, masa dan perkhidmatan nasihat.

Di masa lalu kita melihat pembeli-pembeli rumah kecewa apabila masalah

Sijil Layak Menduduki ataupun CF menimbulkan beban kepada mereka apabila pihak pemaju menyalahkan majlis tempatan ataupun di Kuala Lumpur ini Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, manakala DBKL pula menyalahkan pemaju perumahan dan pejabat tanah sekiranya membabitkan Hakmilik Strata. Pemaju-pemaju perumahan DBKL dan pejabat tanah boleh saling tuduh menuduh tetapi siapa yang menanggung beban apabila bank dan institusi kewangan memburu pembeli-pembeli yang dilayan sebagai hamba bank itu.

Bank atau institusi kewangan tidak peduli sama ada pemaju perumahan sudah menguruskan CF dengan DBKL atau pejabat tanah sudah mengeluarkan Hakmilik Strata atau belum. Bagi mereka pembeli-pembeli yang meminjam adalah hamba bank yang mesti mematuhi segala prosedur dengan tidak ada pertimbangan budi bicara, oleh itu pembeli-pembeli adalah terdedah kepada masalah kemelut kewangan dalam masa rumah yang mereka beli masih tidak mempunyai CF ataupun Hakmilik Strata. Tidak ada CF bermakna mereka tidak dapat memasukkan bekalan air dan api. Oleh itu, mereka tidak dapat menduduki rumah yang mereka beli sedangkan pinjaman bank dan faedah perlu dibayar pada kadar yang segera.

Mereka juga akan menjadi pemilik sah yang tidak bertaraf pemilik sekiranya tidak mempunyai CF dan Hakmilik Strata. Kalau pemaju perumahan mencagarkan kepada bank bagi mendapatkan pinjaman, pemaju masih berhak ke atas projek perumahan atau bangunan bertingkat seperti rumah pangsa dan kondominium selagi pembeli-pembeli tidak diberikan CF dan Hakmilik Strata. Bukan sahaja mereka yang membeli projek perumahan swasta berhadapan dengan masalah tetapi mereka yang mendiami projek perumahan awam di bawah kerajaan juga berada dalam keadaan tidak selamat tetapi dalam suasana yang berbeza.

Dalam bulan April 1996, seramai 110 keluarga kira-kira berjumlah 500 orang penduduk perumahan awam DBKL di Sri Putera Batu 2 1/2, Jalan Kelang Lama dipaksa pindah secara samseng oleh DBKL dengan memotong bekalan air mereka pada jam 3.00 pagi. Perumahan awam ini adalah di bawah skim sewa beli dijamin oleh Datuk Bandar 20 tahun dahulu iaitu Tan Sri Yaacob Latif, maknanya mereka sudah tinggal di kawasan perumahan awam itu semenjak 20 tahun lalu apabila dipindahkan dari kawasan setinggan Kampung Paya. Bagaimana pun DBKL enggan menjualkan rumah berkenaan kepada mereka hinggalah dipaksa pindah pada bulan April 1996 yang lalu.

Tapak perumahan mereka sudah ditetapkan untuk projek bangunan hotel bertaraf lima bintang dan pusat membeli belah, oleh itu 110 keluarga Melayu ini dipaksa membeli projek perumahan yang mereka laksanakan dengan harga RM40,000 seunit. Bagaimana mereka mahu membuat pinjaman ke bank dengan harga seunit RM40,000 itu memandangkan umur melebihi 40 tahun dan pendapatan di bawah RM800 sebulan. Apakah maknanya projek perumahan untuk golongan berpendapatan rendah kalau mereka sudah menduduki perumahan awam DBKL terpaksa berpindah dan mungkin kembali menjadi setinggan.

Dalam menyelenggarakan projek perumahan ini mereka yang berhadapan dengan masalah seperti 110 keluarga di perumahan awam DBKL Sri Putera, Batu 2 1/2 Jalan Kelang Lama bukan sahaja diutamakan tetapi mestilah diberi bantuan bagi mendapatkan kemudahan pinjaman bank dan perundangan. Mereka bukan sahaja tidak mendapat apa-apa pampasan setelah dihalau keluar dari perumahan yang telah mereka duduki selama 20 tahun. Malah, faktor usia dan pendapatan bulanan juga menjadi halangan untuk memiliki rumah yang lain. Dengan ini,

kelonggaran ke atas syarat-syarat mendapatkan rumah dalam projek perumahan harga murah hendaklah dipertimbangkan juga.

Tuan Yang di-Pertua, kejayaan ekonomi dan pembangunan nasional dengan menggariskan 11 cabaran utama sebagai agenda Rancangan Malaysia Ketujuh tidak akan lengkap jika mengetepikan asas demokrasi iaitu kebebasan intelektual yang bertepatan sesuatu isu untuk kepentingan rakyat dan mengadakan pilihan raya di semua peringkat termasuk majlis tempatan dan majlis perbandaran. Membelenggu media massa dengan laporan terhad kepada suara kerajaan sahaja tidak akan dapat menangani masalah sosial yang meningkat berikutan pertumbuhan pesat hingga melemahkan moral dan etika masyarakat seperti tragedi di Melaka tahun 1994 lalu dan sekarang isu Perwaja Steel di Terengganu.

Pembangunan dan kemajuan negara bukan untuk dilaburkan di atas kertas sahaja tetapi mestilah menjadi kenyataan. Pembangunan dan kemajuan bukan sekadar lambang kemegahan seperti pembinaan pembangunan ajaib dunia tetapi di dalam masa yang sama rakyat merintih seperti berlaku ke atas penduduk-penduduk di Pantai Kundur dan Pantai Tanah Merah di Melaka, penduduk-penduduk di Kerpan, Kedah, penduduk-penduduk dalam projek Seremban II di Negeri Sembilan atau penduduk-penduduk di Tanjung Kupang di Johor.

Pembangunan dan kemajuan ialah memestikan rakyat tidak terus menerus menjadi mangsa penindasan manusia kepada manusia. Sekalipun UMNO sudah membunuh demokrasi dengan tidak membenarkan pertandingan dalam dua jawatan penting parti itu tetapi UMNO jangan membawa amalan UMNO itu kepada rakyat Malaysia, bukan sahaja halangan polis ke atas rapat umum rakyat mesti dibolehkan, malah pilihan raya di

peringkat majlis tempatan dan majlis perbandaran hendaklah diadakan bagi mengimbangi kuasa Menteri Besar dan Perdana Menteri yang terlalu luas.

Tuan Noh bin Omar: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, ada yang bangun ya. Hendak beri jalan atau tidak?

Tuan Liew Ah Kim: Tidak ada masa, minta maaf ya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Dia tidak beri.

Tuan Liew Ah Kim: Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sudah sewajarnya dibebaskan dari kuasa mutlak Perdana Menteri supaya pentadbirannya diserahkan semula kepada rakyat secara demokratik. Selepas 20 tahun Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ditadbirkan di bawah kuatkuasa Jabatan Perdana Menteri, masalah sosial masih berterusan dan menjadi masalah kepada pembangunan Kuala Lumpur. Masalah kesesakan lalu lintas, masalah kebersihan dan sampah sarap, penjaja kecil, setinggan-setinggan, perumahan kos rendah adalah memerlukan perubahan bersistem melalui pentadbiran yang perlu diserahkan semula kepada rakyat. Sudah sampai masanya menjelang abad ke-21 Kuala Lumpur dinaikkan taraf pentadbirannya dari Dewan Bandraya kepada Dewan Undangan Negeri sesuai dengan jumlah penduduknya yang semakin bertambah.

Pindaan perlembagaan perlu dibuat bagi menaikkan taraf pentadbirannya selarasnya dengan perkembangan semasa di mana negara kita memerlukan masa depan, Kuala Lumpur ditentukan oleh 591,806 pengundi berdaftar dalam pilihan raya. Dengan masalah Kuala Lumpur yang gagal ditangani oleh DBKL, maka

adalah wajar rakyat diberi hak menentukan pentadbiran Kuala Lumpur. Malah Kuala Lumpur mempunyai jumlah angka pengundi jauh lebih besar kalau dibandingkan dengan 5 negeri yang ditadbirkan oleh kerajaan negeri seperti di bawah ini.

- (i) Perlis — 104,195 pengundi, mempunyai 3 kerusi Parlimen dan 15 Dewan Undangan Negeri.
- (ii) Melaka — 292,855 pengundi, mempunyai 5 kerusi Parlimen dan 25 Dewan Undangan Negeri.
- (iii) Terengganu — 367,676 pengundi, mempunyai 8 kerusi Parlimen dan 32 kerusi Dewan Undangan Negeri.
- (iv) Negeri Sembilan — 381,888 pengundi, mempunyai 7 kerusi Parlimen dan 32 kerusi Dewan Undangan Negeri, dan
- (v) Pahang — 498,221 pengundi, mempunyai 11 kerusi Parlimen dan 38 kerusi Dewan Undangan Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, tentulah wajar Kuala Lumpur diperbandingkan untuk dinaikkan taraf kepada kerajaan negeri dengan pengundi berdaftar sejumlah 591,806 pengundi, dan lebih besar jumlah dari Perlis, Melaka, Terengganu, Negeri Sembilan dan Pahang. Perkara saiz mengikut geografi adalah tidak timbul, kerana saiz Kuala Lumpur tidak jauh berbeza dengan Perlis dan Melaka.

Tuan Yang di-Pertua, objektif untuk program pendidikan dan latihan kemahiran dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh menggariskan 15 prospek yang menjadi impian secara tradisi sejak beberapa tahun lalu, tetapi masih tidak mempunyai jangka masa tertentu dalam mencapai realisasi sebenarnya, apakah makna menggalakkan pelaburan sektor swasta dalam pendidikan latihan bagi melengkapkan usaha sektor

awam kalau pihak yang prihatin dengan dasar pendidikan sejak bertahun-tahun dihalang melaksanakan tanggung-jawabnya. Dong Jiao Zhong sudah mengemukakan permohonan untuk menubuhkan Kolej Era Baru di Kajang, adalah selaras dengan galakan kerajaan kepada pihak swasta menubuhkan pusat pendidikan dan latihan kemahiran, tetapi secara rasmi telah ditolak seperti jawapan diberikan di Dewan yang mulia ini kepada soalan Yang Berhormat dari Tanjong baru-baru ini. MCA dan Gerakan secara jelas bersekongkol dengan keputusan menolak cadangan Dong Jiao Zhong mahu menubuhkan Kolej Era Baru di Pekan Kajang itu.

Tuan Lim Si Cheng: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, ada yang bangun. Yang Berhormat

Tuan Liew Ah Kim: Oleh itu, MCA dan Gerakan mempunyai.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat dari Seputeh, hendak beri jalan atau tidak?

Tuan Liew Ah Kim:dalam menghalang usaha Dong Jiao Zhong memperbaiki.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Dia tidak mahu beri jalan, Yang Berhormat.

Tuan Liew Ah Kim:.....kualiti pendidikan Cina di negara ini. Dan adalah terpulang kepada usaha murni yang dijalankan oleh Dong Jiao Zhong. Itu satu kenyataan yang jelas di mana ketika kita mengadakan pilihan raya umum pada tahun 1995 hujah-hujah daripada MCA dan Gerakan cukup terang, cukup ternyata. Sekarang sudah jadi apa? Permohonan mereka dua kali ditolak.

Bukan satu kali ditolak, tetapi dua kali, takut apa! Janjian-janjian itu sekarang pun omong-omong kosong sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa sekiranya janjian-janjian daripada parti politik kalau tidak ditunaikan, pada satu hari memang susahlah. Memang berdosa. Hukuman daripada rakyat jelata mesti disampaikan terhadap janjian-janjian kosong mereka itu. Saya menyeru pihak kerajaan ataupun kementerian yang berkenaan memberi pertimbangan semula atas permohonan Dong Jiao Zhong supaya Kolej Era Baru itu dapat ditubuhkan dengan segeranya. Kalau tidak,.....

Tuan Lim Si Cheng: (*Bangun*)

Tuan Tuan Noh bin Omar: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, dia bangun lagi.

Tuan Lim Si Cheng: Saya hendak minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang mana satu hendak beri dahulu?

Seorang Ahli: Duduklah.

Tuan Lim Si Cheng: Tadi, dalam ucapan Yang Berhormat telah menyatakan MCA dan Gerakan tidak menyokong permohonan kolej itu. Macam mana Yang Berhormat boleh minta kerajaan untuk memberi kelulusan?

Tuan Liew Ah Kim: Yang Berhormat 'talam dua muka' saya tak boleh jawab macam itu. Itu tanggungjawab parti MCA. Bukan tanggungjawab Yang Berhormat dari tak tahu mana.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, kena gulung.

Tuan Liew Ah Kim: Minta gulung. Terima kasih, saya gulung. Dalam Rancangan Malaysia Ketujuh memang satu kenyataan ataupun dokumen yang penting, yang menarik, tetapi dari muka sahaja. Isi kandungan, saya ingat terpulang kepada menteri-menteri yang berkenaan ataupun parti pemerintah. Sekiranya macam masa yang lampau sudah pun enam rancangan Malaysia telah pun dilepaskan. Ini rancangan yang baru, Rancangan Malaysia Ketujuh, haraplah kesemua pemimpin parti yang memerintah jangan bermain 'mata silap' sahaja, (*Ketawa*) dengan keikhlasan dan sesungguhnya....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Masa sudah cukup, Yang Berhormat.

Tuan Liew Ah Kim:.....dan juga menjimatkan wang rakyat untuk projek, betul-betul untuk projek pembangunan sahaja. Itulah....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Masa sudah cukup.

Tuan Liew Ah Kim: Itulah hujah saya. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Pasir Putih.

5.00 ptg.

Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi saya peluang untuk membahas dalam RMK-7 ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam mengisi kemerdekaan selepas merdeka, bidang pendidikan adalah satu aspek yang amat penting bagi mencapai wawasan negara kita Malaysia. Keutamaan telah diberi di bidang tersebut supaya ia dapat

melahirkan warganegara yang bertanggungjawab, bermoral dan beretika, tetapi jarang disebut beragama selaras dengan kehendak Rukunegara iaitu Kepercayaan Kepada Tuhan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam memperbaiki pengurusan dan pelaksanaan pendidikan serta memperkuat sistem pengawasan dan penilaian, kerajaan perlu dan harus mengambil kira tentang kebajikan semua kakitangan pendidik yang dipanggil 'guru' dan lain-lain kakitangan sokongan. Peningkatan mutu pendidikan sukar dicapai apabila suasana dan kedudukan guru tidak dititikberatkan. Kerajaan hanya menekankan atas mutu dan hasil objektif yang hendak dan akan dicapai, tetapi tidak terhadap mekanismenya yang sepatutnya diberi perhatian yang seimbang.

Saya rasa kerajaan tidak begitu prihatin tentang penambahan fizikal sekolah-sekolah itu sendiri. Masih banyak lagi sekolah-sekolah luar bandar yang kekurangan bilik darjah, walaupun kerajaan telah dapat mengadakan 2.8 juta bilik darjah di sekolah rendah pada tahun 1995, masih banyak lagi sekolah-sekolah di luar bandar sesak ruang bilik darjah. Masih lagi terdapat di sekolah-sekolah yang memuatkan 40-50 orang murid di satu-satu bilik darjah, keadaan ini amatlah membebankan tugas guru terutama dari segi kawalan dan perhatian pengajaran. Keadaan ini sekiranya berterusan tidak akan mencapai matlamat mutu yang seperti mana ditetapkan oleh perancang sesebuah sekolah dan keseluruhan wawasan.

Peningkatan kepada 2.9 juta bilik darjah di sekolah menengah pada tahun 2000 tidak akan mencapai matlamat sekiranya masih terdapat bilangan murid yang lebih daripada 35 orang dalam satu-satu kelas.

Tuan Yang di-Pertua, keadaan yang sama juga berlaku di peringkat sekolah

menengah rendah dan menengah atas. Rancangan membina 9,770 bilik darjah dalam RMK-7 tidak akan memberi keselesaan dan kemudahan aktiviti pengajaran kepada guru. Walaupun seseorang guru itu dilengkapi dengan segala latihan moden ataupun kemahiran, jika terlalu ramai pelajar berada dalam satu-satu bilik darjah, terutama di luar bandar di mana pelajar-pelajar perlu kepada perhatian guru.

Tuan Yang di-Pertua, ini di peringkat sekolah rendah dan menengah bukannya di peringkat universiti. Di peringkat universiti pun mahasiswa masih perlu kepada perhatian pensyarah, apatah lagi di bilik darjah.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memperkatakan tentang soal sistem gaji guru. Walau apapun yang dilakukan atas sistem ini, tidak kira apa jenis borang penilaian yang diubah, apa jenis komputer yang digunakan untuk penilaian Sistem Saraan Baru (SSB) pada pendapat dan pengalaman saya adalah tidak sesuai untuk digunapakai terhadap bidang perguruan ataupun pendidikan.

Pengendalian serta pemberian pemarkahan dan penilaian tetap dilakukan oleh manusia. Bila manusia yang membuat penilaian pasti akan wujud perasaan pilih kasih, keadaan berpihak-pihak, benci atau overlook, dengan izin, kemarahan dan bermacam-macam lagi. Perbezaan akan berlaku dalam penilaian di antara guru lelaki dan guru perempuan, di antara guru muda dan guru tua dan juga yang berumur, di antara guru yang suka mengampu dan guru yang tidak suka mengampu, tetapi suka membuat kerja.

Pergerakan gaji 2% menegak dan 2% melintang menimbulkan 98% guru yang tidak puas hati. Rasa kecewa sentiasa diperbaharui setiap tahun apabila pergerakan gaji diumumkan. Ini akan memberi beban terhadap pentadbiran sekolah dan kesannya akan diterima oleh pelajar-pelajar secara tidak langsung setiap tahun.

Tuan Yang di-Pertua, saya kira mata gaji dalam SSB patut dipinda semula, P1 dan P2 patut dihapuskan. Semua guru-guru patut diletakkan di tahap P3. Sistem 'Menegak dan Melintang' dihapuskan sama sekali. Ini adalah salah satu daripada sebab-sebab kenapa ramai guru yang meninggalkan bidang ini. Tidak dapat dinafikan ramai guru-guru yang membuat persaraan pilihan dan mencari kerja-kerja di bidang lain, di bidang swasta yang memberi imbuhan yang lebih baik. Sistem SSB patut dihapuskan terhadap golongan guru, jika tidak, saya pasti golongan guru akan sentiasa berada dalam keadaan gelisah, tidak puas hati dan sentiasa ingin melarikan diri daripada bidang ini dan mencari peluang untuk bekerja di bidang-bidang lain yang akan memberi keselesaan dan ketenangan fikiran dalam menjalani tugas harian.

Tuan Yang di-Pertua, dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam, sebanyak 5,100 unit rumah guru telah dibina untuk 5,250 orang guru. Ini jauh daripada mencukupi. Saya faham usaha untuk menambahkan rumah guru masih dipertingkatkan. Di samping itu juga kerajaan telah memberi elaun perumahan pada guru, yang saya persoalkan ialah jumlahnya. Elaun perumahan sebanyak RM90-RM150 adalah tidak wajar, kerana dengan perkembangan ekonomi sekarang sewa rumah adalah tinggi. Elaun ini patut dipertimbangkan semula, ia seharusnya tidaklah pemberian tetap dan dengan kadar yang sama rata (flat rate). Elaun ini patut dipertimbangkan mengikut kawasan.

Tuan Yang di-Pertua, RM120 mungkin cukup di kawasan pedalaman atau di kawasan saya seperti di Pasir Puteh, iaitu di pinggir Pasir Puteh, bukannya dalam bandar. Dalam bandar pun tidak dapat RM120, tetapi RM120 untuk seorang guru yang tambahan baru lepas maktab di tempatkan di Kuala Lumpur, Johor Bahru, ataupun Pulau Pinang ataupun di bandar-bandar besar, hendak sewa bilik saya

rasa tidak cukup dengan RM120, jauh lagi dari hendak menyewa rumah. Di K.L. ini RM120 sewa bilik pun tidak boleh, hendak sewa apa? Kaki lima pun tidak dapat saya rasa kalau hendak sewa dengan kadar RM120. Kalau ia ditempatkan mengajar di Bangsar, elaun sewa rumah termasuk gajinya pun tidak cukup untuk menyewa bilik, ini kepada guru-guru lepasan maktab (guru SPM).

Tuan Yang di-Pertua, elaun sewa rumah perlu diberi mengikut kawasan, di luar bandar bolehlah dikatakan sewa rumah itu murah. Kalau di bandar, ia perlu ditambah mengikut keadaan.

Tuan Yang di-Pertua, kalau seseorang itu bekerja dengan pihak swasta seperti pekerja-pekerja kilang bukan sahaja elaun sewa rumah diberi, pengangkutan pun disediakan, tetapi bukannya kepada guru. Jadi, pada pendapat saya elaun sewa rumah perlu dikaji semula supaya guru-guru dapat mengurangkan beban ekonomi, supaya pemikiran mereka dapat memberi tumpuan terhadap tugas di bilik darjah dan merapatkan matlamat atau wawasan pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, guru ditugaskan berada di sekolah selama 5 hari seminggu, tetapi hari ini selain dari beban mengajar, tugas ko-kurikulum, kita dapati guru diminta berada oleh guru besar atau pengetua-pengetua selama 7 hari seminggu. Beban tugas ini disebabkan kekurangan guru sebahagian daripadanya tidak memberi peluang untuk guru berada di rumah untuk bersama keluarga untuk sehari dalam satu minggu. Ini adalah bertentangan dengan hasrat kerajaan yang ingin mewujudkan keluarga penyayang. Bagaimana hendak mewujudkan keluarga penyayang kalau ibu atau bapa sentiasa berada di luar sepanjang masa, sepanjang hari dan 7 hari seminggu.

Tuan Yunus bin Rahmat: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Jelebu bangun minta jalan.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, kita melihat kepada perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, memang kita rata-ratanya melihat permasalahan ini berlaku. Jadi, saya ingin bertanya adakah hasrat Yang Berhormat untuk mencadangkan kepada kerajaan supaya Kementerian Pendidikan selain daripada memikirkan untuk menambahkan kenaikan gaji sama ada permulaan ataupun selanjutnya, supaya Kementerian Pendidikan betul-betul menekankan kepada pembinaan kuarters guru-guru di semua sekolah di seluruh negara kita ini supaya masalah penempatan guru-guru tidak akan berbangkit?

Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat dari Jelebu. Kalau kerajaan tidak dapat menyediakan rumah-rumah yang cukup, maka elaun sewa rumah ini seharusnya ditambah.

Tuan Yang di-Pertua, kita mahu pastikan guru-guru ini sekurang-kurangnya berada di rumah dalam seminggu selama sehari, cukup. Pastikan tidak ada guru besar atau pengetua yang meminta guru-guru bertugas selama tujuh hari seminggu.

Saya juga ingin menyentuh berkenaan imbuhan tugas luar waktu bekerja. Setakat hari ini, guru-guru yang bertugas di luar masa tugas sentiasa menjalani tugas tanpa diberi imbuhan tidak sepertimana pegawai-pegawai kerajaan yang lain. Tanggungjawab mereka menjalankan arahan seperti keluar untuk pertandingan sukan atau tugas sebagainya adalah berat. Mereka tidak dibayar sebarang imbuhan tetapi sebaliknya kadangkala wang mereka sendiri pula yang habis untuk menyempurnakan tugas yang diarahkan

oleh pihak atasan mereka. Keadaan ini perlu dikaji semula supaya guru-guru dapat menjalankan tugas dengan lebih sempurna dan berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berpuas hati dengan penempatan guru-guru hari ini. Saya faham penempatan guru adalah mengikut keutamaan keperluan, mengikut opsyen. Kementerian seharusnya mengambil kira juga dari segi keperluan dan tempat asal guru-guru berkenaan. Satu masa dulu, Menteri Pendidikan kini Timbalan Perdana Menteri berjanji akan menempatkan guru mengikut tempat asal mereka. Guru-guru akan bekerja lebih masa, lebih keras dan bersungguh jika mereka ditempatkan di tempat sendiri.

Saya juga ingin menyatakan tentang kewujudan Pejabat Pendidikan Daerah di Kelantan. Memandangkan kepada perkembangan pesat di bidang pendidikan, bilangan Pejabat Pendidikan Daerah di Kelantan hendaklah digandakan. Pada masa ini, satu Pejabat Pendidikan Daerah ditugaskan mengawasi dua daerah pentadbiran negeri kecuali Kota Bharu. Yang ada hari ini ialah Pejabat Pendidikan Daerah Pasir Mas, ia mengawasi Pasir Mas dan Tumpat. Pejabat Pendidikan Daerah Tanah Merah mengawasi Tanah Merah, Machang dan Jeli. Pejabat Pendidikan Daerah Pasir Puteh mengawasi Pasir Puteh dan Bachok. Pejabat Pendidikan Daerah Kuala Krai mengawasi Daerah Kuala Krai dan Daerah Hulu Kelantan yang kawasannya begitu luas sekali. Hanya Pejabat Pendidikan Daerah Kota Bharu sahaja yang mengawasi satu daerah pentadbiran negeri. Memandangkan bilangan sekolah telah bertambah dan akan terus bertambah, maka adalah lebih baik dan berkesan jika Pejabat Pendidikan Daerah ini diletakkan di setiap satu daerah pentadbiran negeri di negeri Kelantan.

Tuan Yang di-Pertua, profesion guru termasuk di peringkat pendidikan guru

jika dibandingkan dengan profesion lain, kenaikan pangkat guru amatlah sedikit. Ramai guru yang bersara dan akan bersara di tahap guru penolong atau private, dengan izin, selepas mereka bertugas selama 20 atau 25 tahun. Walaupun kerajaan telah mewujudkan banyak jawatan Guru Kanan dalam Rancangan Malaysia Keenam tetapi untuk memberi galakan kepada profesion perguruan, masih banyak lagi jawatan yang boleh diwujudkan seperti Guru Kanan Mata Pelajaran. Tugas guru adalah satu tugas yang kompleks dan rumit. Ia adalah menjadi dasar dan nadi kepada pembangunan negara. Jadi, wajarlah profesion guru ini diberi perhatian yang sama tara dengan profesion lain. Majunya negara ke hadapan di masa mendatang adalah bergantung kepada pengisian pelajaran dan pendidikan yang cemerlang.

Saya juga ingin sentuh serba sedikit berkenaan bidang pertanian. Pertanian adalah asas tenaga kepada keseluruhan rakyat Malaysia. Dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, pengeluaran hasil pertanian adalah dijangka tidak menggalak. Daripada Rancangan Malaysia Keenam iaitu 6.1% kepada 6.2% dalam Rancangan Malaysia Ketujuh. Gunatenaga untuk pengeluaran adalah begitu berkurangan iaitu makin merosot daripada -3.8% kepada -3.6%. Tindakan positif patut diambil supaya peningkatan pertanian dapat dilakukan. Galakan seharusnya dimulakan di peringkat awal iaitu di sekolah.

Tuan Yang di-Pertua, di negara jiran kita yang terdekat iaitu Thailand terdapat kemahiran dan kegemaran terhadap pertanian kerana ini dimulakan di peringkat persekolahan lagi. Kanak-kanak selain daripada belajar mata pelajaran utama mereka juga diajar menanam, menternak binatang ataupun memelihara ikan tawar. Kita dapati dalam sistem pendidikan kita bukanlah 100% pelajar lulus dalam bidang sains dan sastera

sahaja. Ada sebilangan kecil daripada pelajar-pelajar kita yang gagal di bidang akademik. Ini bukanlah bererti mereka ini bodoh. Mungkin mereka ini tidak cenderung membaca dan menulis tetapi mereka mempunyai kebolehan di bidang lain. Pelajar-pelajar ini boleh diajar dan diberi latihan secara praktikal di bidang pertanian. Kepada mereka yang gemarkan ayam, bukan sahaja memakan ayam dan menyabung ayam, mereka ini boleh diajar cara-cara menternak ayam secara besar-besaran. Begitu juga kepada mereka yang mempunyai minat terhadap yang lain seperti ikan, lembu, kambing, rusa dan sebagainya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, minta gulung.

Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah: Sedikit lagi Tuan Yang di-Pertua.

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia mengimport 5.1% pada tahun 1995 dan dijangka akan meningkatkan kepada 6.5% bekalan daging pada tahun 2000; 1.5% haiwan hidup pada tahun 1995 dan dijangka meningkat kepada 8.6% purata dalam Rancangan Malaysia Ketujuh. Terdapat di negara kita ini banyak tanah rizab haiwan tetapi ia tidak digunakan sepenuhnya. Maka, alangkah rugi tanah-tanah ini dibiarkan begitu tetapi tindakan positif tidak diambil supaya golongan-golongan luar bandar yang ingin menternak binatang! Kalau tanah-tanah rezab ini dibuka, mereka boleh melakukan tugas-tugas tersebut dan akan memberi sumbangan positif kepada negara kita.

Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Telok Kemang.

5.20 ptg.

Dr. L. Krishnan (Telok Kemang):

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih ke atas peluang yang diberikan kepada saya pada hari ini. Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Kerajaan Barisan Nasional di atas pembentangan Rancangan Malaysia Ketujuh di Dewan yang mulia ini pada 6hb Mei yang lalu.

Sesungguhnya, Rancangan Malaysia Ketujuh membuktikan kerajaan benar-benar serius dalam merancang kecemerlangan Malaysia ke abad ke-21. Saya merasa hairan bila Ahli Yang Berhormat dari Seputeh mengatakan bahawa kerajaan telah melepaskan semua peluang melalui Rancangan Malaysia Yang Pertama hingga Rancangan Malaysia Keenam yang lalu. Beliau menyeru kerajaan, jangan main silap mata atau 'mata silap' seperti yang dinyatakan olehnya.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita adalah sebuah negara di mana pembangunannya adalah pesat sekali di dunia jika dibandingkan dengan negara-negara yang sedang membangun. Pencapaian ini adalah melalui perancangan dan pelaksanaannya yang begitu baik. Jika kita telah melepaskan semua peluang, negara kita tidak akan ada pada taraf pembangunan sebegini sekarang.

Saya mengucapkan tahniah di atas kejayaannya kepada Perdana Menteri dan Kerajaan Barisan Nasional dalam pencapaian yang membanggakan dalam Rancangan Malaysia Keenam. Rancangan Malaysia Keenam telah memberi faedah yang besar kepada rakyat Malaysia tanpa mengira kaum, budaya dan agama yang dianuti. Kita amat berbangga dengan keluaran dalam negara kasar (KDNK) yang baik iaitu secara purata 8.7% setahun untuk tempoh lima tahun di mana ia melebihi target asal dalam Rancangan

Malaysia Keenam iaitu 8.1%. Pendapatan per kapita juga telah meningkat iaitu dari RM6,099 pada tahun 1990 kepada RM9,786 dalam tahun 1995.

Kadar pengangguran juga telah menurun iaitu dari 51% ke 22.8%. Kadar inflasi juga telah menurun kepada 3.4%, kadar kemiskinan juga telah menurun dari 16.5% pada tahun 1990 kepada 8.5% pada tahun 1995. Kadar golongan termiskin juga telah menurun dari 3.9% kepada 2.1% pada tahun 1995. Tahap celek huruf juga telah meningkat iaitu dari 85% pada tahun 1990 kepada 91% pada tahun 1995. Jangka hayat bagi lelaki dan perempuan juga telah meningkat. Kadar kematian sewaktu melahirkan juga telah menurun pada tahun 1995. Secara tegasnya kualiti dan standard kehidupan masyarakat Malaysia amat membanggakan dan kuasa beli mereka juga telah semakin meningkat dengan baik.

Tuan Yang di-Pertua, kita telah semakin bersedia dengan target untuk memurnikan Wawasan 2020 dan menuju kepada negara industri. Dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, Kerajaan Barisan Nasional telah melakarkan pelan untuk menyambung dan meneruskan KDNK pada kadar yang seimbang untuk setiap tahun, mengurangkan kadar inflasi, mengurangkan atau menghapuskan kadar pengangguran dan kadar kemiskinan, meningkatkan jumlah celek huruf dan kesihatan rakyat Malaysia serta membekalkan air dan elektrik kepada seluruh rakyat jelata.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin bahawa Kerajaan Barisan Nasional sahaja akan dapat mencapai target ini dan menjadi tanggungjawab kita semua untuk bekerjasama bagi maksud tersebut. Perkembangan ekonomi yang pantas di negara kita telah menghasilkan pelbagai peluang menarik dalam sektor pekerjaan di hampir semua bidang terutamanya dalam bidang sains dan teknologi. Namun

begitu, kita masih tidak dapat memenuhi secara keseluruhan keperluan tenaga manusia sehingga memaksa kita mengimport tenaga buruh dari negara luar.

Pertumbuhan ekonomi juga telah mengakibatkan kemasukan buruh asing secara haram. Peningkatan jumlah buruh asing secara sah dan haram ini, secara tidak langsung telah mewujudkan pelbagai masalah sosial, bukan sahaja masalah sosial tetapi ia juga mengakibatkan berjuta ringgit wang kita mengalir keluar akibat dari pertukaran wang asing.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, kerajaan telah mengambil langkah mengurangkan pengambilan buruh asing dengan memberi peluang kepada tenaga buruh tempatan serta menggunakan maksimum robot berteknologi tinggi. Peralihan dari industri buruh kepada industri besar yang menggunakan robot berteknologi tinggi ini dijangkakan memerlukan bilangan buruh yang lebih kecil tetapi berkemahiran tinggi. Namun, suka saya nyatakan bahawa faedah dari pertumbuhan ekonomi yang mantap ini masih sedikit dikecapi oleh rakyat jelata di kampung dan estet.

Kemudahan kesihatan dan penyediaan rumah sendiri iaitu 'houseownership scheme' dan pendidikan, pembangunan sosial dan mental bagi penduduk-penduduk dari estet masih berada dalam gengaman pengurusan estet. Sekali lagi dinyatakan bahawa kualiti dan standard dalam bidang-bidang tersebut masih ada pada tahap yang tidak membanggakan. Akibat dasar hidup muncullah pelbagai gejala buruk seperti penagihan dadah, penagihan samsu haram, rogol, gangsterism dan lepak. Walaupun jumlahnya kecil jika dibandingkan dengan bandar-bandar besar tetapi tidak harus dibiarkan kerana lama-kelamaan ia akan meningkat.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sebagai perlindungan kepada rakyat semua, harus menyedari permasalahan yang berlaku di ladang-ladang. Kehendak dan keperluan asas mereka wajar diambil perhatian secepat mungkin seperti memberi kemudahan dan subsidi skim perumahan. Selain dari itu, bekalan elektrik, air, sistem pengangkutan yang baik juga harus dipertingkatkan. Taman didikan kanak-kanak juga harus diperluaskan di seluruh estet-estet.

Tuan Yang di-Pertua, pekerja-pekerja estet dan luar bandar biasanya akan tamat bekerja pada pukul 1.00 petang. Purata pendapatan mereka adalah di antara RM300 hingga RM400 sebulan. Mereka sebenarnya, boleh diberi peluang untuk bekerja sambil di kilang-kilang berdekatan. Untuk itu, kerajaan boleh memainkan peranan agar majikan estet membenarkan mereka berbuat begitu. Secara tidak langsung bukan sahaja mereka boleh meningkatkan pendapatan bulanan masing-masing tetapi negara kita boleh mengoptimumkan penggunaan tenaga buruh tempatan.

Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat juga boleh memainkan peranan besar dengan menganjurkan program-program latihan selepas waktu kerja kepada pekerja-pekerja estet. Untuk pekerja wanita di estet misalnya, mereka wajar diberi latihan atau motivasi untuk meningkatkan industri desa dan menjalankan kerja-kerja sampingan lain.

Tuan Yang di-Pertua, ekuiti penyertaan kaum India hanya meningkat dari 1.1% pada tahun 1990 kepada 1.5% pada tahun 1995. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita juga sedar dan prihatin akan perkara ini. Dalam ucapan membentangkan Rancangan Malaysia

Ketujuh, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan bahawa, quote:

"Ada kaum bukan bumiputera yang tidak menunjukkan peningkatan yang baik dalam aktiviti-aktiviti ekonomi. Kerajaan akan memberi perhatian dan bantuan yang sewajarnya kepada mereka".

Berdasarkan itu, dalam dasar penyusunan semula masyarakat, saya merasakan bahawa sudah sampailah masa kaum India dibantu sepertimana yang dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Bantuan perlu diberi agar mereka seiring maju bersama dengan kaum-kaum yang lain. Program-program khas untuk kaum India harus dijalankan seperti skim vendor, skim francais, skim usaha sama dengan kaum bumiputera dan kaum Cina, skim pembangunan usahawan kaum India dan lain-lain lagi.

Kaum India juga harus diberi peluang dalam latihan teknikal, latihan-latihan asas saluran memulakan premis perniagaan dan pinjaman perniagaan. Kerajaan boleh meningkatkan jumlah usahawan kaum India dengan memberi mereka peluang untuk menyertai bidang perniagaan dan projek-projek yang besar. Mereka yang berminat boleh dilibatkan dengan memberi lesen dan kontrak berniaga. Ini termasuklah perniagaan mereka dalam projek penswastan seperti pembinaan lebuh raya dan memajukan bandar-bandar baru.

Tuan Yang di-Pertua, dalam semua bidang latihan terutamanya dalam melibatkan industri automatif, telekomunikasi, aerospace, petroleum dan industri petrol kimia, fabrikasi dan kejuruteraan harus mengandungi sekurang-kurangnya penyertaan 10% orang kaum India. Ia juga harus melibatkan semua lapangan atau bidang

profesional serta kursus-kursus kejuruteraan di unviersiti tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin dengan cara ini kaum India di Malaysia bukan sahaja boleh meningkatkan atau memperbaiki ekuiti mereka di Malaysia tetapi turut sama aktif dalam meningkatkan produktiviti negara dalam menuju ke abad 21. Sekian, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Kluang.

5.33 ptg.

Tuan Hoo Seong Chang (Kluang): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua.....

Menteri Sumber Manusia (Dato' Lim Ah Lek): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon kebenaran untuk mengemukakan satu usul.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya. Sekejap, sekejap. Minta maaf ya. Sila.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBAHKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Menteri Sumber Manusia (Dato' Lim Ah Lek): Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan:

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 8.00 malam.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, satu usul yang dibawa oleh seorang Menteri yang mencadangkan bahawa mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 8.00 malam hendaklah dipersetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 8.00 malam.

Perbahasan disambung semula.

Tuan Yang di-Pertua: Kluang, sila teruskan.

Tuan Hoo Seong Chang: Saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya mengambil bahagian dalam perbahasan usul Rancangan Malaysia Ketujuh yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 6hb. Mei yang lalu. Rancangan Malaysia Ketujuh merupakan Fasa II Rangka Rancangan Jangka Panjang II. Rancangan yang akan membawa negara kita melangkah ke abad 21 ini memperkukuhkan lagi kejayaan Malaysia di segala bidang khususnya di bidang sosioekonomi. Yang lebih bermakna ialah Rancangan Malaysia Ketujuh akan membolehkan negara kita membina asas yang kukuh ke arah mencapai Wawasan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, adalah satu kenyataan yang tidak boleh dinafikan bahawa negara kita telah mencapai kejayaan ekonomi yang cemerlang serta disanjudi oleh masyarakat antarabangsa di bawah beberapa rancangan Malaysia yang lepas terutamanya dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam, ekonomi negara kita telah mencatat kadar

pertumbuhan purata Keluaran Dalam Negara Kasar iaitu pada 8.7% setahun. Di antara sebab yang utama yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi yang tinggi ini ialah pengaliran masuk pelaburan asing, tetapi Tuan Yang di-Pertua, pelabur asing juga mengakibatkan defisit imbalan pembayaran antarabangsa yang agak besar, misalnya defisit akaun semasa negara kita pada tahun 1995 berjumlah RM17.8 bilion iaitu naik sebanyak kira-kira 62% berbanding dengan RM11 bilion pada tahun 1994. Masalah ini akan menjejaskan ketangkasan ekonomi negara dan dalam hubungan ini saya ingin mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada pihak kerajaan kerana telah mengambil pelbagai langkah untuk mengurangkan defisit imbalan pembayaran antarabangsa.

Sungguhpun pelaburan asing amat penting dalam perkembangan ekonomi negara, saya berpendapat bahawa usaha harus diperhebatkan dalam menggalakkan pelaburan dalam negara ataupun pelaburan tempatan supaya negara kita tidak bergantung semata-matanya kepada pelaburan asing untuk membangunkan ekonomi pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, matlamat muktamad Rancangan Malaysia Ketujuh ialah membina satu masyarakat yang adil serta lebih berpadu dan salah satu strategi untuk mencapai matlamat tersebut ialah pengurangan dan pembasmian kemiskinan di negara di antara kaum dan golongan yang berpendapatan rendah. Saya mengalu-alukan program-program dan langkah-langkah yang telah dijalankan di bawah rancangan-rancangan Malaysia yang lepas serta digariskan di dalam Rancangan Malaysia Ketujuh.

Walaupun usaha mengurangkan dan membasmikan kemiskinan telah mencapai kejayaan yang menggalakkan, adalah

diperhatikan bahawa ketidaksamaan pendapatan negara semakin meluas. Faktor utama yang menyebabkan keadaan ini ialah perbezaan pertumbuhan ekonomi bandar dan luar bandar. Sektor pertanian yang merupakan punca utama pertumbuhan ekonomi dan guna tenaga di luar bandar hanya mencapai kadar pertumbuhan 2% pada tempoh Rancangan Malaysia Keenam iaitu kurang daripada 2.1% yang dijangkakan. Pertumbuhan yang lebih perlahan serta pengaliran keluar pekerja pertanian kepada pekerjaan yang lebih menguntungkan dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan juga mengakibatkan perbezaan pendapatan di antara penduduk bandar dan penduduk luar bandar.

Oleh yang demikian, adalah dicadangkan supaya kerajaan mengkaji kemungkinan untuk melaksanakan sistem upah minimum bagi sektor pertanian. Adalah dipercayai bahawa melalui sistem ini bukan sahaja jurang pendapatan di antara penduduk di bandar dengan luar bandar dapat dirapatkan, tetapi ia juga dapat mengurangkan pengaliran pekerja ke sektor lain di bandar.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang dinyatakan di bawah Rancangan Pembangunan Malaysia lima tahun ini, satu lagi langkah untuk membantu usahawan bumiputera yang selaras dengan matlamat muktamad Rancangan Malaysia Ketujuh dalam membina negara yang adil dan lebih berpadu, perhatian akan diberi untuk menggalakkan usaha sama tulen yang diadakan antara usahawan bumiputera dengan usahawan bukan bumiputera. Saya ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Kementerian Pembangunan Usahawan kerana telah mengenal pasti lima pendekatan baru bagi mempertingkatkan usaha sama di kalangan usahawan bumiputera dan bukan bumiputera. Dengan bantuan

kementerian, 12 projek telah dilaksanakan dan telah memanfaatkan kedua-dua golongan usahawan dan di samping ini saya juga ingin menyokong langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan di mana ia akan melibatkan peniaga-peniaga India dalam pelbagai aktiviti perniagaan secara usaha sama yang akan dilaksanakan pada masa akan datang.

Dalam hubungan ini adalah dicadangkan supaya satu badan koordinasi dan penyeliaan ditubuhkan untuk memastikan kejayaan projek-projek usahawan tulen antara usahawan bumiputera dengan yang bukan bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha membantu rakyat menambah pemilikan ekuiti di sektor korporat melalui pelbagai skim amanah saham, baru-baru ini pihak kerajaan telah mengumumkan penubuhan satu lagi skim amanah saham yang dikenali sebagai Skim Amanah Saham Wawasan untuk disertai oleh golongan remaja dan belia yang berumur kurang daripada 30 tahun. Langkah ini amat dialu-alukan akan tetapi, Tuan Yang di-Pertua, adalah diharapkan bahawa pihak kerajaan dapat menimbangkan supaya memperluaskan lagi golongan yang layak untuk menyertai skim tersebut kepada seluruh rakyat.

Adalah dipercayai bahawa melalui skim amanah saham yang disertai oleh seluruh rakyat, maka pendapatan dan kekayaan negara dapat diagih dengan lebih sempurna. Yang lebih bermakna ialah skim seumpama ini dapat menyumbang kepada perpaduan rakyat berbilang kaum. Dalam usaha memastikan pengagihan pendapatan yang adil, perhatian harus juga diberi kepada pergerakan koperasi di negara ini yang dianggotai terutamanya oleh golongan yang berpendapatan sederhana atau rendah. Pada masa sekarang kalau tak salah saya terdapat lebih kurang 3,000 buah koperasi di seluruh negara.

Walaupun pergerakan koperasi merupakan satu sektor yang penting dalam ekonomi negara, prestasi dan potensi koperasi-koperasi secara amnya masih belum sampai tahap yang optimum. Oleh yang demikian, adalah diharapkan bahawa fokus dan perhatian yang sewajarnya juga diberi kepada pergerakan koperasi supaya membolehkan koperasi-koperasi memainkan peranan yang lebih positif dalam pengagihan kekayaan negara. Dengan hubungan ini, cadangan kerajaan bahawa koperasi yang tidak aktif akan dibubarkan dan koperasi yang mempunyai aset diberi bantuan dan bimbingan untuk beroperasi secara aktif amatlah dialu-alukan.

Antara masalah yang sering dihadapi oleh koperasi ialah kekurangan modal untuk mengendalikan atau memperkembangkan kegiatan mereka. Koperasi merupakan pertubuhan yang diwujudkan untuk memupuk semangat kerjasama, bantu-membantu dan bukan untuk memperolehi keuntungan semata-mata. Oleh itu, koperasi berbeza daripada syarikat-syarikat yang semata-matanya bertujuan mencapai keuntungan. Oleh yang demikian, memang sukar bagi sesebuah koperasi memperoleh kemudahan kewangan dari bank ataupun syarikat kewangan untuk menajayakan perniagaan. Selain itu, sumbangan modal oleh keahlian sesebuah koperasi terhad juga kerana kebanyakan anggota mereka terdiri daripada golongan pendapatan yang rendah ataupun sederhana. Oleh yang demikian, adalah dicadangkan supaya pihak kerajaan mewujudkan sesuatu mekanisme untuk membolehkan koperasi-koperasi mendapatkan sumber modal dari pasaran modal dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, pendidikan dan latihan kemahiran adalah kunci kemajuan negara. Oleh yang demikian, keutamaan yang tinggi telah diberi kepada pendidikan untuk menyediakan secukupnya tenaga kerja yang

berpendidikan berkemahiran serta bermotivasi tinggi. Berbagai-bagai perubahan yang dicadangkan atau dijalankan oleh kerajaan patut dipuji. Perubahan tersebut melibatkan semua peringkat pendidikan. Dalam konteks penyediaan tenaga yang berpendidikan dan berkemahiran, pendidikan tinggi memainkan peranan yang sungguh penting di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh. Perhatian terus diberi untuk meningkatkan kemudahan serta kualiti pendidikan tinggi di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, sejak beberapa tahun yang lalu, perkembangan sektor pendidikan terutama pendidikan tinggi di negara kita semakin pesat. Keadaan ini adalah sejajar dengan hasrat kerajaan memberi lebih peluang pendidikan tinggi kepada rakyat demi mempercepatkan proses perindustrian serta menjadikan Malaysia sebagai pusat pendidikan tinggi serantau. Peluang pendidikan tinggi di negara kita semakin bertambah berikutan penubuhan lebih banyak institusi pendidikan tinggi mahupun oleh sektor awam atau swasta, dan penyediaan kursus di peringkat diploma, ijazah atau yang lebih tinggi melalui program kembar, jarak jauh dan sebagainya. Namun demikian, terdapat ramai lagi pelajar masih mengikuti kursus di luar negara. Setakat tahun 1995, kalau tak silap saya dianggarkan seramai 50,600 pelajar Malaysia yang belajar di luar negara. Angka ini agak tinggi dan merupakan lebih kurang satu pertiga daripada jumlah enrolmen di institusi-institusi pendidikan tinggi awam di negara kita pada tahun 1995 iaitu seramai 153,610 orang. Keadaan ini memang tidak seimbang dengan matlamat kerajaan membangunkan pendidikan tinggi di negara kita. Oleh itu, langkah-langkah yang berkesan harus diambil untuk mengurangkan bilangan pelajar yang berkursus di luar negara demi menjimatkan pengaliran pertukaran wang asing serta menggalakkan pembangunan pendidikan tinggi tempatan.

Dalam konteks ini, sektor swasta memainkan peranan yang semakin penting seperti dibuktikan oleh enrolmen yang kian meningkat. Pada tahun 1995, enrolmen di institusi pendidikan tinggi swasta telah meningkat kepada 50,840 orang berbanding dengan 42,683 orang pada tahun 1990 iaitu hampir 20% peningkatan dalam tempoh 5 tahun.

Memandangkan peluang pendidikan tinggi yang semakin meluas serta kos pendidikan yang kian bertambah, bantuan harus diberi kepada pelajar yang kurang mampu untuk melanjutkan pendidikan di peringkat tinggi. Walaupun pada masa sekarang terdapat pelbagai pertumbuhan yang memberikan bantuan kewangan dalam bentuk biasiswa dan pinjaman kepada pelajar melanjutkan pendidikan mereka, tetapi masih ramai lagi yang memerlukan bantuan sedemikian. Oleh itu, adalah dicadangkan supaya pihak kerajaan mewujudkan satu tabung yang induk atau menyeluruh untuk memberikan bantuan kewangan kepada pelajar-pelajar yang miskin dalam pendidikan mereka. Tabung ini mungkin boleh dibentuk sebagai bank pendidikan ataupun sebagainya. Selain itu, bantuan juga harus diberi kepada pertumbuhan yang berada sekarang yang terlibat dalam pemberian bantuan kewangan kepada pelajar untuk tujuan pendidikan salah satu cara ialah memberikan ataupun mengaturkan pemberian pinjaman ringan, ataupun 'soft loan' dengan izin, dengan kadar faedah yang rendah kepada pertumbuhan tersebut. Ini termasuk kepada koperasi seperti Koperasi Jayadiri Malaysia ataupun lebih dikenali sebagai (KOJADI).

Tuan Yang di-Pertua, dengan usaha kerajaan untuk menyediakan kemudahan asas dan mempercepatkan pembangunan infrastruktur, saya ingin mengambil kesempatan keemasan ini untuk meminta pihak kerajaan supaya menyediakan peruntukan yang cukup demi kebaikan dan kepentingan rakyat khususnya mereka

yang dari luar bandar. Saya ingin meminta pihak kerajaan menyalurkan peruntukan yang besar di bawah Rancangan Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) ke kampung-kampung atau luar bandar, kerana masih banyak kawasan pedalaman yang masih belum dapat bekalan elektrik.

Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, jalan merupakan salah satu infrastruktur yang amat penting bagi orang ramai dari setiap lapisan masyarakat. Jambatan merupakan jalan penghubung yang memisahkan dua kawasan. Oleh itu, ianya mesti dalam keadaan yang teguh agar tidak mendatangkan masalah kepada pengguna. Maka saya ingin memohon Kerajaan Persekutuan supaya dapat menyalurkan peruntukan ke daerah Kluang dalam Rancangan Malaysia Ketujuh untuk menaikkan taraf jalan dan jambatan. Di daerah Kluang, jalan sepanjang 462 kilometer harus dinaikkan taraf, dan ia memerlukan kos berjumlah lebih kurang RM47 juta dan terdapat 31 buah jambatan harus dibina ataupun diperbaiki, dan ini memerlukan lebih kurang perbelanjaan RM3.8 juta.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang akhir saya ingin kemukakan dalam Dewan yang mulia ini ialah tentang pembinaan sebuah hospital baru di daerah Kluang. Seperti yang dinyatakan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, kerajaan akan terus mengembang dan meningkatkan program dan perkhidmatan kesihatan supaya rakyat Malaysia menikmati kualiti hidup yang lebih baik. Dalam konteks ini, saya ingin memohon kepada pihak kerajaan untuk membina sebuah hospital baru di daerah Kluang dalam Rancangan Malaysia Ketujuh untuk memberi perkhidmatan rawatan pesakit yang bermutu tinggi, cekap dan berkesan kepada pesakit luar dan pesakit dalam yang memerlukan rawatan supaya dapat menyelamatkan nyawa dan menghilangkan kesulitan serta mencapai pemulihan awal dan maksimum.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, Hospital Kluang lama ini dibina pada tahun 1931. Ia berdekatan dengan Kem Tentera Udara ataupun TUDM dan bersebelahan dengan sebuah jejambat ataupun 'flyover' dengan izin, yang sedang dijalankan. Jadi, orang ramai yang berkunjung ke hospital ini berasa tidak selesa, kerana lokasi hospital lama ini yang kurang sesuai. Saya ingin memaklumkan Dewan yang mulia ini sekeping tanah seluas 30 ekar untuk pembinaan hospital baru telah dikenal pasti oleh pihak kerajaan dan membenarkan pertambahan penduduk dan pembangunan yang pesat di daerah Kluang, maka besarlah harapan kami penduduk-penduduk di daerah Kluang untuk mengadakan satu hospital baru di daerah Kluang ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhan Rancangan Malaysia Ketujuh ini, dengan galakan dan usaha kerajaan, saya percaya rakyat Malaysia akan mempergiatkan lagi usaha dan komitmen kita ke arah matlamat mewujudkan masyarakat yang bersatu-padu, adil, progresif, berdaya saing dan berdaya tahan, selaras dengan aspirasi negara untuk mencapai status negara maju seperti yang dihasratkan di bawah Wawasan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata demikian, saya sekali lagi ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, dan dengan ini saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Kota Melaka.

5.52 ptg.

Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka): Tuan Yang di-Pertua, semasa membentangkan Usul Rancangan Malaysia Ketujuh ke Parlimen, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada menyatakan unsur-unsur penting yang membawa kepada kejayaan pembangunan

ekonomi negara adalah kestabilan politik, pentadbiran yang cekap dan tahap rasuah yang rendah. Kalau tahap rasuah rendah merupakan faktor penting untuk menjamin pembangunan ekonomi pesat boleh diteruskan, maka pembangunan pesat ekonomi negara kini terancam. Ini adalah kerana keadaan amalan rasuah kian meruncing sehingga Transparency International telah meletakkan Malaysia di tempat ke 23 dalam dalam senarai 41 negara yang merupakan pusat pelaburan terutama di dunia.

Kedudukan di bahagian bawah indeks rasuah ini bukanlah sesuatu yang membanggakan, malah harus merupakan satu dengan izin, wake up call, agar negara boleh sedar betapa seriusnya gejala rasuah ini mengancam pembangunan ekonomi negara.

Perdana Menteri sendiri menyatakan fokus RMK-7 ini akan ditumpukan kepada peningkatan produktiviti dan kecekapan. Tidak boleh dinafikan bahawa rasuah mempunyai kos dari segi efficiency dan produktiviti ekonomi. Tetapi yang penting lagi rasuah menghakiskan keyakinan rakyat dan orang ramai terhadap pembangunan negara dan nilai moralnya. Adalah tidak menghairankan rasuah dianggap serius dalam peringkat antarabangsa oleh skandal-skandal kewangan sejak 1970 membabitkan jumlah wang sebanyak RM44 bilion. Jumlah RM44 bilion adalah besar, begitu besar sehingga kalau diagihkan kepada 22 juta rakyat Malaysia, maka setiap orang bayi, kanak-kanak atau dewasa boleh mendapat RM2,000 seorang.

Kerajaan tidak boleh 'bercakap tidak serupa bikin' dan harus bertindak sekarang untuk memberhentikan gejala rasuah yang merugikan rakyat Malaysia sebanyak RM44 bilion atau RM2,000 seorang sejak tahun 1970. Di samping itu, adalah merisaukan bahawa pihak

Peguam Negara dan BPR enggan mengambil tindakan ke atas pemimpin dan pentadbir negara kini yang mengambil kesempatan untuk memanfaatkan mereka atau keluarga sendiri seperti, yang pertama, kekayaan luar biasa Presiden Pemuda UMNO Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik melebihi RM70 juta yang jauh melebihi gaji terkumpulnya. Malah beliau juga menyalahgunakan wang rakyat untuk kepentingan peribadi politiknya, sepertimana yang tertera dalam Laporan Ketua Audit Negara pada tahun 1993 untuk negeri Melaka. Saya telah membuat laporan Polis mengenai perkara ini:

- (i) Penyalahgunaan wang rakyat sebanyak RM194,204 untuk aktiviti tidak rasmi seperti membelikan fountain pen untuk menganjurkan satu seminar politik, fountain pen yang terukir RTC dan juga kos penganjuran seminar politik dan jamuan makan malam kepada para perwakilan parti politik UMNO.
- (ii) pembelian-pembelian sebanyak RM216,884 tanpa tender terbuka seperti bungkusan makanan sebanyak RM57 satu bungkus dan fountain pen bernilai RM190 satu batang.

Kedua-duanya membelanjakan wang rakyat sebanyak RM162,000. Susah untuk diketahui Tuan Yang di-Pertua, apakah jenis sajian makanan yang begitu lazat dan baik dalam bungkusan makanan sehingga ia berharga RM57 satu bungkus dan ini wang rakyat? Saya rasa makanan dalam hotel mewah pun tidak sebegitu mahal sehingga RM57 setiap orang. Maka tidak hairanlah mengapa tidak ada tender terbuka dijalankan ke atas 1,434 bungkusan makanan yang memakan belanja RM162,000 ini bersama dengan 425 batang fountain pen RTC semahal RM190 sebatang. Malah Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Melaka telah menyatakan bahawa perbelanjaan ini

merupakan satu kesilapan dan Tan Sri Abdul Rahim telah memulangkan wang sebanyak RM194,204 ini kepada Kerajaan Negeri Melaka. Sungguhpun begitu Tuan Yang di-Pertua, ini merupakan satu dengan izin, criminal breach of trust, kerana telah menggunakan wang rakyat. Walaupun Tan Sri Abdul Rahim telah memulangkan wang ini kepada kerajaan negeri Melaka, tetapi kalau menggunakannya dengan secara haram, masih merupakan satu amalan jenayah dan apabila saya menanya tentang perkara ini jawapan yang saya terima oleh pihak Parlimen adalah perkara ini telah dirujuk kepada Peguam Negara setelah siasatan Polis selesai.

Saya hendak bertanya mengapakah sehingga kini pihak Peguam Negara masih belum membuat satu keputusan sama ada mendakwa atau tidak Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik? Saya ingin tahu mengapa ia mengambil masa begitu lama untuk membuat keputusan atas satu perkara yang jelas melanggar undang-undang negara atau adakah faktor-faktor politik menyebabkan Peguam Negara akan membuat keputusan sehingga selepas pemilihan UMNO terlepas, sama juga dengan kes pemberian saham oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri kepada menantunya (Fazrin Azwar). Ini boleh dilihat dalam pemberian 70 juta saham Universal Holdings dan FACB oleh beliau kepada 14 ahli keluarga pemimpin negara, di antaranya Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, Menteri-menteri dan Timbalan Menteri-timbalan menteri. Umpamanya menantu Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri sendiri mendapat 1.5 juta saham Leader dan 4 juta saham FACB yang bernilai RM25 juta dalam pasaran saham semasa. Kes pembelian saham ini telah disiasat oleh BPR dan dirujuk kepada Peguam Negara sejak tahun lepas, tetapi mengapa pula keputusan masih belum dibuat, tindakan masih dijalankan? Tidak ada sebarang tindakan diambil atau

adakah seperti kes Tan Sri Abdul Rahim, satu keputusan politik akan dibuat sebaik sahaja pemilihan parti UMNO selesai? Ini jelas Peguam Negara bersandiwara politik dan beliau harus meletakkan jawatan.

Satu lagi aspek rasuah ialah kronisme di mana proses penswastaaan disalahgunakan untuk memanfaatkan pihak tertentu sahaja, contohnya dalam beberapa penswastaaan tidak ada tender terbuka seperti syarikat gergasi HICOM atau tender yang paling baik diterima seperti dalam PLUS projek Lebuhraya Utara-Selatan ataupun sistem pembentungan yang diberikan kepada IWK. Mengapa tender terbuka tidak dijalankan? Ini merugikan rakyat sepertimana dilihat dalam pengutipan bayaran perkhidmatan seperti pembentungan oleh IWK, di mana tender yang paling baik tidak diterima? Bagaimana pula dengan penswastaaan perkhidmatan hospital kerajaan di mana satu daripada tiga tendernya diberikan kepada anak Perdana Menteri sendiri? Apakah ini merupakan satu lagi case penswastaaan yang bukan penswastaaan, privatisation yang bukan privatisation, tetapi piratisation ataupun lagi Tuan Yang di-Pertua, dalam sebuah projek penswastaaan bernama Kuala Lumpur Linear City Project, adakah ia diberikan tanpa tender terbuka? Ini adalah satu projek yang amat baru, Kuala Lumpur Linear City Project, projek raksaksa yang dikatakan bernilai di antara RM5 bilion hingga RM10 bilion merupakan usaha membina sebuah bandar raya baru di atas Sungai Kelang dan merangkumi sebuah people mover transit, dengan izin, sepanjang Sungai Kelang 'a city upon the river', dengan izin.

Soalannya ialah berapa lama projek ini dan adakah pinjaman mudah dan subsidi kerajaan ataupun jaminan keuntungan kerajaan akan diberikan sama seperti PLUS? Saya harap kerajaan boleh

memberikan butiran terperinci terutama sekali sama ada tender terbuka dan yang telus akan diadakan.

Peranan Suruhanjaya Sekuriti memastikan pasaran modal yang cekap, canggi dan telus serta tegas ke atas perdagangan dalaman juga menimbulkan tanda tanya. Sehingga hari ini belum ada sebarang tindakan diambil ke atas perdagangan dalaman sungguhpun Pengerusi Suruhanjaya Sekuriti ada membuat pengumuman dalam surat khabar. Satu lagi ialah kenaikan menakutkan harga saham Repco daripada RM4 ke RM5 kepada RM85 sungguhpun keuntungannya merosot daripada RM2.5 juta dalam tahun 1992 kepada RM1.7 juta dalam tahun 1993 dan RM1.4 juta pada tahun 1994, sebelum mengalami kerugian sebanyak RM646,000 dalam tahun 1995. Adakah prestasi kewangan Repco seperti ini sepadan dengan kenaikan harga saham beribu-ribu peratus? Pada masa yang sama, Suruhanjaya Sekuriti pula mengambil tindakan tegas ke atas pihak kaunter saham bila harga saham naik dengan tahap tidak sebegitu menakutkan. Di sini saya hendak bertanya, di manakah keadilan, ketelusan dan ketuntasan Suruhanjaya Sekuriti?

Skandal penyelewengan Perwaja Terengganu mengalami kerugian hampir RM2.5 bilion sejak 1995 merupakan kerugian rakyat kerana Perwaja dimiliki 100% oleh kerajaan. Malah, kerugian rakyat mungkin melebihi RM10.2 bilion sekiranya Perwaja bankrap kerana bukan sahaja pelaburan dalam pinjaman kerajaan sebanyak RM2.1 bilion hangus tetapi kerajaan terpaksa menanggung pinjaman swasta sebanyak RM5.6 bilion.

Saya telah membuat laporan kepada BPR yang menyebutkan dua kes di mana ia membabitkan RM76.4 juta dibayar kepada sebuah syarikat dengan izin, bogus company dan penyalahgunaan satu

pinjaman sebanyak RM535.5 juta oleh sebuah anak syarikat Perwaja. Penyelewengan jumlah sebanyak RM612 juta sehingga hari ini belum diambil tindakan dan saya tidak faham mengapa sehingga sekarang pihak Perwaja masih enggan membuat laporan polis apabila mereka sudah ditipu dengan sebegitu jelas sekali sebanyak RM76.4 juta. Saya amat kesal Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri masih belum menunaikan janjinya untuk mendedahkan atau mengumumkan secara awam laporan audit oleh Price Waterhouse dalam Perwaja dan saya harap beliau boleh menunaikan janji atau kalau tidak, jelas beliau tidak ada kredibiliti langsung.

Di sini saya juga harap BPR akan mengambil sikap dan tindakan yang serius untuk menyiasat skandal Perwaja kerana ini melibatkan wang yang begitu besar sekali. Saya amat kesal bahawa BPR nampaknya tidak minat selepas saya buat laporan kepada mereka. Sebelum ini, mereka menyatakan bahawa mereka akan siasat kalau ada laporan atau ada bukti yang kukuh. Tetapi selepas saya buat laporan mereka hilang minat dan saya harap BPR akan menyiasat dengan adil tanpa memihak kepada sesiapa dan juga akan memastikan Tan Sri Eric Chia tidak akan hilang, pasti Tan Sri Eric Chia akan keluar untuk memberikan keterangan yang lanjut tentang peranannya dalam skandal ini.

Saya rasa negara tidak mahu kejadian memalukan, orang yang paling penting sekali dalam skandal ini masih belum muncul, masih hilang. Kalau tindakan akan diambil tetapi tidak boleh mengesaninya, siapa yang akan bertanggungjawab? Adakah kerajaan akan bertanggungjawab kalau Tan Sri Eric Chia terus hilang atau Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sendiri? Saya harap bahawa pihak kerajaan boleh memastikan Tan Sri Eric Chia masih ada di dalam Malaysia dan bukan di luar negara.

Saya tahu saya membawa perkara ini adalah satu perkara bahaya kerana ada berbagai ugutan dan ancaman telah dikeluarkan. Tetapi ini satu perkara nasional, ini melibatkan wang rakyat dan juga kredibiliti dan prestasi negara. Ini bukan satu perkara yang boleh digunakan sebagai satu sumber politik untuk menghentam pihak-pihak tertentu tetapi kepentingan rakyat mestilah diutamakan. Dan di sini, saya rasa mereka yang bertanggungjawab mesti diambil tindakan. Jangan main-main lagi dalam perkara ini.

Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, penjelasan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dalam Dewan Rakyat bahawa kerugian besar Perwaja disebabkan oleh kenaikan nilai mata wang Yen memandangkan semua pinjaman dalam mata wang asing Yen, tidaklah boleh diterima langsung. Sebaliknya, pegawai Kementerian Kewangan atau Perwaja telah menyebabkan Timbalan Perdana Menteri melakukan kesalahan besar dengan menipu Dewan yang mulia ini. Ini adalah kerana dalam satu mesyuarat PAC pada 11hb Jun 1991, semasa membincangkan masalah Perwaja dan mempersoalkan secara peribadi, Pengurus Besar Tan Sri Eric Chia yang hadir, Tan Sri Eric Chia telah memberikan jaminan kepada PAC bahawa tidak ada kerugian mata wang asing selepas beliau mengambil alih pengurusannya kerana semua pinjamannya adalah dalam mata wang ringgit.

Mengikut verbatim mesyuarat PAC semasa beliau menjawab soalan saya terhadap beliau, beliau menyatakan dengan tegas, tidak ada kerugian selepas beliau menjadi Pengurus Besar kerana Perwaja tidak terdedah kepada risiko mata wang asing. Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan semasa menjadi Pengerusi PAC pada masa itu boleh mengesahkan perkara ini. Oleh itu, saya harap Timbalan Perdana Menteri harus memberikan sebab yang sebenarnya

mengenai kerugian Perwaja dan bukan mengelirukan Dewan yang mulia ini — “kerugian bukan kenaikan Yen.” Tan Sri Eric Chia sendiri menyatakan tidak ada, dengan izin, foreign exchange loses exposure kerana semua pinjaman dalam mata wang ringgit selepas dia menjadi Pengurus Besar Perwaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekarang ingin beralih dan bertanya kepada Kementerian Kewangan dan Bank Negara Malaysia. Mengapa mereka boleh membenarkan milikan sebanyak 17.3 juta saham yang bernilai RM120 juta dalam Pan-Global Equity Bhd. oleh Ahli Exco Negeri Sarawak untuk Perumahan, Datuk Amar James Wong Kim Min. Pan-global Equity adalah sebuah syarikat yang disenaraikan dalam Papan Pertama BSKL dan mempunyai kepentingan dalam Pan-Global Insurance.

Dalam satu carian syarikat, saya telah mendapati bahawa pada 4hb September 1995, Datuk Amar James Wong telah membeli 2.88 juta saham Pan-Global Equity Bhd. daripada RH Development Sdn. Bhd. pada 30hb Ogos tahun lepas. Ini meningkatkan pegangan sahamnya kepada 17.3 juta saham. Pegangan ekuiti Datuk Amar James Wong melebihi 15% dalam Pan-Global Equity Bhd. menimbulkan tanda tanya sama ada beliau telah menyalahi Undang-undang Rasuah yang melarang seorang Ahli Exco negeri Sarawak daripada menceburi diri dalam perniagaan yang dinyatakan di bawah seksyen 2(1) Emergency Ordinance 22, ia boleh membawa hukuman penjara tidak lebih 14 tahun atau denda tidak lebih RM20,000 atau kedua-duanya.

Ini membuktikan bahawa Kerajaan Negeri Sarawak mengamalkan rasuah secara terbuka sehingga seorang Ahli Exco boleh memiliki saham syarikat BSKL secara terbuka. Perdana Menteri telah menyatakan semua pentadbir kerajaan mestilah melepaskan pegangan ekuitinya dalam perniagaan agar seorang

pemimpin bukan sahaja bersih tetapi mesti dipandang bersih. Adakah Kerajaan Sarawak sebuah kerajaan bersih, cekap dan amanah bila Ahli Exconya boleh melibatkan diri dalam perniagaan sehingga memegang ekuiti yang begitu besar dalam Pan-Global Equity Bhd.

Saya juga ingin bertanya di manakah kod etika pemimpin kerajaan yang dilaung-laungkan oleh Perdana Menteri sebaik sahaja pilihanraya besar lepas untuk menyekat amalan rasuah dan memastikan pemimpin bukan sahaja bersih tetapi dipandang sebagai bersih? Adakah kod etika ini merupakan omong-omong kosong sekali lagi untuk memancing undi? Sepatutnya Undang-undang Rasuah patut dipinda.

Kini seorang pentadbir kerajaan hanya didapati mengamalkan rasuah kalau memenuhi dua syarat. Pertama, membuat satu keputusan dan kedua, memanfaatkan dia atau keluarganya sendiri. Dua syarat ini menyusahkan amalan rasuah di kalangan pemimpin atas dibendung kerana pentadbir kerajaan hanya harus meninggalkan mesyuarat seketika sahaja bila keputusan meluluskan projek kepada keluarganya dibuat. Ini telah menyebabkan politik wang berleluasa sehingga pentadbir kerajaan boleh mengumpulkan harta benda yang banyak, kadang-kala beratus-ratus kali lebih daripada gaji rasminya. Bukankah ia satu amalan rasuah bila seorang pentadbir kerajaan menjadi jutawan sebaik sahaja memegang jawatan kerajaan? Mengumpulkan harta benda berpuluh-puluh juta dan menikmati kekayaan haram ini secara terbuka? Dalam pandangan semua agama termasuk Islam ia adalah salah tetapi dalam sudut undang-undang Malaysia, ia tetap halal dan bukan haram. Ini menggalakkan secara tidak langsung amalan rasuah di kalangan pemimpin kerajaan.

Justeru itu, undang-undang rasuah mesti dipinda untuk mengharamkan

pengumpulan harta-benda melebihi gaji rasmi mereka. Tambahan pula, BPR mesti menjadi bebas dan bukan dikuasai secara langsung oleh Perdana Menteri di mana siasatannya boleh dipolitikkan. Undang-undang juga mesti dipinda untuk membenarkan BPR mengambil tindakan ke atas pemimpin yang menyalahgunakan jentera kerajaan untuk kepentingan peribadinya atau parti politiknya.

Contohnya, Menteri Pengangkutan mendedahkan bahawa Jabatan Perkhidmatan Awam telah memberikan gaji seorang kakitangan World Assembly Ovious untuk menjalankan satu projek swastanya yang bernilai RM100 juta di Melaka yang dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Projek.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup.

Tuan Lim Guan Eng: Boleh saya gulung sekejap?

Tuan Yang di-Pertua: Gulung ya!

Tuan Lim Guan Eng: Ya, terima kasih.

Projek mewah ini tidak ada satu pun rumah kos rendah. Tetapi mengapa pula wang kerajaan digunakan untuk menggajikan seorang pegawai untuk menjalankan projek mewah ini? Apakah manfaatnya kepada rakyat — tidak ada langsung kerana tidak ada rumah kos rendah dan saya harap perkara ini boleh disasai dan dimaklumkan oleh pihak Jabatan Perdana Menteri. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sri Aman.

6.12 ptg.

Tuan Jimmy Donald (Sri Aman): Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana

memberi saya peluang untuk membahaskan Rancangan Malaysia Ketujuh yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita.

Saya rasa dengan adanya rancangan ini memang dapat mendukung cita-cita kita hendak mencapai perpaduan yang lebih erat di kalangan seluruh masyarakatnya. Memelihara satu cara hidup demokratik, mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama, menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan pelbagai corak dan membina satu masyarakat yang progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden.

Tuan Yang di-Pertua, untuk saya, Rancangan Malaysia Ketujuh adalah amat bermakna, oleh kerana ia akan membawa kita ke milinium yang kedua. Untuk menentukan segala Rancangan Malaysia Ketujuh ini berjaya, beberapa perkara perlu disentuh.

Pertama, ialah Projek Hidroelektrik Bakun. Satu daripada langkah-langkah yang akan diambil untuk mencapai impian kita dalam Rancangan Malaysia Ketujuh ialah peralihan kepada pengeluaran berskala besar bagi eksport oleh industri-industri Malaysia. Perkembangan industri memerlukan tenaga berharga murah untuk jangka panjang. Jika tidak, harga barangan dan perkhidmatan dari Malaysia akan menjadi lebih tinggi dan tidak kompetitif dan negara kita akan mundur.

Tuan Yang di-Pertua, tetapi yang menyedihkan Parlimen Eropah ataupun European Parliament pada sesi 1996/1997 semasa mesyuaratnya pada 16hb April, 1996 yang dipengerusikan oleh Naib Presidennya, Tuan Anthony Guethirez telah membuat beberapa tohmahan terhadap projek ini dan Kerajaan Malaysia.

Oleh yang demikian, saya rasa lebih elok jika kita menjawab isu-isu yang dibangkitkan dalam Parlimen kita pada hari ini. Kita memang memerlukan projek ini oleh sebab ia membantu mempelbagaikan sumber tenaga kita. Ia adalah bekalan yang terjamin dan juga menjamin bekalan tenaga elektrik yang murah untuk jangka panjang. Sebenarnya, ia masih boleh beroperasi 500 tahun dari sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, jadi, membenarkan sedikit masa kepada saya untuk menerangkan kenapa kita tidak harus mengambil berat kritikan-kritikan yang dilemparkan kepada kita. Dan mengapa mereka hendak bercakap oleh kerana mereka hanya hendak mengadakan economic sabotage kepada kita.

Dari segi alam sekitar, projek Bakun ini adalah sumber tenaga yang bersih dan menjamin aliran sungai yang lebih terkawal. Memang benar, projek ini adalah projek yang terbesar di rantau ini dan empangan utama yang akan dibina adalah jenis empangan isian batuan, permukaan konkrit yang mempunyai ketinggian 205 meter, yang tertinggi di dunia di masa ini. Tetapi, jenis dan ketinggian ini adalah sesuai dengan keadaan geologi tempatan.

Kekuatan batuan yang akan menjadi tapak empangan ini adalah kira-kira lima hingga enam kali ganda kekuatan konkrit digunakan untuk pembinaan bangunan tinggi di Malaysia sekarang. Walaupun jumlah luas kawasan yang dibanjiri lebih luas dari Singapura tetapi bentuk kawasan takungan tidak seperti Singapura kerana bentuk kawasan takungan ini memanjang.

Berhubungan dengan resolusi European Parliament yang menimbulkan kebimbangan yang serius mengenai Empangan Bakun dibina di kawasan Cenderung akan aktiviti gempa bumi dan kegagalan mengambil kira peringatan berhubung dengan gegaran bumi

disebabkan isi padu air yang banyak di kawasan takungan, jawapan kita begini: Semua rakyat Malaysia harus bersyukur kerana Malaysia terletak di luar kawasan, dengan izin, ring of fire. Di Sarawak pada bulan Februari 1994, dua kejadian gempa bumi telah dikesan berukuran 5.1 pada skala richter. Kedua-dua kejadian tersebut telah diambil kira dalam kerja rekabentuk kejuruteraan. Dari itu, perunding kejuruteraan, telah mereka bentuk Empangan Bakun berupaya menahan kelajuan permukaan bumi maksimum pada nilai 0.12 G peak ground acceleration, dengan izin, di mana 'G' adalah tekanan graviti.

Secara amnya, kawasan Empangan Bakun adalah terletak pada kawasan yang bergempa bumi sangat rendah. Ini telah disahkan oleh seorang pakar yang terkemuka di dunia yang bernama Barry Cook, The World Guru of Rockfield Dam, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan reservoir induce seismicity, nilainya amat kecil. European Parliament juga telah menuduh Kerajaan Persekutuan Malaysia telah menyerahkan semua tanggungjawab berhubung kajian penilaian kesan alam sekitar EIA kepada Kerajaan Negeri Sarawak, sedangkan keputusan ini bercanggah dengan prosedur EIA yang sedia ada.

Berhubung dengan kajian Environmental Impact Assessment (EIA), Projek Hidroelektrik Bakun, kedua-dua pihak berkuasa ke atas alam sekitar iaitu Jabatan Alam Sekitar ataupun Department of Environment dan Lembaga Sumber Asli dan Persekitaran Sarawak ataupun Sarawak Natural Resources and Environmental Board; masing-masing terlibat dalam mengkaji laporan-laporan tersebut.

Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar adalah ahli Lembaga Sumber Asli dan

Persekitaran Sarawak. Di samping itu juga, beberapa agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri juga terlibat sebagai jawatankuasa ad-hoc penilaian seperti Jabatan Penyiasatan Kajibumi Malaysia, Jabatan Hutan, Jabatan Kerja Raya, Jabatan Saliran dan lain-lain lagi.

Mengenai tuduhan European Parliament bahawasanya prosedur EIA telah menyisihkan penglibatan orang awam ataupun komen sebelum meluluskan laporan-laporan tersebut, jawapan kita ialah pihak berkuasa ke atas alam sekitar telah melantik pakar-pakar dalam bidang berkaitan untuk menganggotai jawatankuasa ad-hoc penilaian.

Dari aspek sosio ekonomi, ia membantu pembangunan kawasan pedalaman dan menggalakkan ecotourism. Penduduk-penduduk yang terlibat terdiri daripada 1,025 keluarga Kenyah, 872 Kayan, 137 Lahanan, 74 Orked, 24 Penan dan jumlah penduduk adalah 9,427 orang. Kalaupun tidak ada projek Bakun, mereka ini akan tinggal sebegini mungkin untuk masa untuk 100 tahun yang akan datang oleh kerana tidak ada kerajaan di dunia ini yang dapat membelanjakan beribu-ribu juta ringgit untuk membuat infrastruktur untuk 9,000 orang.

Apabila mereka jatuh sakit atau hendak bersalin, mereka terpaksa menggunakan bot dan dari semasa ke semasa, kita sering mendengar penduduk-penduduk yang mati kerana bot mereka karam disebabkan air sungai yang sentiasa tidak terkawal iaitu boleh dengan tiba-tiba banjir atau terlalu kecil.

Tetapi, sekarang oleh kerana Projek Hidroelektrik Bakun, kawasan-kawasan Penyuan dan Assap dapat dihubungi dari Bintulu apabila jalan raya Bintulu/Miri/Tubau siap kelak.

Dengan adanya projek Bakun ini, penduduk-penduduk di Bakun seperti mengalami durian runtuh. Tanah mereka yang dahulu tidak berapa tinggi nilainya sekarang sudah melambung harga. Beberapa orang di Bakun sekarang sudah menjadi jutawan. Kerajaan negeri sekarang sedang menjalankan program penempatan semula dan juga telah mengenal pasti kawasan pembangunan pertanian dan penempatan di Sungai Asap, Sungai Koyan dan Sungai Penyuang yang seluas 45,000 hektar.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Batang Lupar bangun. Hendak beri jalan atau tidak?

Tuan Jimmy Donald: Tidak ada masa. Sorry! (*Ketawa*) Kawan pun tidak beri.

Saya menyeru kerajaan supaya jangan tertipu oleh Parlimen Eropah yang cuba hendak menyekat dan memperlambatkan usaha kita hendak menjadi negara yang maju dan kompetitif. Yang mereka ingin lihat ialah mereka kaya, kita mundur miskin, mereka tinggi, kita rendah, mereka sentiasa menjadi pemimpin, kita menjadi pengikut. Sebenarnya mereka irihati kerana Malaysia mampu, berani dan dapat menggunakan teknologi yang terkini untuk menjamin masa depan yang cemerlang untuk rakyat kita.

Tuan Yang di-Pertua, beralih kepada pengurangan kemiskinan, penyusunan semula masyarakat dan pengagihan pendapatan. Dasar Pembangunan Nasional (DPN) telah dilancarkan serta dengan Rancangan Malaysia Keenam (RME) untuk menggantikan Dasar Ekonomi Baru, Dasar Pembangunan Nasional telah berhasrat memberi dimensi baru yang menekankan pembasmian kemiskinan golongan termiskin, pengurangan kemiskinan relatif,

peningkatan guna tenaga bumiputera dalam bidang-bidang profesional dan pengurusan korporat serta peningkatan pembangunan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB) yang aktif.

Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya perhatikan dari Sematan di Selatan Sarawak hingga Lawas di Utara, saya nampak masih begitu ramai penduduk-penduduk yang masih mengamalkan cara hidup nenek moyang mereka yang dahulu. Mereka masih bekerja dari pukul enam pagi hingga pukul enam petang. Masih ramai yang terpaksa berjalan kaki berjam-jam sebelum mereka sampai ke jalan raya yang terdekat. Ramai juga di kawasan saya yang masih menderita dan menjual kayu sebesar telunjuk. Pada malam hari mereka duduk dalam gelap. Kita telah diberitahu bahawa kadar kemiskinan di kawasan luar bandar di Malaysia telah menurun dari 21.1% pada tahun 1990 kepada 15.3% pada tahun 1995 dan bilangan isi rumah miskin telah berkurangan 42% daripada 492,500 kepada 285,200. Saya ingin tahu sama ada banciaan ini telah mengambil kira penduduk-penduduk di Sabah dan Sarawak.

Di sini saya ingin bercadang kepada kerajaan supaya mewujudkan rancangan-rancangan yang benar-benar akan meninggikan taraf hidup rakyat di luar bandar.

Pertama, saya mencadangkan supaya peruntukan untuk kemudahan asas seperti jalan-jalan kampung ditambah. Di kawasan P. 175, Sri Aman, masih banyak kampung dan rumah panjang di Hulu Sebuyau dan di sekitar kawasan Pantu belum lagi dihubungi jalan kampung. Saya ingin tahu apakah langkah-langkah yang akan diambil Kementerian Pembangunan Luar Bandar dalam perkara ini.

Permintaan untuk bekalan elektrik luar bandar juga kian meningkat dan saya juga berharap peruntukan untuk perkhidmatan ini akan ditambah. Saya juga ingin tahu dari Kementerian Pembangunan Luar Bandar mengenai rancangan-rancangan lain yang akan diperkenalkan untuk membasmi kemiskinan. Setakat ini, rancangan-rancangan yang dijalankan nampaknya ad hoc sangat dan hanya menguntungkan individu sahaja.

Di sini juga saya minta Felcra dibawa ke kawasan saya. Saya mencadangkan ia ditempatkan di Hulu Undup dan dari Hulu Sebuyau hingga Selepong di Sri Aman. Saya juga ingin melihat rancangan Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT), lebih-lebih lagi Amanah Saham Bumiputera ASB-PPRT dijalankan dengan terperinci dan adil.

Baru-baru ini kita telah mendengar bahawa subsidi kepada masyarakat luar bandar, lebih-lebih lagi para petani akan dikurangkan atau dihentikan. Saya rasa langkah ini tidak wajar. Masyarakat luar bandar memang sentiasa tertinggal oleh rakan-rakan mereka yang di bandar dan mereka memerlukan keistimewaan ini. Kerja mereka berat, melelahkan dan sungguh tidak menarik untuk golongan muda tetapi mereka mengeluarkan primary commodity yang strategik seperti beras, getah atau minyak. Kalau mereka ini tidak dijaga dan ada pergolakan berlaku di negara yang menjual beras, misalnya, kita akan kelaparan dan keselamatan negara kita akan tergugat. Satu lagi senario ialah bandar raya gergasi atau mega cities akan wujud dan luar bandar kita kosong dan mungkin diisi oleh pendatang tanpa izin.

Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, untuk Sarawak saya memang merayu kepada Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri. Kita jangan terbawa-bawa. Jangan hentikan subsidi. Petani di Sarawak ketinggalan lebih kurang 20 tahun di belakang rakan-

rakan di Semenanjung. Apa yang dibuat di Semenanjung bukan secara automatik harus dibuat di Sarawak. Mengikut penelitian saya mereka masih sangat memerlukan subsidi lebih-lebih lagi untuk tanaman getah, padi dan lada.

Satu lagi perkembangan yang membimbangkan ialah langkah hendak mengkorporatkan SALCRA. Jadi, saya menyentuh ini, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana SALCRA menerima bantuan kewangan dari pihak Persekutuan. Saya rasa SALCRA telah memainkan peranannya dengan cemerlang. Ia telah membuka tanah bumiputera untuk dimajukan dengan tanaman kelapa sawit. Ia telah memberi pulangan yang memuaskan kepada pemilik-pemilik tanah itu. Ia juga telah menjalankan tanggungjawab sosial dari masa ke semasa seperti membuat jalan raya kampung dan membantu rakyat setempat apabila mereka ada kesusahan. Memang buku akaun SALCRA menunjukkan kerugian, tetapi SALCRA adalah satu instrumen untuk social engineering untuk meninggikan taraf hidup rakyat luar bandar di Sarawak dan kerelaan menanggung bebanan ini adalah satu petunjuk kepada kerajaan yang baik dan prihatin terhadap kebajikan dan kesejahteraan rakyat luar bandar.

Perkara kedua yang sangat membimbangkan ialah langkah-langkah yang hendak menswastakan hospital-hospital. Kebanyakan rakyat di Sarawak adalah dari golongan petani. Mereka tidak ada wang. Jika kita menswastakan perkhidmatan kesihatan, mereka ini akan menderita. Memang beberapa individu akan kaya raya kerana memberi perkhidmatan yang diswastakan, tetapi ia akan memberi gambaran yang buruk terhadap kerajaan yang akan dilihat mengabaikan tanggungjawab sosialnya, tidak prihatin dan tidak menunjukkan sikap penyayang terhadap rakyat.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat minta gulung ya.

Tuan Jimmy Donald: Ya. Beralih kepada pendidikan. Malaysia berharap menjadi pusat pendidikan yang terunggul di rantau ini. Kita bangga dan menyokong hasrat ini tetapi banyak yang harus kita buat.

Pertama, Kementerian Pendidikan harus mencari jalan untuk menentukan apa yang telah dirancang akan dicapai. Di Sarawak daripada 71 buah projek sambungan Rancangan Malaysia Kelima yang dibawa ke Rancangan Malaysia Keenam, dua buah projek masih belum siap hingga ke hari ini, satu Pusat Kegiatan Guru di Pejabat Pendidikan Daerah Subis dan SRK Kampung Bungai. Di Rancangan Malaysia Keenam pula, telah dirancang 71 buah projek dan hanya 8 buah projek sudah disiapkan.

Jadi, saya haraplah, Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan akan menentukan apa yang dirancang dapat dijalankan. Apa yang dirancang mesti dijalankan oleh kerana Sarawak mundur dan kalau tidak ada perkhidmatan pendidikan, tidak senonoh, kita tidak akan maju. Dan dengan harapan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Beaufort.

6.30 ptg.

Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan semua pemimpin Barisan Nasional kerana telah memimpin negara dan rakyat dengan bijaksana hingga kita berjaya melaksanakan Rancangan Malaysia Keenam yang merupakan fasa pertama Rangka Rancangan Jangka

Panjang Kedua (RRJP2) 1991 hingga tahun 2000. Kejayaan tersebut pastinya membuat kita lebih optimis untuk melaksanakan fasa kedua RRJP2 melalui Rancangan Malaysia Ketujuh ini. Kejayaan kerajaan mengekalkan pertumbuhan pesat ekonomi negara selama 8 tahun berturut-turut merupakan satu catatan sejarah kejayaan Barisan Nasional yang patut diabadikan dengan tinta emas untuk mendorong pemimpin dan rakyat Malaysia terus bekerja kuat bagi menjamin kelangsungan dasar pembangunan nasional. Rakyat Malaysia di Sabah mengalu-alukan semua kejayaan ini, lantaran kita juga mahu bersama bergerak pantas mencapai wawasan negara iaitu Wawasan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, namun dalam kegembiraan itu, kami di Sabah teringat akan kesilapan masa lalu yang menyebabkan kami ketinggalan dalam berbagai aspek. Kami hanya terlibat secara aktif dalam fasa pertama RRJP2 bermula Mac 1994, walaupun ia telah bermula tiga tahun lebih awal, iaitu pada tahun 1991. Sebab itu tidak hairanlah jika Sabah dicatatkan sebagai negeri yang mencatat peratusan rakyat termiskin dan kadar pengangguran paling tinggi di Malaysia dalam tempoh 1961 hingga 1995. Tanpa tujuan untuk memohon simpati kami berharap semua itu dijadikan perkiraan dan kayu ukur bagi Kerajaan Persekutuan dalam meluluskan peruntukan dan pertimbangan permohonan pembangunan dari negeri Sabah pada masa yang akan datang. Sesungguhnya kami amat yakin bahawa kami tidak akan terus dihukum akibat kesilapan kami masa lalu.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap tentang kemiskinan, saya amat bangga di atas usaha gigih yang telah, sedang dan akan digembleng oleh kerajaan untuk membasminya. Salah satu punca tingginya peratus kemiskinan ialah meningkatnya kadar pengangguran. Berdasarkan kepada jadual 5 hingga 3,

halaman 54 buku Rancangan Malaysia Ketujuh, saya amat sedih dan bimbang kerana Sabah dijangka akan mencatat peratus pengangguran tertinggi di Malaysia menjelang tahun 2000, iaitu pada kadar 5.7%. Kadar ini jauh lebih tinggi berbanding dengan 4.1% bagi negeri jiran terdekat kami iaitu Sarawak yang hanya 0.9% bagi negeri maju seperti Pulau Pinang.

Tuan Yang di-Pertua, peratus pengangguran dan kemiskinan ini mungkin lebih tinggi dari yang dijangkakan jika usaha membanteras kemasukan pendatang tanpa izin ataupun pendatang haram ke Sabah tidak dilipatgandakan. Kita amat berterima kasih di atas usaha KDN untuk menangani masalah ini. Tetapi saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini bahawa apa yang telah dilakukan oleh KDN dan polis masih jauh daripada memuaskan. Syabas kepada KDN kerana telah menggunakan ISA untuk menangkap individu-individu yang terlibat dengan jenayah mengeluarkan kad pengenalan palsu. Tetapi pada pengamatan saya, gejala berkenaan belum berakhir. Kad pengenalan tersebut hanya palsu di sisi kerajaan, tetapi sah bagi pemiliknya. Hari ini warga asing yang memperoleh hak melalui jenayah tersebut telah bermaharajalela di Sabah dengan membina penempatan haram, merampas peluang pekerjaan dan menimbulkan pula pelbagai masalah sosial termasuk jenayah berat.

Tuan Yang di-Pertua, penangkapan beberapa pegawai kanan kerajaan termasuk Pengarah Jabatan Pendaftaran Negara di negeri Sabah baru-baru ini jelas menunjukkan betapa seriusnya akibat tingkah-laku petualang bangsa yang menjadi 'duri dalam daging' dalam jabatan-jabatan kerajaan sekarang. Saya rasa ada sesuatu yang tidak betul menyebabkan Jabatan Pendaftaran Negeri di Kota Kinabalu sentiasa sesak, bahkan lebih sibuk daripada pasar. Akibatnya,

orang ramai menghadapi kesukaran berurusan dengan JPN sehingga masih ramai yang belum berpeluang memperbaharui kad pengenalan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kesibukan kerajaan menangani masalah ancaman lanun di perairan Sabah, meletup pula skandal senjata api. Kita amat dukacita kerana skandal itu turut melibatkan anggota polis dan pegawai Kastam. Inilah yang dikatakan 'harapkan pagar, pagar makan padi'. Semua ini jelas membayangkan tahap keselamatan di Sabah agak membimbangkan. Jelaslah sebenarnya lanun-lanun bukan sahaja sekadar kerap meyerang Sabah seperti yang berlaku di Semporna. Lanun-lanun sebaliknya sentiasa berkeliaran di bandar-bandar dan pekan di Sabah pada setiap masa. Saya bimbang ada pula lanun yang beruniform polis bekerjasama yang tidak memakai uniform. Syabas kepada KDN dan polis, semoga usaha-usaha ini tidak bersifat 'hangat-hangat tahi ayam'.

Kementerian Pertahanan pula kita harap tidak berleka dalam menimbang sebarang permohonan untuk meningkatkan tahap keselamatan di Sabah, biar pun ia melibatkan peruntukan kewangan yang besar. Oleh kerana saya sarankan demikian, Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini atas skandal senjata api ini, bukan sahaja menyusahkan orang ramai di seluruh negeri Sabah, tetapi menyulitkan kepada para petani yang mempunyai senjata api yang turun jauh daripada desa-desa untuk membawa senjata api mereka ke balai-balai yang berdekatan, dan selepas itu pula mempunyai masalah oleh kerana menunggu sekian lama barulah mendapat kembali senjata api mereka.

Tuan Yang di-Pertua, kita di Sabah mengalu-alukan komitmen dan iltizam berterusan dari kerajaan untuk membangunkan luar bandar. Salah satu bukti sokongan padu kerajaan negeri Sabah terhadap usaha murni ini ialah

melalui pembentukan Kementerian Pembangunan Luar Bandar di peringkat negeri. Saya menyarankan agar Kementerian Pembangunan Luar Bandar di peringkat Persekutuan dan negeri merangka satu pelan strategi khusus untuk menggerakkan pembangunan di kawasan luar bandar Sabah. Fungsi dan peranan Jabatan Pembangunan Persekutuan (JPPS) di Sabah barangkali perlu dikaji semula dari sudut keberkesanannya pada masa akan datang. Sepertimana kita tahu kegagalan menyiapkan bangunan sekolah mengikut jadual seperti yang dilaporkan baru-baru ini pada hemat saya tidak harus dilihat sebagai kegagalan kontraktor terlibat semata-mata. Mungkin masih banyak ruang yang perlu diperbaiki dalam operasi Jabatan Pembangunan Persekutuan Negeri Sabah (JPPS).

Tuan Yang di-Pertua, saya sukacita menarik perhatian Dewan yang mulia ini, bahawa Sabah adalah sebuah negeri yang memerlukan peruntukan pembangunan luar bandar yang paling tinggi. Keperluan untuk menyediakan bekalan elektrik, subsidi pendawaian dalam rumah, bekalan air bersih dan pembinaan jalan berturap amat dirasakan. Sesungguhnya di antara nikmat kemerdekaan yang belum dikecapi oleh sejumlah besar rakyat Sabah di kawasan pedalaman. Kemelut ini tidak patut dibiarkan berterusan memandangkan kita telah turut sama merdeka sejak lebih 33 tahun yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mewakili penduduk di kawasan Parlimen saya iaitu Beaufort. Saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan kerana telah meluluskan peruntukan sejumlah RM84 juta melalui Rancangan Malaysia Ketujuh ini untuk membina Jalanraya Beaufort-Membakul. Rakyat yang saya wakili memang dan sentiasa tertanya-tanya bilakah projek tersebut akan dimulakan? Saya berdoa semoga pengaspalan jalan itu nanti akan mengubah taraf hidup mereka.

Saya juga yakin limpahan kemajuan yang pada ketika ini di Pulau Labuan akan turut dirasakan oleh rakyat di kawasan Parlimen Beaufort ekoran daripada pengaspalan jalan tersebut nanti.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak rakyat Malaysia di Sabah, saya turut merakamkan ucapan terima kasih atas keputusan bijak kerajaan menubuhkan Universiti Malaysia Sabah (UMS). Kita amat optimis UMS akan menjadi pemangkin pembangunan pendidikan di Sabah. Tapak kampus tetap UMS telah tersedia di Likas, terpulanglah kepada pihak-pihak yang berkenaan dan yang berwajib untuk memulakan pembinaannya. Bagaimanapun saya ingin menarik perhatian kerajaan tentang masalah kekurangan guru berijazah di kalangan anak tempatan Sabah yang amat serius sekarang. Sehubungan dengan itu, kita berharap Kementerian Pendidikan menyegerakan penubuhan Fakulti Pendidikan di UMS.

Saya juga suka menyarankan agar Kementerian Pendidikan mempertimbangkan seramai mungkin guru-guru lepasan maktab dari kalangan bumiputera Sabah untuk melanjutkan pelajaran ke universiti. Syarat khusus yang agak minima dan longgar perlu disediakan untuk memberi peluang kepada mereka yang berminat meningkatkan profesionalisme. Jika tidak, sukarlah bagi mereka bersaing dengan rakan-rakan mereka dari Semenanjung Malaysia yang biasanya mengemukakan kelulusan akademik yang lebih tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, di samping menghadapi kesukaran untuk meningkatkan profesionalisme, guru-guru bumiputera Sabah juga berhadapan dengan masalah perumahan yang serius. Guru-guru bumiputera Sabah terpaksa menyewa rumah apabila mereka dikehendaki bertugas di luar daerah kelahiran mereka. Kadar sewa rumah yang amat tinggi terutama di bandar-

bandar utama menyebabkan guru-guru terlibat terpaksa menghabiskan sebahagian peruntukan dari wang gaji mereka untuk membayar sewa rumah. Inilah antara rintihan guru-guru bumiputera Sabah. Subsidi sewa rumah pada kadar RM80 hingga RM120 yang diluluskan oleh kerajaan baru-baru ini masih terlalu jauh dari mencukupi. Kadar sewa sebuah bilik tanpa keselesaan di bandar-bandar utama Sabah ialah tidak kurang daripada RM300. Bagi guru yang berkeluarga besar subsidi itu mungkin hanya mencukupi untuk membayar bil tenaga elektrik dan bekalan air.

Sehubungan dengan itu kerajaan melalui Kementerian Pendidikan perlu membina lebih banyak rumah ataupun flet guru di sekolah-sekolah dalam bandar. Kita amat bimbang motivasi guru-guru berkenaan akan terus menurun memandangkan dalam masa yang sama mereka turut menghadapi kemelut kos sara hidup yang amat tinggi. Setelah meneliti kandungan buku Rancangan Malaysia Ketujuh setebal 759 halaman, yang mengandungi 23 bab itu kita dapat mengamati dengan penuh kesedaran hakikat, kesungguhan Kerajaan Barisan Nasional untuk membangunkan negara dan mengangkat martabat bangsa Malaysia ke tahap setinggi-tingginya.

Rakyat Malaysia di Sabah akan terus menyokong dan memberi kerjasama terhadap semua program pembangunan kerajaan. Pada pilihanraya umum 1995, Kerajaan Barisan Nasional telah berjaya memperolehi mandat besar dari rakyat. Saya yakin kejayaan besar itu akan dapat diulangi pada masa akan datang berikutan kesungguhan kerajaan melaksanakan Rancangan Malaysia Ketujuh ini. Dengan kata-kata demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong dan saya ucapkan terima kasih.

Beberapa Ahli: (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ramai lagi yang hendak berucap. Ya, Lanang.

6.48 ptg.

Tuan Tiong Thai King (Lanang): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana diberi peluang mengemukakan pendapat saya mengenai Rancangan Malaysia Ketujuh.

Rancangan Malaysia Keenam yang baru berlalu merupakan satu batu permata yang amat bermakna dalam sejarah Malaysia. Pada tempoh rancangan tersebut negara telah mencapai prestasi-prestasi pertumbuhan ekonomi setinggi 8.9% beberapa tahun berturut-turut.

Pertumbuhan ekonomi yang tinggi dengan kadar inflasi yang rendah secara relatifnya merupakan suatu pencapaian yang cemerlang bukan sahaja di Malaysia, malah juga di seluruh dunia. Banyak projek penswastan yang besar telah dilancarkan atau disiapkan pada tempoh rancangan tersebut. Projek pelaburan beribu-ribu juta ringgit telah dilakukan oleh pelabur asing yang berkeyakinan terhadap potensi Malaysia telah mencipta catatan yang tertinggi sehingga kini.

Dalam perhubungan antarabangsa, Malaysia telah diperakui umum menjadi ketua negara membangun di seluruh dunia. Keadaan sosio-ekonomi negara kita yang stabil dan hubungan harmoni antara kaum telah menjadikan negara kita sebagai model untuk dicontohi kebanyakan negara. Semuanya ini adalah dicapai di bawah jasa dan kepimpinan Perdana Menteri kita Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad yang dinamik.

Keenam-enam rancangan Malaysia yang lepas telah meletakkan batu asas yang kukuh untuk menjadikan Malaysia sebagai negara membangun. Rancangan Malaysia Ketujuh bukan sahaja akan

menguukuhkan batu asas tersebut malah juga akan membawa kita memasuki abad ke-21 ke arah Wawasan 2020 untuk menjadi sebuah negara perindustrian. Saya berkeyakinan bahawa di bawah pimpinan Perdana Menteri kita Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad dan Kerajaan Barisan Nasional serta kerjasama yang sepenuh daripada rakyat, Rancangan Malaysia Ketujuh akan memanfaatkan negara dan rakyat.

Saya ingin menyebutkan sedikit tentang infrastruktur. Pembangunan infrastruktur negara kita yang berjaya kebelakangan tahun ini merupakan antara faktor utama yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara yang pesat. Mungkin projek yang paling berjaya setakat ini ialah penyiapan Lebuhraya Utara Selatan di Semenanjung Malaysia. Penyiapannya telah menyebabkan kawasan perindustrian dan rancangan perumahan di sepanjang lebuhraya tumbuh bagai cendawan selepas hujan. Ia merupakan antara kejayaan usaha penswastan negara Malaysia.

Di Sarawak, penduduknya sedang menunggu persiapan Lebuhraya Pan-Borneo yang mana dalam usaha merealisasikan union bridge. Adalah diharapkan bahawa apabila Lebuhraya Pan-Borneo telah siap, ia akan menjadi pemangkin untuk memberangsangkan pertumbuhan ekonomi yang pesat di Sarawak dan Sabah seperti yang dilakukan oleh Lebuhraya Utara Selatan di Semenanjung Malaysia. Ramai Ahli Parlimen dan Senator juga menyeru supaya Lebuhraya Pan-Borneo boleh disiapkan dengan lebih awal dan ini memang merupakan cita-cita saya supaya kita boleh memandu di atas jalan untuk merentasi Sungai Rajang sebelum tamatnya tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh.

Sementara menunggu persiapan pembinaan Union Bridge, saya merayu kepada pihak jabatan kerajaan yang

berkenaan supaya menambah kapasiti penumpang feri yang menggantikan fungsi jambatan buat sementara waktu ini. Untuk makluman Dewan yang mulia, ia akan mengambil masa menunggu selama dua hingga tiga jam untuk merentasi Sungai Rajang yang seluas 600 meter dengan feri pada masa yang paling sibuk. Masa ini sama dengan penerbangan dari Sibu ke Kuala Lumpur. Tambahan pula, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyeru kerajaan supaya menjalankan kajian mengenai peruntukan perkhidmatan kereta api antara bandar utama di Sarawak dengan kawasan pedalaman. Sarawak mempunyai tanah yang luas dengan penduduk yang kurang. Kekayaan sumber semulajadi di kawasan pedalaman seperti galian menemui kesusahan penerokaan disebabkan kos pengangkutan dan pengeluaran yang tinggi. Saya percaya peruntukan perkhidmatan keretapi akan menyediakan kemudahan memasuki ke kawasan pedalaman untuk pembangunan ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit tentang pembangunan guna tenaga. Pembangunan pesat industri yang berintensifkan buruh di dalam negara pada beberapa tahun yang lepas telah menunjukkan bahawa penduduk negara seramai 20 juta orang memang tidak mencukupi untuk memenuhi keperluan guna tenaga baik yang terlatih mahupun yang tidak terlatih. Saya berharap cita-cita 70 juta penduduk Perdana Menteri tidak dilupai kerana itulah yang kita perlukan bagi pembangunan negara pada masa depan.

Tuan Yang di-Pertua, pengalaman telah menunjukkan bahawa cara mengimport buruh asing bukan merupakan pendekatan jangka panjang dalam usaha menyelesaikan kekurangan buruh dalam negara. Sebaliknya, ia telah membawa pelbagai masalah sosial dan keselamatan. Kita hanya melatih buruh untuk negara mereka yang mana mereka akan kembali akhirnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya merasa bangga mengetahui kerajaan amat menggalakkan pembangunan industri yang lebih berintensif kapital untuk menangani masalah kekurangan buruh. Ia juga telah mengukuhkan batu asas untuk menjadi sebuah negara perindustrian pada abad yang akan datang.

Jepun telah mencapai kejayaan cemerlang dalam bidang pembangunan robot. Untuk mencontohi Jepun dalam bidang ini, saya ingin mencadangkan kerajaan supaya tidak sahaja memberi intensif pelaburan tambahan kepada pembangunan robot, malah juga memberi ganjaran-ganjaran yang lumayan kepada orang yang melibatkan diri dalam kerja penyelenggaraan dan pengeluaran.

Tuan Yang di-Pertua, Yayasan Pembangunan Sumber Manusia kita bersama dengan peruntukan intensif pelaburan yang banyak oleh kerajaan untuk pertumbuhan intensif latihan sepatutnya telah memberikan motivasi yang cukup kepada kebajikan sektor swasta untuk menceburkan diri dalam usaha melatih tenaga manusia demi kebaikan masa depan mereka. Dengan jangkaan pertumbuhan ekonomi setinggi 8.8% di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh dan pertumbuhan tenaga buruh serendah 2.8% pada tempoh rancangan tersebut, adalah jelas menunjukkan kita mengalami kekurangan buruh. Apakah kita boleh melakukan sesuatu untuk menambah kadar kelahiran negara untuk menangani masalah ini? Kini selain daripada kekayaan masyarakat, sebab utama yang lain yang menyebabkan kadar kelahiran yang rendah ialah kebanyakan ibu bapa bimbang mereka tidak dapat memberi pendidikan peringkat ketiga kepada anak yang begitu ramai.

Untuk mengikis kebimbangan ini, saya mencadangkan kerajaan mendirikan yayasan biasiswa istimewa pada tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh di mana daripada anak yang keempat dalam setiap

keluarga hingga seterusnya diberi pendidikan percuma hingga ke peringkat ketiga sehingga tahun 2020.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit penswastaan. Setakat ini saya bangga dengan kejayaan dalam rancangan penswastaan di beberapa aspek perkhidmatan awam. Salah satu tujuan penswastaan ialah menggalakkan produktiviti yang tinggi dan mengurangkan kos perkhidmatan awam, dengan begitu akan meringankan beban kewangan pengguna sementara rakyat harus menanggung bersama-sama beban perkhidmatan awam.

Kerajaan juga harus menjaga rapi bayaran yang dikenakan oleh pendidikan penswastaan tersebut demi mengelakkan tujuan keuntungan mereka melebihi keutamaan tanggungjawab kepada masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh sedikit tentang kesihatan. Sementara progres ekonomi meningkat, kebanyakan kehidupan rakyat di bandar kita jangan lupa bahawa masih ramai rakyat lagi yang mengalami kehidupan miskin. Mereka bukan sahaja tinggal di kawasan luar bandar tetapi di bandar dan negeri yang kurang maju. Dengan peningkatan kadar inflasi, jurang kekayaan di antara golongan kaya dan miskin akan bertambah luas jika tidak diselesaikan dengan baik. Kebelakangan ini tujuan Kementerian Kesihatan akan meningkatkan bayaran pesakit luar yang dikenakan oleh hospital besar adalah tidak sesuai. Saya bercadang bahawa beberapa bayaran pesakit luar untuk golongan miskin harus digugurkan. Sebagai gantian, secara langsung untuk pembahagian semula kesihatan ialah pesakit kaya harus dikenakan bayaran yang lebih tinggi demi mensubsidi pesakit miskin. Saya yakin, Kementerian Kesihatan boleh berusaha sesuatu di atas cadangan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menyentuh sedikit tentang pertanian. Salah satu yang menggalakkan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh ialah dalam Jadual 83 menunjukkan bahawa pengeluaran padi dianggar jatuh daripada 2.192 juta tan pada tahun 1995 kepada 1.94 juta tan pada tahun 2000. Walaupun peratusan kemerosotan dalam jangka masa ini hanya 10% sahaja tetapi kalau tidak dijaga dengan berhati-hati keadaan sebenar yang lebih dahsyat daripada apa yang kita lihat secara permukaan akan berlaku. Sebenarnya, kita telah mengimport agak banyak beras dari negara jiran. Seperti dalam kes buruh asing, kalau kita terlalu bergantung kepada beras luar negara, kita akan menghadapi masalah serius apabila negara pengeksport mengalami musim kemarau atau mala petaka alam semula jadi.

Janganlah terlalu mementingkan industrialisasi sehingga mengadakan kehendak untuk memajukan pengeluaran pertanian utama kita. Dengan kekayaan hutan hujan tropika dan kesuburan tanah di negara kita, kita boleh membuat sesuatu untuk meningkatkan pengeluaran padi dengan memajukan etnik produksi. Jepun sebuah negara industri memahami kepentingan beras untuk kegunaan negaranya malahan boleh mengeksport sebilangannya.

Rancangan Kerajaan Jepun memberi insentif kepada pengeluaran padi memang menggalakkan ramai rakyat balik ke sawah padi. Sebenarnya, ramai petani di negara membangun adalah sangat kaya. Saya bercadang bahawa kerajaan kita menswastakan beberapa dana negara kepada rakyat untuk menjalankan pertanian padi dan mengutamakan intensif pengeluaran berasaskan pengeluaran sebenar bukan dalam bentuk subsidi pra pengeluaran. Misalnya, jaminan membeli balik dengan harga yang berpatutan. Wawasan 2020 tanpa memenuhi keperluan beras dan nasi lemak memang tidak begitu lengkap.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga mahu menyentuh sedikit tentang moral. Apabila masyarakat kita semakin kaya, soal moral haruslah ditekankan. Sebenarnya, penyakit sosial seperti penyalahgunaan dadah, penghiduan glue, lepak dan bohsia menghantui pemuda kita pada hari ini. Sesetengah bukti menunjukkan bahawa undang-undang yang dapat mengatasi penyakit tersebut hanya secara semulajadi sahaja.

Undang-undang tersebut adalah tidak berkesan dalam melindungi pemuda daripada kebiasaan ini. Fokus undang-undang haruslah dalam aspek pembangunan moral pemuda. Kita tidak boleh menolak bahawa kerana kita pada hari ini memenuhi tekanan rakan yang besar di sekolah. Dengan peningkatan besar bilangan ibu bapa yang bekerja, kebanyakan masalah pemuda bermula dari masalah keluarga dan disebabkan oleh ibu bapa mereka yang mengabaikan aktiviti anak mereka. Kasih bermula dari keluarga, itulah cara menangani masalah pemuda. Sebagai cara pencegahan, saya bercadang bahawa lebih banyak kursus untuk ibu bapa dijalankan oleh kerajaan dan pihak majikan khasnya untuk ibu bapa yang bekerja, ibu bapa tunggal dan ibu bapa remaja. Saya juga bercadang untuk mencegah masalah pemuda, kerajaan harus menguatkuasakan undang-undang supaya ibu bapa bertanggungjawab di atas kes jenayah yang dilakukan oleh anak-anak mereka di atas umur 18 tahun. Ini termasuklah dendaan dan hukuman penjara ke atas kedua ibu bapa dan kanak-kanak.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, sila gulong.

Tuan Tiong Thai King: Tambahan pula, semua pekerja harus sentiasa menghadiri kelas moral dan sebelum mengambil ahli baru dalam perkhidmatan awam. Setiap pegawai mestilah lulus dalam subjek moral.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ingin menyebut sedikit tentang

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, masa tidak mengizinkan. Masa sudah suntuk, Yang Berhormat!

Tuan Tiong Thai King: Sorry?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Masa sudah habis.

Tuan Tiong Thai King: Sedikit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, itu keputusan saya, Yang Berhormat. Ada ahli lain yang hendak berucap lagi, setiap orang 20 minit sahaja.

Tuan Tiong Thai King: Dua minit boleh?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Sila gulung, Yang Berhormat.

Tuan Tiong Thai King: Gulung!

Tuan Yang di-Pertua, pada pilihan raya Parlimen yang telah diadakan pada tahun lalu, saya telah menggunakan untuk memproses data yang terdapat dari Daftar Pemilih 1994, kami mendapati nama seseorang pengundi dicatat berulang di dua bahagian pilihanraya Parlimen iaitu kawasan Lanang dan kawasan Sibu dan sama ada berulang di dua polling station, dengan izin, dalam satu kawasan. Dengan perkataan lain, pemilih itu mempunyai dua kali peluang untuk mengundi yang melanggar undang-undang, dia boleh membuang undi dua kali di luar bahagian pilihanraya Parlimen atau Negeri.

Jikalau dia mahu dan juga jika kesalahannya tidak diketahui oleh pegawai-pegawai pilihanraya berkenaan itu.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, masa sudah cukup, ya.

Tuan Tiong Thai King: Sedikit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Dan lagi pun apa Yang Berhormat bangkitkan itu saya tidak nampak sebarang hubungkaitnya dengan Rancangan Malaysia Ketujuh.

Tuan Tiong Thai King: Okay. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Hulu Terengganu.

7.11 ptg.

Tuan Haji Mustafa bin Muda (Hulu Terengganu): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mengambil bahagian dan menyatakan terima kasih kepada pucuk pimpinan negara Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga anggota-anggota kerajaan seterusnya perancang-perancang ekonomi negara yang telah dapat merangka satu dasar Rancangan Malaysia Ketujuh yang begitu komprehensif yang telah menampilkan kejayaan serta terus menempah kecemerlangan untuk abad yang ke-21.

Selain daripada itu, Rancangan Malaysia Keenam, yang telah pun dapat kejayaan yang besar telah mencapai tahap yang begitu membanggakan dan berjaya membawa negara Malaysia ke tahap yang kukuh dan mantap dan telah berjaya menyaingi negara-negara maju yang membangun.

Saya amat yakin dengan cara dan strategi yang rapi, Malaysia akan berjaya terus menempah kecemerlangan yang akan menjadi saingan utama di pentas ekonomi dunia amnya, khususnya dalam lingkungan negara-negara yang membangun, yang maju di Asia dan Pasifik.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat dimensi baru Rancangan Malaysia Ketujuh, salah satu di antaranya yang terpenting yang saya bercakap di sini, sebagai Ahli Dewan Rakyat mewakili kawasan luar bandar, lebih 70% terdiri daripada kaum tani dan masyarakat nelayan. Walaupun perkara seumpama ini, ramai di kalangan rakan-rakan Ahli Dewan telah bercakap, tetapi saya hendak menampilkan untuk masalah kehidupan rakyat luar bandar bagi menempuhi lima tahun yang akan datang dan seterusnya untuk menuju ke arah Wawasan 2020 khususnya dalam bidang pertanian, perladangan dan lain-lain.

Apa yang kita dapati dalam Rancangan Malaysia Keenam, kalau kita lihat struktur perladangan sawit khususnya dan kehidupan para peneroka-peneroka Felda, umpamanya, didapati banyak kemerosotan hasil-hasil sawit dari segi ratio pengeluarannya tidak begitu meningkat. Ini disebabkan, pertama sekali, infrastruktur ladang-ladang sawit tidak begitu baik. Jalan-jalan dalam ladang sawit tidak begitu memuaskan, walaupun harga sawit naik sampai RM250 satu tan metrik dan harga Buah Tanam Basah (BTB) yang dipungut daripada pokok kelapa sawit lebih kurang RM150 satu tan dan harganya boleh berubah dan menjadi kemerosotan kepada hasil peneroka-peneroka ini disebabkan kerana tertangguh hasil mereka untuk hantar ke kilang-kilang.

Jadi, kalau hasil sawit ini, bila terlewat 12 jam, ratio percentnya telah turun. Biasanya 8%, kalau cepat boleh pergi sampai 14% dan harga akan meningkat dengan sebab perubahan ratio perahan. Jadi, saya mencadangkan supaya dalam Rancangan Malaysia Ketujuh pihak Felda dan khususnya Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi mengambil perhatian yang begitu serius terutama sekali prasarana dalam ladang-ladang sawit, kemudahan jalan-jalan yang begitu selesa dan yang kedua, masalah transport.

Transport juga menjadi masalah kerana banyak lori-lori peneroka ini yang diangkut melalui koperasi Felda terdiri daripada lori-lori hantu yang tidak ada cukai jalan dan sebagainya. Ini juga menjadi halangan bila sahaja buah-buah sawit diangkut daripada ladang hendak hantar ke kilang sawit, tersekat di tengah jalan, sampai 1-2 hari dan ini menyebabkan nilai buah sawit itu akan menurun.

Kedua-dua kementerian ini, terutama sekali Kementerian Pengangkutan, saya mengharapkan supaya syarat atau kaedah tertentu yang membolehkan lori-lori mengangkut buah sawit ini diberi kelonggaran dan sebagainya.

Begitu juga, Tuan Yang di-Pertua, sebagai masyarakat pedalaman, terutama sekali bidang pertanian dan nelayan. Kalau kita lihat persisiran pantai di seluruh negara kita, perkara nelayan ini saya tidak dengar lagi orang bercakap, jadi saya kena bercakap sedikit sebab saya datang juga daripada keluarga nelayan. Bila kita lihat nelayan sekarang ini kita berkehendak mereka juga mendapat ataupun meningkatkan pendapatan hasil mereka dan apa yang selalu kita dengar sekarang ini, walaupun ada perubahan-perubahan bagi meningkatkan hasil nelayan ini, dengan diberikan pelbagai subsidi, sama ada subsidi pukut, bot dan sebagainya, tetapi yang menghalang mereka, bila sahaja mereka pergi ke laut dalam, mereka akan bertembung dengan nelayan-nelayan asing dan kadang-kala rompakan di laut berlaku, pencerobohan rakyat asing juga ke perairan negara kita pun berlaku dan setengah-setengah nelayan kita jadi ketakutan.

Saya mengharapkan perkara seumpama ini juga diambil perhatian serius dalam Rancangan Malaysia Ketujuh kalau kita lihat apa yang disebut di sini, dimensi baru Rancangan Malaysia Ketujuh ini di antaranya ialah rombakan sektor pertanian termasuk perikanan.

Dengan sebab itu, bukan sahaja kita mengawal pantai, dengan secara yang lebih kuat menghalang nelayan asing menceroboh dalam perairan negara kita. Yang kedua pula, alat-alat kelengkapan nelayan ini mestilah secara moden. Kalau di Jepun, umpamanya, nelayan-nelayan Jepun bila pergi ke laut dalam sampai beratus batu satu minggu baru pulang ke pengkalan mereka dan mereka pula pergi ke laut, mereka dapat mengenal ikan dengan jelas dengan alat-alat yang saintifik, alat-alat yang moden dan teknologi tinggi yang mereka dapat kenal berbagai jenis ikan itu, tetapi nelayan-nelayan kita belum lagi sampai ke tahap itu. Jadi, sesuai dengan rancangan untuk memajukan negara kita dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh ini, nelayan juga diambil perhatian yang berat kerana kalau kita lihat sekarang ini, amat sedih! Kalau datang musim-musim tengkujuh, mereka tidak dapat menangkap ikan.

**(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)**

Tuan Yang di-Pertua, sektor pertanian, walaupun banyak sudah Ahli-ahli Yang Berhormat bercakap masalah tanah terbiar, masalah meningkatkan hasil pengeluaran pertanian yang menjadi makanan utama seperti beras dan sebagainya walaupun kita tahu negara kita masih belum lagi sampai tahap menjadikan susah hendak makan sebab kita tahu sekarang ini ada di antara rakan kita sebut, negara kita ramai orang mati kerana makan tetapi kita jangan lupa, kalau kita lihat tanah tidak begitu luas dan tidak akan membesar tetapi rakyat akan bertambah. Mungkin dalam tempoh 30 tahun kalau sekiranya kita tidak kawal pengeluaran hasil pertanian seperti kawasan padi dan sebagainya, maka sudah tentu kalau kita tidak zonkan sepertimana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat dari Yan, kita gazetkan kawasan pertanian, maka lama-kelamaan bendang padi akan terhapus. Kita akan dapat melihat bangunan-bangunan tinggi, dan

mungkin dalam waktu dan tempoh 30 tahun negara kita terpaksa mengimport banyak beras dan bahan makanan daripada luar. Ini akan mengalir keluar wang negara kita begitu banyak. Perseimbangan ini harus kita kena kaji dengan serius.

Maka sebab itulah saya mencadangkan pada Kementerian Pertanian supaya mengkaji dengan lebih teliti bukan sahaja untuk meningkatkan kualiti pertanian, dari segi didikan, dari segi peralatan, tetapi yang penting ialah penggunaan tanah. Oleh sebab itu, tanah-tanah yang terbiar dan berselerak di seluruh negara ini, sama ada tanah gambut yang juga banyak di Sarawak, panggil pakar-pakar yang khusus untuk mengkaji bagaimana tanah gambut boleh kita tanam dengan tanaman yang boleh mendatangkan hasil. Begitu juga dari segi tanah-tanah bendang yang lain, tanah paya dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, beralih kepada soal pengangkutan, saya berterima kasih kepada pihak kerajaan Kementerian Pengangkutan dan juga Kementerian Kerja Raya kerana dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam, banyak laluan lebuh raya telah dapat dilaksanakan di seluruh negara. Khususnya di negeri Terengganu ada dua tiga lebuh raya yang mendekatkan di antara negeri dengan negeri, termasuk antara Pantai Timur dengan Barat dan Utara. Tetapi sungguhpun begitu, lebuh raya-lebuh raya dalam negeri tidak begitu banyak. Negeri Terengganu yang sedang membangun sekarang ini kita dapati kesesakan lalulintas. Oleh sebab itu, bukan sahaja dari segi lebuh raya jalan darat, lebuh raya udara juga khususnya landasan lapangan terbang Sultan Mahmud, bagi membolehkan kapal-kapal terbang besar mendarat patut diperbesarkan. Lebuh raya dalam negeri Terengganu tidak banyak. Di antara yang disebut di sini, Kuala Berang ke Kuala Terengganu. Jaraknya ialah 50 kilometer. Laluan ini amat sesak dan kadangkala banyak berlaku

kemalangan. Saya cadangkan ianya menjadi lebuhraya dua hala.

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh saya dapati tidak ada perancangan lebuhraya dalam negeri. Yang ada ialah lebuhraya di antara negeri dengan negeri. Umpamanya di antara Kelantan dengan Terengganu akan diperbesarkan untuk menyambung lebuhraya ke Utara. Tetapi lebuhraya dalam negeri harus juga difikirkan sesuai dengan era pembangunan negeri Terengganu itu sendiri dalam mengimbangi di antara pembangunan negeri-negeri di seluruh negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, soal tanah juga saya ingin sentuh, iaitu Tanah Rizab Melayu dengan bukan Melayu. Ini juga saya mengharapkan supaya kerajaan mengkaji semula Tanah Rizab Melayu. Kerana dari segi pasaran, saya dapati tanah yang bukan Melayu atau freehold, dengan izin, tanah ini nilainya tinggi. Bila tanah itu ada setempat di antara Tanah Rizab Melayu dengan tanah bukan Melayu, freehold tadi, maka perbezaan amat ketara dari segi harga pasaran harga tanah. Ini juga harus kita kaji semula supaya penyelarasan harga Tanah Rizab Melayu ini tidak akan jadi hilang dan terhakis. Kerana kita dimaklumkan sekarang ini ada pembeli-pembeli tanah dengan harga yang tinggi, menawarkan kepada Tanah-tanah Rizab Melayu ini berpuluh ribu ringgit, dan mereka tertarik dengan tawaran ini. Akhirnya mereka jual kepada pihak-pihak yang tertentu, ada di antaranya pendatang-pendatang asing.

Dalam soal pendatang asing juga, kita dapati, saya kena sentuh sedikit, pertama sekali dalam ladang-ladang sawit, saya rasa di KETENGAH, Terengganu amat banyak pendatang-pendatang pekerja asing, sama ada daripada negara jiran, jiran yang terdekat, Thailand dan juga Indonesia. Apa yang berlaku yang menjadi masalah kepada kita ialah

pendatang-pendatang pekerja asing ini bila bekerja di ladang-ladang tersebut, mereka kahwin dengan wanita-wanita tempatan. Bila berkahwin dengan wanita tempatan, mereka dapat anak. Kadangkala suami pendatang asing dihalau atau dihantar pulang, atau ditangkap. Maka isteri yang mengandung atau mendapat anak. Dia mengadu kepada Wakil Rakyat, minta tolong menyelesaikan warganegara dan lain-lain. Jadi ini persoalan yang timbul.

Tuan Yunus bin Rahmat: Kahwin dengan Wakil Rakyat. (*Ketawa*)

Tuan Haji Mustafa bin Muda: Nak kahwin, isteri orang. Ini yang timbul. Bila dia beranak, hendak berdaftar beranak satu hal, mana bapa dia. Tak tahu di mana bapa dia. Yang kedua pula, bila anak besar hendak masuk sekolah, boleh masuk sekolah, tetapi tak boleh daftar. Ini saya harap Kementerian Dalam Negeri kena kaji peraturan-peraturan perkahwinan supaya tidak menjadikan masalah kepada wanita-wanita tempatan. Saya pernah melihat dan menemui masalah seumpama ini.

Tuan Yunus bin Rahmat: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Jelebu bangun, Yang Berhormat.

Tuan Haji Mustafa bin Muda: Tuan Yang di-Pertua, akhirnya.....

Tuan Yunus bin Rahmat: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Hendak beri jalan?

Tuan Yunus bin Rahmat: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya berterima kasih kepada Yang Berhormat dari Hulu Terengganu kerana menyentuh masalah pekerja-pekerja asing, buruh-buruh asing di ladang-ladang di seluruh

negara. Apa yang menarik perhatian saya, dan ingin saya mendapat penjelasan sedikit tentang pandangan Yang Berhormat juga, apa sebabnya terdapat wanita-wanita tempatan dan kebanyakannya ibu bapa kepada wanita tempatan lebih berminat untuk menjodohkan anak-anak mereka dengan pekerja-pekerja asing yang datang bekerja di tanah-tanah mereka dan juga di kawasan-kawasan perkampungan mereka. Agaknya adakah mereka ini tidak atau telah memahami peraturan perkahwinan dan peraturan berkahwin dengan bukan warganegara ataupun sebagainya. Apakah cadangan Yang Berhormat agaknya? Terima kasih.

Tuan Haji Mustafa bin Muda: Terima kasih sahabat saya daripada Jelevu. Sebenarnya saya tidak tahu hakikat sebenarnya kenapa gadis-gadis ataupun wanita-wanita tempatan tertarik kepada pendatang-pendatang asing. Tetapi apa yang jelas kita lihat kadang-kadang pendatang asing ini memang orang yang bekerja kuat. Kadang-kadang terhimpit oleh kesempitan hidup dan kemiskinan keluarga tempatan berlakulah perkahwinan. Jadi, inilah masalah-masalah yang timbul. Saya mengharapkan Kementerian Dalam Negeri supaya gejala ini terhindar supaya wanita-wanita tidak menjadi penganiayaan.

Tuan Jimmy Doland: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta penjelasan dari kawan saya sama ada beliau ingin mengesyorkan bahawa anak pendatang asing dengan anak wanita tempatan ini diberi kewarganegaraan Malaysia?

Tuan Haji Mustafa bin Muda: Terima kasih, itu memang saya hendak cadangkan supaya tidak mendatangkan masalah. Memang benar, saya pernah mengemukakan masalah ini kepada kementerian supaya anak-anak pendatang asing ini mesti diberi taraf yang sama. Kalau tidak akan menimbulkan masalah dari segi persekolahan dan sebagainya. Saya setuju.

Yang akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh soal industri kampung di bawah Kementerian Luar Bandar. Kita lihat ada beberapa kementerian, sampai ada yang disebut oleh rakan kita dari Parit Sulong dahulu. Yang pertama, Kementerian Belia dan Sukan yang mempunyai projek perancangan, peladang muda, belia peladang, belia niaga. Kementerian Pembangunan Usahawan juga ada usahawan muda. Kementerian Pembangunan Luar Bandar ada projek industri kampung. Kadangkala kita lihat overlapping, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, bertindih program juga target group yang sama. Latihan-latihan yang dapat oleh belia kita daripada kalangan masyarakat luar bandar yang diterima daripada MARA umpamanya, iaitu Pusat Giat Mara, dan mereka ada kemahiran dan sekaligus mereka dibantu oleh MARA. Tetapi dalam keadaan sama juga, belia-belia tersebut mendapat bantuan dari kementerian lain juga dari industri kampung. Saya dapati perkara ini kadangkala bertindih program dan target group yang sama dan saya harap ketiga-tiga kementerian ini dapat merangka satu jawatankuasa di peringkat kementerian supaya menyelaraskan program.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Masa sudah cukup, Yang Berhormat.

Tuan Haji Mustafa bin Muda: Ya, agar segala kegiatan ini dapat diselaraskan. Dengan sebab itu akhir kata, saya sekali lagi merakamkan ucapan terima kasih dan menyokong dengan sepenuhnya Rancangan Malaysia Ketujuh yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam Dewan yang mulia ini.

Saya menyarankan supaya program Rancangan Malaysia Ketujuh ini akan benar-benar bermanfaat dan berfaedah bukan sahaja rakyat dalam bandar, bahkan peningkatan sama taraf dengan rakyat luar bandar. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Tuaran.

7.32 mlm.

Tuan Yunof Edward Maringking (Tuaran): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih di atas peluang yang diberi untuk membahar Usul Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita semasa membentangkan Rancangan Malaysia Ketujuh pada 6hb Mei, 1996.

Tuan Yang di-Pertua, pelancaran Rancangan Malaysia Ketujuh merupakan satu lagi detik bersejarah di dalam adunan program pembangunan dan strategi negara untuk menghadapi cabaran ekonomi dan masalah sosial di Malaysia masa kini dan masa akan datang. Tidak dapat dinafikan bahawa melalui Rancangan Malaysia yang lampau khususnya Rancangan Malaysia Keenam, negara kita terutama di sebelah Semenanjung Malaysia, telah mencapai beberapa kemajuan yang mendadak dalam bidang pembangunan ekonomi dan sosial. Namun, pada masa yang sama tidak dapat dinafikan juga bahawa tidak kurang pula gejala-gejala sosial yang bersifat negatif telah timbul seperti penderaan atau pembuangan bayi, penyalahgunaan dadah dan banyak lagi kemerosotan moral di kalangan rakyat termasuk murid-murid sekolah, kakitangan kerajaan dan pemimpin-pemimpin masyarakat. Keadaan ini perlu ditangani dengan bersungguh-sungguh dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, oleh kerana kemajuan negara di dalam bidang ekonomi tidak akan membawa apa-apa manfaat atau makna sekiranya moral di kalangan masyarakat terus merosot.

Tuan Yang di-Pertua, kejayaan Rancangan Malaysia Ketujuh ini bukan sahaja memerlukan pelaksanaan yang efisien, tetapi sokongan dan kerjasama semua lapisan masyarakat. Ianya juga

memerlukan kestabilan politik yang berterusan dan perpaduan di dalam UMNO sahaja tidak akan mencukupi untuk memenuhi kehendak pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketujuh, malah perpaduan seluruh masyarakat Malaysia seperti yang diidam-idamkan di dalam Wawasan 2020 perlulah direalisasikan. Di dalam konteks ini, saya ingin mencadangkan supaya parti-parti UMNO, MCA dan MIC dijadikan parti-parti berbilang kaum agar kita tidak lagi akan menghadapi masalah perkauman di negara kita. Jika kita terus berkelompok di dalam parti-parti perkauman, maka sudah tentulah masalah perkauman akan berterusan. Walaupun kita cuba berusaha untuk menangani masalah perkauman ini, tidak dinafikan bahawa masalah perkauman masih lagi membimbangkan dan boleh mendatangkan berbagai-bagai masalah kalau tidak diteruskan tindakan-tindakan positif untuk menanganinya melalui integrasi nasional.

Tuan Yang di-Pertua, kemiskinan walaupun kita telah berusaha bersungguh-sungguh melalui beberapa langkah yang telah diambil oleh kerajaan masih lagi menghantui rakyat luar bandar dan khususnya rakyat bumiputera. Saya kira di Sabah ataupun di Sarawak masih terdapat lebih kurang 80% daripada rakyat yang terbelenggu di dalam kemiskinan terdiri daripada kaum bumiputera. Oleh yang demikian, saya mencadangkan agar usaha ke arah membasmi kemiskinan ini di seluruh negara haruslah dipergiatkan lagi sepanjang Rancangan Malaysia Ketujuh ini. Dan ke arah ini saya di sini ingin mencadangkan supaya kerajaan membentuk satu yayasan pembasmian kemiskinan dan wang untuk dibelanjakannya nanti bolehlah diperuntukkan melalui kerajaan dan juga sumbangan daripada rakyat yang sudah maju di dalam bidang ekonomi.

Saya bersetuju bahawa usaha untuk membasmi kemiskinan ini tidak seharusnya dipertanggungjawabkan

kepada kerajaan sahaja, tetapi mereka yang sudah mendapat manfaat daripada usaha kerajaan untuk memperbaiki ekonomi haruslah juga bertanggungjawab dan di dalam masa yang sama kerajaan haruslah juga bertimbang rasa supaya kompeni-kompeni ataupun perseorangan yang menyumbang ke arah yaysan pembasmian kemiskinan yang dicadangkan itu nanti hendaklah dikecualikan daripada membayar cukai.

Tuan Yang di-Pertua, saya.....

Tuan Yunus bin Rahmat: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Jelebu bangun, minta jalan.

Tuan Yunof Edward Maringking: Mungkin tidak ada masa, Tuan Yang di-Pertua, minta maaf Jelebu, lain kalilah.

Saya harap, Tuan Yang di-Pertua, agar semua pembangunan yang telah dirancang untuk negeri Sabah sepanjang Rancangan Malaysia Ketujuh ini akan dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh, oleh kerana adalah menjadi pengetahuan umum bahawa walaupun Sabah telah mencapai kemerdekaan sejak 33 tahun yang lalu, namun sehingga sekarang negeri itu masih lebih jauh mundur. Oleh yang demikian, saya minta agar bukan sahaja peruntukan untuk negeri Sabah di dalam Rancangan Malaysia Ketujuh ini dipertimbangkan semula untuk ditambah, tetapi capitation grant juga seperti yang diperuntukkan di dalam Perlembagaan Persekutuan ditimbang semula dan dinaikkan memandangkan keperluan pembiayaan pembangunan negeri semakin bertambah, sedangkan hasil-hasil di dalam negeri tidak lagi mencukupi. Dan harus diingati bahawa pembangunan di negeri Sabah perlu dipergiatkan, bukan sahaja ia mundur tetapi keluasannya yang begitu besar.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menyentuh tentang beberapa keperluan di kawasan saya sendiri. Kawasan saya di Tuaran seperti juga di kawasan Tuan Yang di-Pertua sendiri ialah kawasan luar bandar dan di dalam keadaan yang begitu saya mohon kepada Kementerian Kewangan agar memberi perhatian khusus kepada kawasan saya yang masih memerlukan pembangunan luar bandar yang lebih intensif di dalam Rancangan Malaysia Ketujuh ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Rancangan Malaysia Ketujuh ini saya minta agar kerajaan membina sebuah sekolah menengah tinggi berasrama penuh di Pekan Nabalu agar penuntut-penuntut luar bandar di sekitar pekan itu tidak akan ketinggalan dalam bidang pelajaran dan juga ekonomi. Saya difahamkan bahawa rancangan untuk ini sudah dijalankan tetapi belum lagi dilaksanakan hingga sekarang. Saya juga minta agar Hospital Daerah Tuaran dinaikkan taraf dengan pelbagai kemudahan perubatan termasuk rawatan kecemasan, ICU dan juga tempat ibu-ibu bersalin memandangkan keperluan yang semakin meningkat.

Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks ini juga saya ingin menarik perhatian kepada Kementerian Kesihatan bahawa Hospital Ratu Elizabeth di Kota Kinabalu hanya mempunyai lapan buah katil sahaja untuk rawatan kecemasan dan ini tidak mencukupi dan akibatnya banyak nyawa yang seharusnya tidak hilang terkorban begitu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga minta agar kerajaan ataupun Kementerian Kerja Raya di dalam Rancangan Malaysia Ketujuh ini membina sebatang jalan raya untuk menghubungi Kota Kinabalu dengan Ranau dengan menyambung satu jalan raya dari Kampung Pukak melalui Kampung Nulu, Paka, Pahu, Lokos dan Wasai untuk menembusi ke Jalan Tambunan-Ranau agar jikalau sesuatu

keruntuhan jalan raya berlaku di sepanjang Tamparuli-Ranau ada juga jalan untuk rakyat pulang ke Tambunan ataupun ke Sandakan di kawasan Tuan Yang di-Pertua sendiri nanti.

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan hasrat kerajaan untuk membekal elektrik di kampung-kampung, saya juga ingin mencadangkan supaya Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos atau Kementerian Pembangunan Luar Bandar membina sebuah mini hidro di Sungai Kimaulau berdekatan dengan Kampung Nulu secepat mungkin. Ini bukan sahaja dapat memperbaiki taraf hidup rakyat di sekelilingnya tetapi akan dapat mempertingkatkan kegiatan ekonomi di tempat-tempat itu kelak dan juga boleh memperbanyakkan lagi sumber tenaga di negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang saya ingin sentuh di sini ialah berkenaan dengan kehadiran pendatang asing tanpa izin di Sabah. Ianya telah pun disentuh oleh sahabat saya dari Beaufort tetapi saya ingin menarik perhatian kepada Dewan yang mulia ini iaitu kehadiran pendatang asing yang begitu ramai sekali di Sabah sudah sampai ke tahap yang merbahaya. Bukan sahaja mereka menjadi pasaran terbuka untuk sindiket kad pengenalan palsu dan juga berbagai-bagai kepalsuan di Sabah tetapi kini sudah timbul satu masalah yang begitu serius iaitu pendatang tanpa izin yang menggunakan kad pengenalan palsu sudah memohon menjadi anggota tentera dan pihak Kementerian Dalam Negeri dan juga Kementerian Pertahanan haruslah berhati-hati di dalam hal ini.

Kita bayangkan kalau di dalam tahun 2020 nanti ataupun lebih awal dari itu, jeneral-jeneral kita akan terdiri daripada rakyat asing. Jadi, bayangkanlah apa yang terjadi dengan segala Rancangan Malaysia Ketujuh ini. Kita tidak akan menikmati kemajuan kita di dalam ekonomi ini jikalau keselamatan negara

diabaikan. Saya rasa sudah sampai masanya bagi kerajaan untuk menggemblengkan tenaga bagi menghadapi masalah pendatang tanpa izin ini. Masalah pemalsuan kad pengenalan, masalah mereka mendaftar sebagai pengundi, masalah mereka merebut segala peluang kemudahan asas yang disediakan oleh kerajaan dan termasuklah menimbulkan masalah keselamatan haruslah dipandang serius.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju bahawa penswastaan itu boleh mengurangkan bebanan kewangan kerajaan tetapi saya ingin juga menarik perhatian kementerian yang berkenaan ataupun kerajaan bahawa penswastaan bukanlah satu-satunya jalan untuk mengatasi segala masalah sosial ataupun tanggungjawab kewangan. Saya bersetuju bahawa perkhidmatan perubatan tidak boleh diswastakan di saat-saat ini memandangkan lebih ramai rakyat masih dalam kemiskinan dan tidak mampu untuk membayar perubatan. Jadi, oleh yang demikian, saya berharap kerajaan akan berhati-hati di dalam segala penswastaan itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang dasar pertanian yang akan dikaji di dalam Rancangan Malaysia Ketujuh ini. Kita memang perlu mengkaji dasar kita dari masa ke semasa tetapi saya harap di dalam kajian itu nanti, dasar pertanian haruslah mengambil kira perkembangan perindustrian pertanian. Janganlah pula seperti yang dicadangkan supaya subsidi-subsidi yang diberi kepada petani akan ditarik. Saya berpendapat bahawa masanya belum tiba untuk menarik subsidi itu. Sebaliknya Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya pihak kerajaan memperkenalkan satu insentif baru untuk memperkembangkan industri pertanian bagi penyelidikan ke arah mempertingkatkan daya upaya pengeluaran dan juga untuk menambahkan nilai tinggi, high value-

added dengan izin, supaya negara bukan sahaja boleh mengatasi masalah makanan di dalam negara sendiri tetapi kita boleh menjadi pengeluar makanan untuk dieksport.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, minta gulung.

Tuan Yunof Edward Maringking: Tuan Yang di-Pertua, sedikit lagi, saya akan cuba gulung.

Oleh yang demikian, saya harap kerajaan akan mempergiatkan bantuan untuk industri pertanian ini.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam konteks ini, tanah-tanah kaum bumiputera yang kini menjadi sawah padi janganlah pula ditimbus, diambil paksa oleh kerajaan. Kerajaan haruslah melalui EPU membuat kajian sedalam-dalamnya tentang implikasi ini kalau diteruskan.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan masa tidak mengizinkan, maka sebagai menggulung, saya berharap agar pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketujuh ini akan berjalan seperti yang dijadualkan dan akan dijalankan dengan seadil-adilnya untuk semua rakyat tanpa mengira kedaerahan, fahaman politik atau agama agar semua rakyat sama-sama mendapat manfaat kemajuan ekonomi negara kita.

Di dalam konteks ini janganlah pula kita hanya asyik untuk maju di dalam ekonomi tetapi kemajuan sosial dan juga tanggungjawab kerohanian ataupun perlembagaan negeri dan negara diabaikan dan lebih-lebih lagi keselamatan negara janganlah dikorbankan. Saya harap perkara ini akan diambil perhatian. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Selangau.

7.52 mlm.

Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh(Selangau): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk mengambil bahagian dalam Rancangan Malaysia Ketujuh yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia di Dewan yang mulia ini pada 6hb Mei, 1996 yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebagai seorang Wakil Rakyat kawasan luar bandar P.186 Selangau, negeri Sarawak ingin mengambil kesempatan di Dewan yang mulia ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita kerana telah membentangkan Rancangan Malaysia Ketujuh dengan begitu prihatin menyentuh semua aspek pembangunan dan kemajuan bagi negara kita untuk menjayakan Wawasan 2020 menuju abad ke-21 sebagai sebuah negara yang termaju dalam dunia masa kini.

Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Ketujuh akan mengekal dan meneruskan penekanan kepada konsep pembangunan seimbang demi manfaat rakyat pelbagai kaum dan peringkat tanpa menyisihkan mana-mana golongan.

Tuan Yang di-Pertua, seiring dengan itu, kemajuan yang pesat dalam usaha mengurangkan kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat serta peningkatan taraf hidup rakyat telah dapat dicapai pada pendapatan per kapita pada nilai nominal meningkat dari RM1,106 dalam tahun 1970 kepada RM9,786 pada tahun 1995. Dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, kerajaan menyediakan peruntukan untuk projek sektor awam RM162.5 bilion. Dengan ini akan memercu pertumbuhan ekonomi negara sekaligus meningkatkan pendapatan per kapita rakyat kita kepada RM14,788 menjelang tahun 2000.

Tuan Yang di-Pertua, kini zaman telah berubah, kita sedang melangkah ke alam yang baru serta era yang mencabar di mana wawasan dan idea inovatif adalah sebahagian daripada proses untuk menempa kejayaan. Perjuangan kita belum selesai kerana hanya yang cekal dan tabah dapat membina mercu tanda bangsanya yang berjaya. Hari ini, jalan ini pasti semakin berliku kerana masa depan generasi muda kita belum tentu menjayakan kejayaan negara jika mereka yang muda lemah dan kecewa. Untuk menghadapi era globalisasi yang kini adalah suatu yang mesti terjadi.

Tahun 90-an merupakan kesedaran negara-negara membangun terhadap betapa pentingnya era globalisasi untuk mendapatkan tempat yang sempit dari sudut politik, ekonomi, pendidikan, sains dan teknologi.

Dalam hubungan antarabangsa, kecemerlangan sesuatu bangsa tidak lagi boleh tercapai dengan memisahkan diri dari hubungan dunia luar. Kemajuan sains dan teknologi juga menyedarkan betapa penting sesuatu bangsa itu berfikir global untuk mencapai cita-cita wawasan yang telah diilhamkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita pada 28hb Februari, 1991 sebagai matlamat dan rancangan jangka panjang negara untuk menjadi negara maju dalam acuannya sendiri pada tahun 2020.

Tuan Yang di-Pertua, pada zaman ekonomi digital, media berangkai, networked intelligence, dengan izin, mampu merubah bukan sahaja sistem ekonomi tetapi juga sistem politik dan stratifikasi sosial serta wang ringgit, cek dan sebagainya berubah menjadi digital. Kehadiran ekonomi digital yang tidak dapat dielakkan, ini membawa pelbagai dimensi perubahan dalam corak kehidupan manusia sejagat.

Tuan Yang di-Pertua, zaman ini juga mungkin membawa pergolakan hebat

kepada dunia ekonomi yang sedia ada. Oleh yang demikian, keperluan terhadap tenaga profesional merupakan tunjang pembentukan negara maju. Kita mesti menyediakan pelbagai program keperluan sumber tenaga manusia yang mampu memberi pelbagai sumbangan besar kepada pembangunan negara. Dalam konteks ini, institusi pengajian tinggi (IPT) tempatan perlu bertindak dengan lebih dinamik dalam memastikan tuntutan ini tercapai.

Sejumlah RM10 bilion diperuntukkan bagi membiayai latihan dan pendidikan sepanjang tahun 1996 hingga ke 2000. Bagi tujuan tersebut, dengan adanya kualiti sumber manusia yang mahir, yang sesuai membolehkan negara mengalami transformasi ekonomi daripada berasaskan pertanian tradisional ke pertanian moden dan beralih kepada perindustrian yang berjaya.

Menurut Rancangan Malaysia Keenam keperluan terhadap golongan profesional meningkat dengan banyak, misalnya pada tahun 1985 kita di Malaysia memerlukan 28,400 orang golongan profesional berbanding dengan 60,300 orang pada tahun 1995. Dalam jangka panjang menjelang tahun 2020 kita mungkin memerlukan 60,000 akauntan yang bertaualiah.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebagai seorang Wakil Rakyat dari negeri Sarawak ingin tahu berapakah peruntukan yang akan diagihkan untuk pendidikan negeri Sarawak dalam Rancangan Malaysia Ketujuh? Berapa buah sekolah dan sekolah-sekolah rendah yang baru akan dibina di Sarawak dalam Rancangan Malaysia Ketujuh? Berapakah peruntukan yang telah diagihkan bagi membaikpulih sekolah rendah dan menengah di luar bandar termasuk rumah guru, asrama, dewan makan, bilik sumber yang kini masih dalam keadaan yang tidak memuaskan, usang, bocor dan sebagainya?

Tuan Yang di-Pertua, saya amat mengalu-alukan saranan dari Kementerian Pendidikan bahawa pelajaran komputer akan dijadikan mata pelajaran yang wajib diajarkan di sekolah-sekolah kerana kita mahu ramai pelajar kita pakar dan mampu mengendalikan pelbagai projek membabitkan pemindahan teknologi serta sebagai persiapan negara untuk mengurangkan pergantungan kepada tenaga asing.

Tuan Yang di-Pertua, jadi, soalan saya lagi, berapa buah sekolah rendah dan menengah di Sarawak yang akan dibekalkan dengan komputer dalam Rancangan Malaysia Ketujuh? Adakah alat-alat pelajaran seperti buku teks ini cukup dibekalkan kepada sekolah-sekolah di luar bandar termasuk buku teks dalam bahasa Iban di negeri Sarawak?

Adakah sekolah-sekolah ini nanti cukup guru yang mahir untuk mengajar mata pelajaran komputer? Saya yakin dan percaya pendidikan komputer yang lebih menyenangkan para guru untuk mendapat maklumat pengajaran statistik, data, sifir dan fakta disampaikan kepada murid belajar melalui CIA daripada cuba menerangkan tanpa alat-alat bantu di dalam bilik darjah dan juga dapat menjimatkan masa kepada guru kita.

Tuan Yang di-Pertua, menyedari guru adalah nadi bagi menjayakan seluruh sistem pendidikan di negara kita. Maka kerajaan kita harus melatih mereka sebagai guru profesional, berkualiti tinggi, mempunyai kepakaran dalam semua bidang kerana mereka adalah sebagai agent of change, dengan izin, dalam membangun anak bangsa kita sebagai seorang intelek yang bertaraf dunia pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang Wakil Rakyat dari luar bandar negeri Sarawak, memang saya mengalu-alukan peruntukan berjumlah RM21 bilion bagi mencepatkan pembangunan sosial dan

ekonomi negeri yang kurang maju terutamanya tiga buah negeri di Malaysia, Kelantan, Sabah termasuk negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, dari peruntukan ini, berapakah akan diagih kepada negeri Sarawak dalam Rancangan Malaysia Ketujuh. Saya minta agar negeri Sarawak akan diberi lebih banyak peruntukan kerana negeri yang paling besar dan luas di mana masih ketinggalan dalam semua aspek kemajuan dan pembangunan jika dibandingkan dengan negeri-negeri di Semenanjung Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh masalah petani dan nelayan di luar bandar Sarawak. Masih ramai rakyat di negeri Sarawak yang tinggal di kawasan luar bandar lebih lagi kaum bumiputera kita bekerja sebagai petani, pekebun kecil dan nelayan.

Dalam Rancangan Malaysia Ketujuh berjumlah RM7.56 bilion akan diperuntukkan bagi sektor-sektor pertanian. Jadi, soalan saya, Tuan Yang di-Pertua, berapakah peruntukan yang akan diagih dalam Rancangan Malaysia Ketujuh bagi pertanian Sarawak? Sebahagian besar dari petani dan nelayan kita di Sarawak masih dibelenggu dan dibebani dengan kemelaratan dan kemiskinan yang masih berpegang teguh kepada norma-norma kehidupan dan kepercayaan tradisi ortodoks, konservatif dan sebagainya.

Perkara ini berterusan sungguhpun negara kita telah mencapai kemerdekaan dalam satu dekad kerana the basis circles of poverty, dengan izin, kian masih melanda golongan ini.

Tuan Yang di-Pertua, kehidupan luar bandar atau desa majoriti terdiri daripada bumiputera kita iaitu golongan petani, saya yakin dan percaya Kerajaan Barisan Nasional kita akan membuat pelbagai usaha dan program melalui Jabatan

Pertanian, Jabatan Perikanan dan pelbagai badan berkanun dan agensi-agensi lain untuk meningkatkan taraf hidup dan sosial pendapatan golongan petani dan nelayan kita.

Pendapatan mereka ini sekarang rata-rata masih berada di bawah paras kemiskinan, saya mencadangkan pelbagai input terus disalurkan kaedah pengeluaran moden, teknologi canggih dan saintifik diperkenalkan bagi mencari formula supaya golongan petani dan nelayan kita agak aktif dan lebih pantas untuk meneruskan pencapaian yang tinggi.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, minta sambung esok, masa sudah habis untuk hari ini.

Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh: Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang hari esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 8.00 malam.